JALAN DAKWAH

Al-Ustaz Mustafa Masyhur

KANDUNGAN

Mukaddimah (1)

Setiap ilmu mempunyai fiqh (kefahaman) yang membawa para pendukung dan pelajarnya ke arah mengetahui apa yang wajib diketahui dari ilmu itu.

Oleh kerana itu hukum-hukum al-Quran mempunyai fiqh. Sunnah yang mulia mempunyai fiqh. Begitu juga sirah nabawiyah, mempunyai fiqh.

Berpandukan contoh ini, maka dakwah agama dan pembaikan (al-islah) juga mempunyai fiqh. Hanya orang yang telah diberikan agama, ilmu dan ikhlas oleh Allah Taala sahajalah yang mampu mengetahui dalamnya ilmu ini. Dengan agama lahirlah iman, dengan ilmu sempurnalah keterangan dan pengetahuan dan dengan keikhlasan berjayalah sesuatu amal dan usaha.

Limpah kurnia Allah s.w.t., dan banyak lagi kurnia Allah s.w.t. telah menghendaki untuk menyediakan saudara Mustafa Masyhur yang mulia itu. Dia memilihnya bersama pendukung dakwah yang lain untuk dakwah kepada Allah s.w.t.. Dia menetapkan pendirian mereka itu di atas al-hak di tengah kemelut ujiannya. Pun begitu apabila mereka keluar daripada ujian itu pendirian mereka lebih kuat, hati mereka lebih bulat untuk dakwah dan jiwa lebih kuat lagi. Kita tidak akan mensucikan seseorang lebih dari mensucikan Allah s.w.t. dan Allahlah yang mencukupi kita dan mencukupi mereka.

Saudara kita yang mulia ini telah menghargai kurnia Allah s.w.t. yang terlimpah kepadanya. Beliau menghargai keinginan kaum pemuda yang terjun ke medan dakwah Islam untuk mengetahui jalan menuju Allah s.w.t. dengan *bashirah* (pandangan ilmu) dan *tadabbur* (renungan). Lalu dia beristikharah kepada Allah s.w.t. dan menulis untuk kita beberapa rencana dan artikel secara terus-menerus serta bersambung-sambung tentang fiqh ad-dakwah di dalam majalah Ad-Dakwah. Sebahagian daripada para pembaca mencadangkan supaya saya mengumpulnya menjadi sebuah buku. Dengan itu ia dapat menolong para pendokong dakwah untuk berjalan di atas jalan yang nyata dalam urusan yang dakwah kepada Allah s.w.t. serta mudah difahami oleh pemuda Islam.

Kita mengenali saudara yang mulia ini kerana kesetiaannya kepada al-hak. Kerana itulah saya berani mengatakan bahawa buku mengenai topik ini adalah baik dan berfaedah. Beliau telah menerima fiqh ad-dakwah sejak remaja lagi dan melaksanakannya di zaman mudanya Allah s.w.t. menetapkan (pendiriannya) apabila beliau dewasa dan beliau diuji dizaman tuanya. Kemudian Allah Taala membekalkan beliau dengan kemampuan menulis mengenai topik ini yang telah disaksikan oleh dan ilmunya. Itu adalah satu kurniaan dari Allah s.w.t. yang diberikan kepada siapa yang dikehendakiNya dan tidak ada kesusahan di atas kurniaan Allah s.w.t..

Kita dan para pembaca yang mulia memberi pujian dan terima kasih yang tinggi kepada beliau. Kita tidak mempunyai apa-apa untuk beliau dari Allah s.w.t. kecuali doa.

Firman Allah Taala:
"*Katakanlah: Inilah jalan (agama)ku. Aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata. Maha Suci Allah s.w.t, dan aku tidak termasuk orang-orang musyrik*". Yusuf: 108

Umar Abdul Fatah At-Telmesani.
Rabiul Awal 1399. ' Februari 1979.

Mukaddimah (2)

Sesungguhnya segala puji bagi Allah Tuhan yang memelihara sekelian alam. Kita memuji Dia, meminta pertolongan kepadaNya, memohon ampun kepadaNya, dan kita meminta perlindungan kepada Allah s.w.t. dari segenap kejahatan diri kita dan dari segala keburukan usaha kita. Barangsiapa diberi hidayah oleh Allah s.w.t. maka tiada siapa yang dapat menyesatkannya, dan barangsiapa yang disesatkan oleh Allah s.w.t., maka tidak siapapun dapat memberi hidayah kepadanya. Aku mengaku bahawasanya Muhammad (s.a.w) itu hambaNya dan pesuruhNya.

Sesungguhnya sebaik-baik perkataan ialah firman Allah s.w.t. dan sebaik-sebaik hidayah ialah hidayah Muhammad s.a.w.. Sejahat-jahat perkara ialah perkara yang direka-reka di dalam agama dan setiap rekaan adalah bid'ah dan tiap-tiap bid'ah adalah kesesatan dan tiap-tiap kesesatan tempatnya di dalam neraka.

Aku tidak dapat menghitung pujian kepada Engkau Ya Allah. Engkau sebagaimana pujianMu kepada diriMu, perkasalah perlindunganMu, besarlah PujianMu, dan tidak ada Tuhan kecuali Engkau. Wahai yang telah memberi nikmat Islam kepada aku dan itulah sebaik-baik nikmat. Engkau memberi kurnia kepadaku tatkala aku masih muda hingga dapat mengenali Jamaah Ikhwanul Muslimin. Lantas aku menyertainya dan berjalan di atas jalan dakwah. Engkau memberi nikmat kepadaku untuk merasai kehidupan sezaman dengan pengasas al Ikhwan al Muslimin al Imam as Syahid Hassan al Banna (r.a). Walaupun di dalam jangka masa hanya lebih kurang sepuluh tahun sebelum beliau menemui Allah s.w.t. sebagai syahid, namun aku telah mendapat faedah yang banyak daripadanya. Engkau telah memberi nikmat kepadaku dan memuliakan aku dengan bekerjasama dengan angkatan Islam tatkala mereka terdedah kepada gangguan, bencana dan ujian. Engkau mengurniakan kepadaku kesabaran dan ketahanan dan Engkau menolong aku meneruskan perjalanan ini di atas jalan dakwah tanpa penyelewengan dan pertukaran. Semuanya itu adalah limpah kurnia, kemuliaan dan rahmat daripadaMu. Aku memohon tambahan lagi kepada Engkau daripada yang demikian supaya Engkau menyempurnakan nikmatMu kepadaku dan kepada saudara-saudara aku di atas jalan dakwah dengan Husnul Khatimah (kesudahan yang baik), supaya Engkau mengurniakan syahid di jalanMu dan memasukkan kami di dalam Jannatul Firdaus yang tertinggi, bersama-sama dengan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka dari kalangan para nabi-nabi, siddiqin, para syuhada' dan salihin. Merekalah sebaik-baik kawan.

Sesungguhnya musuh-musuh Allah s.w.t. telah membuat konspirasi terhadap dakwah ini. Mereka bersatu membuat pakatan untuk membinasakan generasi-generasi yang baru muncul. Mereka menangkap, memenjara, menyiksa dan membunuh para pendukung dakwah. Musuh-musuh Allah s.w.t. ini juga merampas semua buku-buku, majalah dan risalah yang berkaitan dengan jamaah ini. Mereka lemparkan pelbagai tuduhan palsu terhadap jamaah ini dengan tujuan memutuskan hubungan antara generasi-generasi muda dengan gerakan Islam. Biar generasi baru itu menjadi sesat dan hilang pedoman di tengah-tengah kemelut arus dengan pelbagai ideologi duniawi lantas tidak mengenali jalan kepada Allah s.w.t.. Di satu sudut lain pula, mereka bercita-cita untuk mengeringkan sumber-sumber bekalan bagi gerakan Islam. Meraka mahu supaya gerakan Islam ini ketandusan anggota-anggota baru dan darah baru yang diperlukan untuk meneruskan perjuangannya. Mereka sangka dengan berlalunya generasi kami ini akan terhentilah harakah Islam bersamanya. Tidak dapat diperbaharui lagi dan diteruskan perjuangannya kerana jauhnya para pemuda daripadanya dan kerana kejahilan mereka tentang gerakan Islam yang lalu. Mereka membuat tipu daya dan Allah s.w.t. membalas tipu daya mereka dan Allah s.w.t. adalah sebaik-baik pembalas tipu daya itu.

Sesungguh Allah s.w.t. telah menghancurkan putar belit dan tipu daya mereka. Mereka tidak berjaya menghalang cahaya Allah s.w.t. dari sampai kepada generasi hari ini lalu menyinari dan memandu mereka ke jalan dakwah. Para pemuda Islam berlumba-lumba mengadap dakwah Islam dengan penuh kesedaran, sikap yang benar dan ikhlas disertai dengan langkah-langkah yang tetap dan tegas di dalam jalan dakwah. Mereka tidak gentar dan tidak lari dengan apa yang telah didengar, dibaca atau dilihat oleh mereka tentang gangguan dan penindasan yang menimpa saudara-saudara mereka yang lalu di jalan dakwah sebelum mereka. Para pendukung dakwah sebelum mereka telah diganggu dan disakiti di jalan dakwah. Allah s.w.t. mengurniakan kesabaran kepada mereka, memberi, ketahanan dan ketetapan kepada mereka dan mengambil dari mereka beberapa banyak syuhada'. Tetapi mereka tetap tidak berlembut (berkompromi) menghadapi musuh-musuh Allah s.w.t., tidak leka, tidak berubah dan menukar arah.

Kita merasa cukup gembira melihat bunga yang sedang mekar itu (generasi muda). Kita benar-benar menghargai, menyanjungi dan menyintai mereka dan kita bertanggungjawab terhadap mereka. Kita wajib mengemukakan pengalaman-pemgalaman kita supaya **mereka bermula di mana kita telah sampai**, supaya sempurnalah percantuman di antara dua generasi. Generasi yang telah tua dan generasi yang baru muncul. Kelak diharapkan mereka mewarisi amanah ini secara keseluruhan, kemurniaanya dan iltizam dengan kitab Allah s.w.t. serta sunnah Rasullah s.a.w. juga sunnah salafussoleh r.a.

Bertitik tolak dari kesedaran tanggungjawab terhadap para pemuda Islam ini, saya pun mula menulis rencana-rencana mengenai Fiqh ad-Dakwah. Ini merupakan rencana yang pertama diterbitkan dalam Majalah Ad-Dakwah, Bilangan (7) yang terbit pada awal Muharram tahun 1397 Hijriah, bersamaan dengan Disember 1976. Rencana terakhir terbit di muka 21 dalam bilangan (29) yang terbit pada awal Zulkaedah tahun 1393 Hijriah bersamaan dengan Oktober 1978. Sewaktu saya menulis rencana-rencana ini, saya sering menemui para pemuda Islam supaya saya dapat mendengar dari mereka dan mereka dapat mendengar dari saya. Supaya saya dapat mengetahui apa yang berlegar di fikiran mereka yang penuh dengan pelbagai idea dan konsep serta gambaran terhadap amal (usaha) dan harakah. Kemudian saya mengambilnya untuk dibersihkan (tazkiyah) atau diperbetulkan berpandukan pengalaman yang telah saya perolehi sepanjang penglibatan saya di dalam dakwah. Saya tidak berani mengaku yang saya terpelihara dari kesalahan, tetapi saya sentiasa mengadap kepada Allah s.w.t. ketika menulis rencana ini supaya Dia memberi hidayah menepati apa yang benar dan menjauhkan saya dari kegelinciran dan menjadikan kerja ini ikhlas kerana Allah s.w.t. semata-mata.

Semasa saya menulis mukadimah ini, saya telah selesai menulis rangkaian yang terakhir untuk diterbitkan semuanya di dalam sebuah buku bagi memenuhi harapan kebanyakan pembaca. Saya memohon kepada Allah s.w.t. supaya buku ini berfaedah kepada para pemuda Islam di serata tempat. Saya memohon kepada Allah s.w.t. supaya mengampuni segala kesalahan dan kekurangan yang ada di dalam buku ini dan memberi ganjaran baik kepada saya kerana taufikNya kepada saya dalam melakukan usaha baik ini.

Di dalam usaha ini, saya lebih suka jika buku ini lahir menurut bentuk asalnya seperti di dalam majalah Ad Dakwah dengan dengan sedikit saringan. Semoga dengan cara itu ia dapat mengingatkan kita dengan masa dan suasana saya menulisnya ketika itu.

Akhir sekali saya berharap supaya para pembaca tidak melupakan saya apabila mereka berdoa kepada Allah s.w.t. semoga ia memberi faedah kepada saya di dunia dan akhirat. Semoga Allah s.w.t. mengumpulkan kita bersama mereka semuanya di atas jalan dakwah di dalam Jannatul Na'im dan mengurniakan syahadah (syahid) pada jalanNya. Wahai Tuhanku terimalah. Amin.

Mustafa Masyhur.



JALAN DAKWAH

Jalan dakwah hanya satu. Jalan inilah yang dilalui oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Demikian juga kita dan para pendokong dakwah, sama-sama melaluinya berpandukan taufik dari Allah s.w.t. Kita dan mereka melaluinya berbekalkan iman, amal, mahabbah (kasih sayang) dan ukhuwwah (persaudaraan). Rasulullah s.a.w. menyeru mereka kepada iman dan amal, kemudian menyatupadukan hati-hati mereka di atas dasar mahabbah dan ukhuwwah. Berpadulah kekuatan iman, kekuatan akidah dan kekuatan persatuan. Jadilah jamaah mereka jamaah yang ideal sebagai model. Kalimahnya mesti lahir dan dakwahnya pasti menang walaupun ditentang oleh seluruh penghuni muka bumi ini.

BAB 1

Penjelasan Umum Mengenai Jalan Ini

Dakwah Ikhwanul Muslimin merupakan satu suara dakwah dari siri dakwah dan seruan Rasullah s.a.w. yang pertama, yang tersemat kukuh di hati mukminin dan berulang kali menjadi sebutan di lidah mereka. Mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk menanam keimanan di hati umat Islam supaya mengamalkannya dalam setiap kegiatan hidup mereka, supaya hati-hati mereka berpadu di atasnya. Sekiranya mereka dapat berbuat demikian Allah akan menolong dan membantu mereka serta menunjukkan mereka jalan yang benar dan lurus. Marilah kita beriman dan beramal. Marilah kita berkasih sayang dan bersaudara.

Hala Tuju: Inilah setinggi-tinggi hala tuju yang kita harus berusaha kepadanya. Lantaran itu, Allahlah tujuan kita. Tidak ada suatu yang kita tuju kecuali Allah. Kita beriman kepadaNya. Kita melihat segala sesuatu untuk Dia di dalam hidup kita. Kita beribadah kepadaNya dengan sepenuh hati. Kita mencari keredhaanNya dalam setiap usaha kita dari sekecil-kecil perkara hingga kepada sebesar-besarnya dalam setiap kegiatan hidup kita dengan penuh ketulusan dan keikhlasan yang sempurna serta benar-benar yakin bahawa disitulah terletaknya kebahagiaan yang sejati, hidayah yang hakiki dan kejayaan yang sebenar.

"*Maka segeralah kembali kepada (mentaati) Allah. Sesungguhnya aku seorang pemberi peringatan yang nyata dari Allah untukmu* " AzZaariyat: 50

Tugas dan Kepentingannya adalah besar dan agung iaitu memimpin dunia, mengajar seluruh manusia kepada sistem Islam, cara hidup Islam dan ajaran yang baik di mana manusia tidak mungkin bahagia tanpanya. Tugas ini bukan tugas juz 'iah, bukan separuh-separuh dan bukan sebahagian-bahagian. Bukan hanya untuk mencapai tujuan-tujuan terbatas di dalam jurusan politik, sosial dan ekonomi sahaja. Bukan juga hanya untuk satu tempat atau satu daerah tertentu. Bukan juga terbatas kepada satu bangsa dan tanahair yang tertentu. Tetapi ia satu tugas agung yang meliputi setiap aspek kehidupan demi kebaikan yang paling sempurna dan paling bahagia kepada seluruh manusia dan manusia sejagat, bahkan bagi seluruh makhluk Allah kerana sesungguhnya Rasullah itu diutus untuk membawa rahmat ke seluruh alam.

Balasannya sangatlah besar. Selain daripadanya adalah kecil belaka. Segala yang ada dalam kehidupan kita di dunia, semua nikmat, harta benda, kekuasaan, kesenangan dan kemewahan semuanya kecil belaka. Balasannya di sana adalah syurga yang seluas langit dan bumi. Di dalamnya disediakan apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas oleh fikiran. Di sana kita akan bersama dengan para anbiya', para siddiqin, para syuhada' dan para salihin kerana merekalah sebaik-baik sahabat. Kita akan terselamat dari azab neraka yang bahan bakarnya terdiri dari batu dan manusia. Kemuncak dari itu semua ialah '*keredhaan Allah*'.
"*Dan keredhaan Allah adalah lebih benar, itu adalah keberuntungan yang besar.*" At Taubah :72

1.1 Tabiat Jalan Dakwah:
"*Aliif Laam Miim. Adakah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan mengatakan kami telah beriman sedangkan mereka tidak diuji. Sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang sebelum mereka. Lantaran itu Allah mesti mengetahui orang-orang yang benar dan orang-orang yang berdusta*". Al-Ankabut: 1-3

Jalan dakwah tidak ditaburi dengan bunga-bunga, tetapi merupakan satu jalan yang susah dan panjang. Kerana sesungguhnya antara yang hak dengan batil ada pertentangan yang nyata. Ia memerlukan kesabaran dan ketekunan memikul bebanan yang berat. Ia memerlukan kemurahan hati, pemberian dan pengorbanan tanpa mengharapkan hasil yang segera tanpa putus asa dan

putus harapan. Yang diperlukan ialah usaha dan kerja yang berterusan dan hasilnya terserah kepada Allah di waktu yang dikehendakiNya.

Mungkin anda tidak akan dapat melihat natijah serta hasilnya ketika anda masih hidup. Sesungguhnya kita hanya disuruh beramal dan berusaha, tidak disuruh melihat hasil dan buahnya.
Sesungguhnya apa yang akan ditemui oleh para duat di jalan Allah adalah gangguan dan tekanan dari golongan taghut dan musuh-musuh Allah yang mahu menghapuskan mereka, memusnahkan dakwah mereka atau menghalang mereka dari berdakwah. Itu adalah lumrah yang telah berlaku berulang kali di zaman ini. Semuanya didorong oleh rasa takut golongan taghut. Mereka takut kuasa mereka yang berdiri di atas dasar kebatilan akan musnah apabila yang hak bangun dan tegak untuk menghapuskan kebatilan.
"*Sebenarnya Kami melontarkan yang hak kepada yang batil, lalu yang hak itu menghancurkannya, maka dengan serta merta yang batil itu lenyap.*"Al-Anbiyaa': 18

Bagi menghalakan terkaman dan cengkaman kuku besi mereka ke atas dakwah al-hak dan para pendokong dakwah, mereka terlebih dahulu akan mereka-reka pelbagai tuduhan yang paling keji dan dusta itu kemudianya dilemparkan kepada para pendokong dakwah. Mereka gambarkan kepada manusia bahawa para pendokong dakwah adalah musuh negara dan musuh orang ramai supaya orang ramai bangun menentang mereka seperti apa yang dilakukan oleh Firaun dan para pembesarnya terhadap Nabi Musa.
"*Dan berkatalah Firaun (kepada pembesar-pembesarnya): Biarlah aku membunuh Musa dan hendaklah dia memohon kepada Tuhannya, kerana sesungguhnya aku khuatir dia akan menukar agamamu atau menimbulkan kerosakan dimuka bumi*".Al-Mukmin: 26

Subhanallah, Maha Suci Allah. Demikianlah sikap Firaun dan pembesar-pembesarnya, sikap pengikut-pengikut Firaun di zaman itu ataupun di zaman ini. Nabi Musa dituduh sebagai perosak dan Firaun dianggap sebagai pembela bangsa dan memelihara kepentingannya. Pembesar-pembesar Firaun menghasut Firaun supaya menentang Musa dan kaumnya serta menakut-nakutkan Firaun akan perbuatan Musa. Lalu Firaun menenangkan fikiran mereka dengan menyatakan bahawa dia akan mengawasi Musa:
"*Berkatalah pembesar-pembesar dari kaum Firaun (kepada Firaun): Apakah kamu akan membiarkan Musa dan kaumnya untuk membuat kerosakan di negeri ini (Mesir) dan meninggalkan kamu serta tuhan-tuhanmu?. Firaun menjawab : Akan kita bunuh anak-anak lelaki mereka dan kita biarkan hidup anak-anak perempuan mereka, sesungguhnya kita berkuasa penuh ke atas mereka*". Al-A'raaf: 127

1.2 Balasan Baik Bagi Orang-orang Yang Bertakwa:
Namun, semua itu tidak melemahkan iman Musa dan kaumnya. Musa mewasiatkan kepada mereka supaya bersabar dan memohon pertolongan dari Allah s.w.t. dan menggembirakan mereka serta menenangkan hati mereka dengan mengingatkan bahawa bumi ini kepunyaan Allah. Dia pasti akan mempusakakannya kepada hamba-hambanya yang bertakwa.
"*Musa berkata kepada kaumnya: Mohonlah pertolongan dari Allah dan bersabarlah, sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah, dipuskakannya kepada sesiapa yang dikhendakiNya dari hamba-hambaNya. Dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa*" AlA'raaf: 128

Jadi jalan dakwah, walau bagaimana pun susahnya, deritanya dan pahit akibatnya, tetapi terjamin hasilnya.
"*Kami selalu berkewajipan menolong orang-orang yang beriman* " Ar-Rum: 17

1.3 Inilah Marhalah (Peringkat) Dari Jalan Dakwah
Islam di Timur telah berjalan di atas dakwah Islam, telah membangun satu kebudayaan yang tiada tolok bandingnya, kemudian tidur nyenyak lalu kehilangan mutiara dakwah di dalam hidup manusia. Lantaran itu mereka kehilangan segala kekuasaan dan segala kehebatannya. Bumi mereka telah dijajah oleh bangsa-bangsa jahiliah. Kekayaan mereka telah dirampas dan dirompak. Jihad dan perundangan Islam telah disembunyikan. Lebih dari itu, akhlak Islam telah disorokkan. Hancur berderailah segala kemuliaan lalu diganti dengan *ananiah* (individualistik) dan kekacauan. Mudahlah kekufuran dan keingkaran mengambil jalannya tanpa rintangan dan halangan. Tetapi Allah Taala yang Maha Suci telah menyediakan sebab musabab untuk kebangkitan Islam di Timur itu dari lena, kebangkitan Islam yang baru di zaman baru ini.

Dalam kebangkitan arus Islam yang kuat ini maka lahirlah 'Jamaah Ikhwanul Muslimin' dan beberapa jamaah Islam di seluruh dunia terutamanya di dunia Islam. Imam As-Syahid Hassan Al-Banna dengan Ikhwanul Muslimin melalui jalan yang telah dilalui Rasulullah s.a.w. Alangkah banyaknya persamaan di antara marhalah-marhalah dakwah yang dihayati oleh Islam di zaman sekarang dengan marhalah permulaan dakwah Islam di zaman Rasulullah s.a.w.
Islam telah menjadi asing dan dagang dan jahiliah terus berleluasa. Para pendokong dakwah ditindas, diperkotak-katikkan serta dikepung dari segenap penjuru untuk dihancur leburkan. Samalah keadaannya dahulu di mana musuh-musuh dakwah Islam dipimpin oleh golongan musyrikin di Semenanjung Tanah Arab, para penyembah api di negara besar seperti Parsi (Iran) di sebelah Timur dan kerajaan raksaksa Romawi di sebelah Barat bersama Yahudi.

Demikian juga halnya musuh-musuh dakwah Islam di hari ini yang dipimpin oleh golongan komunis di sebelah Timur dan golongan Kristian dan Zionism dari negara sebelah Barat yang sekular. Jahiliah moden ini disertai pula oleh boneka-boneka dari kalangan muslimin yang telah diracuni hati dan fikiran mereka oleh jahiliah moden. Malah mereka lebih kejam dan lebih sesat dari jahiliah di zaman permulaan dakwah Islam di zaman Muhammad s.a.w.

Ini semua memberi peringatan kepada kita bahawa muslimin di zaman Rasulullah s.a.w itu sentiasa bertahan dan bersabar sehinggalah Allah menolong mereka, menghina para pendokong syirik, kufur dan jahiliah serta mengalahkan mereka. Lalu berkibar dan berkuasalah kalamullah. Jatuh dan lemahlah kalimah kufur.

Demikianlah yang kita harapkan dan kepadanyalah kita berusaha InsyaAllah. Sesungguhnya kita akan melihat kebangkitan dakwah Islam setelah ia menurun. Pada masa yang sama, budaya materialistik dan jahiliah mula menurun setelah naik. Tanda-tanda yang nyata menjelma di dalam kesedaran Islam yang baru, yang mengambil tempat di hati umat Islam seluruhnya, terutamanya di kalangan pemuda-pemudi Islam. Kebangkitan Islam kembali semula dan arus dakwah Islam menjalar di kalangan generasi baru di kalangan putera-puteri Islam untuk menghayati Islam dengan minat yang sungguh-sungguh dan benar di dalam usaha-usaha Islam, dengan Islam dan untuk Islam. Tanda-tanda keruntuhan budaya jahiliah yang kafir itu semakin nyata dan terang apabila kita memerhatikan bagaimana gelombang keruntuhan akhlak melanda pemuda-pemuda para pendokong budaya kebendaan yang jahiliah itu.

Ini adalah merupakan berita baik dan menggembirakan di mana peralihan pimpinan manusia akan berlaku. Pimpinan jahiliah yang bertuhankan manusia akan tamat dan pimpinan dunia akan dikembalikan kepada Islam sekali lagi. Daulah Islam sejagat akan bangkit kembali dengan izin Allah Taala yang Maha Kuasa supaya dunia berbahagia dengan agama yang hakiki dan lurus itu.

1.4 Wasilah dan Langkah-langkah:
Wasilah-dan langkah-langkah umum dalam dakwah tidak berubah, tidak bertukar ganti dan tidak melampui tiga perkara ini:-
1) Iman yang amiq; (Iman yang mendalam.)
2) Takwin daqiq; (Pembentukan yang rapi dan teliti)
3) Amal mutawasil; (usaha dan amal yang berterusan).

Dengan wasilah-wasilah inilah, amal dan usaha yang berterusan tetapi beransur-ansur mewujudkan serta membentuk individu, rumahtangga dan masyarakat yang muslim. Dari situ dapatlah disediakan dasar dan asas Islam yang teguh dan kuat untuk menegakkan pemerintahan Islam (daulah Islam) di sebuah negara umat Islam lalu dicantumkan dengan daulah-daulah Islam di seluruh dunia untuk membangunkan daulah Islam sedunia iaitu kerajaan Islam yang merangkumi seluruh dunia Islam yang bersatu di bawah satu Khilafah Islamiah. Ia bertanggungjawab untuk memimpin seluruh dunia, menjadi guru dunia dan mengarahkan perjalanannya demi kebahagiaan seluruh manusia dengan ayat-ayat Allah sehingga tiada lagi fitnah dan agama itu seluruhnya hanya untuk Allah.
"*Sehingga tidak ada lagi fitnah dan (sehingga) agama itu hanya untuk Allah belaka* " Al-Baqarah: 193

Sebagaimana berjalannya *wasail* iman, takwin, pembentukan dan amal usaha itu, berganding bahu



antara satu sama lain, begitu jugalah setiap langkah awal dalam penyediaan ke arah pembentukan individu muslim, pembangunan rumahtangga-rumahtangga Islam dan penyebaran dakwah Islam di tengah-tengah masyarakat manusia, semuanya mestilah berjalan serentak dan berganding bahu.

Melalui jalan dakwah, tidak sah dan tidak benar kalau kita mengambil jalan ringkas lalu kita menghadkan wasilah dan langkah-langkah kita atau kita mengambil sebahagian dengan anggapan bahawa yang sebahagian itu sudah memenuhi tujuan kita dan dapat menyempurnakan tugas kita. Sesungguhnya tidak ada iman tanpa amal dan pembentukan. Tidak ada masyarakat tanpa anggota yang muslim dan rumahtangga-rumahtangga Islam. Merekalah tiang-tiang yang akan membangunkan pemerintahan Islam.

Sebarang kecuaian atau kegopohan di dalam mengukuhkan dasar dan memancangkan asas-asas yang teguh dan tiang-tiang yang kuat itu merupakan satu tindakan yang membahayakan, yang mungkin membawa kepada keadaan yang terbalik atau songsang. Setiap waktu dan usaha yang dicurahkan untuk meletakkan asas sebuah bangunan tidak boleh dianggap sia-sia dan tidak boleh dihentikan selagi belum nampak sebarang hasil di permukaan bumi, kerana bangunan yang besar memerlukan waktu yang panjang dan usaha yang gigih untuk menyiapkan asas dan konkritnya. Adakah di sana sesuatu yang lebih besar dari usaha membangunkan daulah Islam sedunia yang mampu memimpin dunia memandu seluruh manusia kepada nur dan cahaya Islam yang sempurna dan menyempurnakan itu ?.

Alangkah indahnya apa yang dikatakan oleh Imam as-Syahid Hassan Al-Banna tatkala beliau mengarahkan ucapannya kepada golongan yang gopoh, yang cepat ingin memetik buah dakwah sebelum masak;

"*Hai Ikhwanul muslimin terutama yang gopoh dari kamu. Dengarkanlah daripadaku satu kalimah yang tinggi yang berkumandang dari atas mimbar ini di dalam muktamar umum ini. Sesungguhnya jalan kamu ini adalah yang telah digariskan langkah-langkahnya, ditentukan batas-batasnya dan aku tidak mahu melanggar batas-batas itu. Aku telah yakin dengannya. Keyakinan yang sebenar-benarnya, bahawa itulah jalan yang paling selamat untuk mencapai tujuannya.*

Ya... boleh jadi ia satu jalan yang panjang, tetapi di sana tidak ada jalan lain selain itu. Sifat kelakian tidak akan lahir kecuali dengan keberanian, ketekunan, kesungguhan dan amal usaha yang serius dan berterusan. Barangsiapa dari kalangan kamu yang hendak cepat dan gopoh memetik buah sebelum masak atau hendak memetik hasil sebelum masanya, maka aku tidak bersama dengannya sama sekali dan lebih baik baginya meninggalkan dakwah ini dan carilah dakwah yang lain. Barangsiapa yang bersabar bersama aku sehingga berkembang dan membesar benih itu lalu tumbuh pokoknya, baik buahnya sehingga tiba waktunya untuk dipetik dan diambil, maka ganjarannya terserahlah kepada Allah semata-mata. Kita dan dia tidak boleh lari dari dua kebaikan ini. Sama ada kita menang dan berkuasa atau mati syahid dan berbahagia".

BAB 2

Di Antara Marhalah-marhalah Dakwah dan Tuntutan-tuntutannya

Kita berusaha sungguh-sungguh di dalam lembaran kita ini untuk mengenali jalan dakwah dan ciri-cirinya yang istimewa dan tersendiri. Ini adalah untuk penyatuan kefahaman supaya kita tidak dicerai-beraikan oleh berbagai jalan. Juga supaya kita mendapat faedah dari pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh jamaah Islam yang terdahulu dan kemudiannya dihidangkan pula dengan sempurna kepada generasi baru yang muda supaya mereka mengetahui jalan dakwah dan terus memikul tugas dan amanah itu supaya pendokong dakwah Islam bercantum semula lalu mereka bersatu padu, berganding bahu dan berjalan ke satu arah dan satu tujuan. Segala kekuatan dan usaha diselaraskan dan diatur rapi sehingga terbukti pertolongan Allah dan bendera Al-Quran sentiasa berkibar-kibar di angkasa seluruh alam. Dan pada hari itulah golongan mukmin bergembira dengan pertolongan Allah.

"*Dan pada hari (kemenangan bangsa Romawi) itu bergembiralah orang-orang yang beriman kerana pertolongan Allah (s.w.t).*" (Ar-Rum: 4 – 5)

2.1 Tuntutan Marhalah Ini

Kita telah menyatakan terlebih dahulu bahawa dakwah Islam, seruan Islam pada peringkat sedunia (marhalah antarabangsa) melalui marhalah yang sangat penting, halus dan genting di dalam umurnya. la adalah satu kebangkitan setelah tersungkur, satu kesedaran setelah terlena, malah mengalami satu marhalah pembentukan dan memacakkan dasar dan asas binaan yang teguh untuk daulah Islam yang global (khilafah Islam yang merangkumi seluruh dunia) yang membawa hidayah kepada manusia yang sesat dan membangunkan satu kebudayaan yang paling besar pernah berlaku dalam sejarah setelah bankrapnya semua sistem dan cara hidup manusia.

Kita telah mengakui bahawa terdapat persamaan yang besar antara marhalah kita ini dengan marhalah pertama dakwah Islam di Mekah. Iaitu tentang asingnya dakwah Islam ditengah-tengah jahiliah yang menguasai setiap penjuru dunia, tekanan golongan kufur dengan seluruh kekuatannya ke atas mereka dan sedikitnya bilangan mukmin yang terdedah kepada penindasan yang sangat ganas dari pihak jahiliah yang berkuasa ketika itu.

Kita suka menerangkan di sini bahawa kewajipan muslimin semasa berada dalam marhalah ini tidak sama dengan kewajipan mereka semasa berada di bawah daulah Islam yang telah tertegak dan kuat. Tidak syak lagi bahawa marhalah pembentukan dan pembinaan dasar-dasar dan asas adalah sukar dan sulit. la memerlukan iman yang mendalam, kesabaran dan menyabarkan pembentukan yang rapi, halus serta teliti dan amal usaha yang berterusan tanpa kenal payah dan lelah. Betapa tidak! Kerana orang-orang mukmin yang bekerja dan berusaha ke arah itu sangat sedikit bilangannya dan lemah kekuatannya pada hal mereka menghadapi ancaman kebatilan yang maha kuat dan berkuasa malahan mereka tidak bersenjata kecuali senjata iman. Di dalam pengertian ini Imam As-Syahid Hassan Al-Banna telah berkata melalui perumpamaan yang indah dan halus:

"*Sesungguhnya pembentukan ummah, pendidikan bangsa-bangsa, merealisasikan cita-cita dan mendokong pendirian (pegangan hidup) memerlukan ummah yang berusaha ke arah itu atau dari golongan yang menyeru kepadanya. Ini sekurang-kurangnya memerlukan kekuatan jiwa yang terhimpun di dalamnya beberapa perkara: Iaitu kemahuan yang tidak mengenal lemah, kesetiaan yang tetap yang tidak disaduri oleh kepura-puraan dan khianat, pengorbanan yang banyak yang tidak dihalang oleh tamak dan haloba serta kebakhilan, dan makrifah (mengenalpasti) dasar pegangan hidup, beriman kepadanya dan menghargainya sungguh-sungguh. Semuanya itulah yang memelihara (kita) dari kesalahan dan penyelewengan daripadanya (pembentukan) dan tawar-menawar (apologetik) di atas perkara dasar dan tidak terdaya dengan yang lainnya*".

Dengan kehendak dan izin Allah, kita kini hidup di masa-masa yang penting dan genting di dalam usia dakwah Islam ini dengan segala tuntutan dan cabarannya. Allah telah memudahkan kita untuk mengetahui cara-cara dan kaedah-kaedah yang sahih dan benar untuk beramal dan berusaha di dalam dakwah Islam. Kita berharap dan memohon kepada Allah supaya Dia memberi taufik dan hidayahNya kepada kita untuk mendokong amanah agung dan mulia ini, setelah ditinggalkan oleh

kebanyakan manusia. Kita benar-benar berharap semoga kita layak menjadi ahli dan layak menerima pilihan itu dari Allah Taala hingga kita mampu mendokong dakwah Islam ini dengan penuh keazaman, ketangkasan dan ketegasan sekalipun tugas ini sangat besar dan berat. Lantaran itu kita menyeru kepada tiap-tiap orang yang tampil ke hadapan untuk mencapai kemuliaan amal dakwah ini dan melalui jalan dakwah supaya dia menguatkan jiwa dan menyediakannya untuk memikul segala apa yang diperlukan oleh marhalah ini, mendokong berbagai bebanan dengan penuh keazaman, ketahanan, ketetapan, penuh percaya dan harap kepada Allah Taala dan yakin sepenuhnya akan kemuliaan dan ketinggian dakwah ini dengan keagungan tujuannya. Dia yakin sungguh-sungguh bahawa dunia ini sangat-sangat memerlukan dakwah Islam yang sejati. Lebih dari itu dia yakin kepada pertolongan Allah. Inilah dia faktor-faktor kejayaan yang tidak dapat dihalang oleh apa jua rintangan.

2.2 Marhalah-marhalah Dakwah

Setiap dakwah mestilah melalui tiga marhalah:

1. Marhalah ad-Di'ayah (at-Ta'rif): Marhalah propaganda, memperkenalkan, menggambarkan fikrah dan menyampaikan kepada orang ramai di setiap lapisan masyarakat.
2. Marhalah at-Takwin: Marhalah pembentukan, memilih para pendokong, menyiapkan angkatan tentera, pendakwah dan jihad erta mendidik mereka. Mereka dipilih dari golongan yang telah menyambut seruan dakwah.
3. Marhalah Tanfiz: Marhalah pelaksanaan, beramal, berusaha untuk mencapai tujuan.

Selalunya ketiga-tiga marhalah ini berjalan berseiring dan diselaraskan memandangkan bahawa kesatuan dan kekuatan dakwah adalah bergantung kepada percantuman di antara satu dengan seluruhnya. Oleh itu para pendokong dakwah di dalam berdakwah, mestilah memilih dan membentuk dan di waktu yang sama dia beramal dan melaksanakan apa yang boleh dilaksanakan.

Tidak mungkin lahir ke alam nyata satu marhalah dari marhalah-marhalah itu dalam bentuk yang sempurna kecuali menurut tertib susunan itu. Tidak mungkin sempurna pembentukan ini tanpa pengenalan makrifah dan pengenalan yang sahih dan benar. Tidak mungkin lengkap satu pelaksanaan yang sempurna tanpa pembentukan dasar pendidikan yang sempurna.

Dakwah Islam yang pertama di zaman Rasulullah s.a.w. telah melalui tiga peringkat ini. Muslimin di zaman itu telah mengenali agama mereka, terdidik dan terbentuk di madrasah Rasulullah lalu mereka bangun dan membangkit mendokong dakwah Islam dengan sebaik-baiknya. Oleh kerana itu, kita diperingatkan supaya sentiasa berwaspada dari sudut jalan manakah seseorang itu menyeru dalam usaha-usaha dan kerja-kerja Islamnya. Adakah dia memberi perhatian dan memberikan hak kepada ketiga-tiga marhalah itu. Sesungguhnya sesiapa yang tampil ke hadapan untuk melaksanakan tugas untuk dakwah dan merealisasikan cita-cita dakwah, dia mestilah mengetahui dengan sungguh-sungguh dakwah Islam. Mereka mengenali dan memahami dasar dengan pengenalan dan kefahaman yang sebenar-benarnya. Di samping itu dia mesti menjadi contoh yang benar dan baik dalam setiap lapangan hidup. Oleh kerana itu di sini kita akan cuba membentangkan bagaimanakah bentuk marhalah atau peringkat-peringkat itu dengan penerangan yang lebih luas sedikit daripada yang lalu supaya anda lebih jelas tentang perkara ini.

2.3 At-Ta'rif (Pengenalan) atau Membicarakan Dakwah:

Marhalah ini penting dan asas sebab ia merupakan langkah pertama di dalam perjalanan kita di atas jalan dakwah. Sebarang kesilapan atau penyelewengan yang dilakukan di dalam pengenalan, makrifah dan kefahaman ini akan membawa kepada natijah dan akibat yang buruk dan akan membawa dakwah terpesong jauh dari garisannya.

"*Dan bahawa (yang kami perintahkan) ini adalah jalan-Ku yang lurus, maka itulah dia dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), kerana segalajalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalan-Nya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa*". (Al-An'aam: 153)

Di zaman Rasulullah s.a.w. Islam telah disempurnakan perkembangannya dan penyampaian menurut bentuknya yang sahih dan benar, bersih dari segala campuran, kekurangan dan penyelewengan. Al-Amin Jibril membawa turun wahyu dari Allah kepada Al-Amin Muhammad s.a.w. lalu baginda menyampaikan Islam itu kepada manusia dengan amanah dan benar. Akhirnya sempurnalah agama itu menurut yang diyakini benar dan suci dari segala saduran.

Walaupun sepanjang sejarahnya ia sentiasa terdedah kepada pelbagai usaha, tipu daya dan gangguan yang cuba meruntuhkannya, menghapuskannya oleh musuh-musuh Islam atau berupa penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh pelampau-pelampau dari kalangan muslim sendiri, namun demikian Allah tetap memelihara KitabNya (Al-Quran) dan menjaminnya dengan

begitu rapi. Di samping itu ramai imam dan ulama yang mulia mengumpulkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang mulia dan menapisnya dari segala yang asing daripadanya.

Demi memastikan kita sentiasa berjalan di atas jalan Rasulullah s.a.w. maka wajiblah kita kembali semula memahami Al-Quran, memahami Sunnah Rasulullah s.a.w dan memahami sirah salafussoleh atau angkatan muslimin pertama radhiallahu'anhum dengan menjauhi sungguh-sungguh dari segala kesalahan, penyelewengan atau pun dari terpesong.

Inilah yang benar-benar dikehendaki oleh imam kita As-Syahid Hassan Al-Banna dan menjadikannya rukun pertama dalam rukun bai' ah. Malah beliau telah menulis untuknya dua puluh dasar sebagai garis panduan yang melingkungi fikrah ini untuk membersihkannya dari segala campuran dan saduran dan menjauhkannya dari segala perselisihan dan perpecahan. Supaya fahaman ini menjadi penolong bagi mengumpulkan muslim di atas jalan dakwah, berusaha untuknya dan beramal baginya di dalam suasana tolong-menolong dan berganding bahu.

Iradah Allah telah menghendaki agar kefahaman (fikrah) di dalam jamaah Ikhwanul Muslimin ini terdedah kepada gangguan, ujian dan penapisan. Di tengah-tengah ujian ini terdapat pula kecuaian dan keterlaluan (ekstrim). Ada di antaranya yang berpendapat supaya Ikhwan menjauhkan diri dari arus pemerintahan dan politik demi memelihara diri dan dakwah dari sebarang akibat yang tidak diingini. Ada pula di antaranya yang melampau dan keterlaluan lalu menganggap semua umat Islam yang tidak menyetujui fikrah mereka adalah kafir. Walau betapa kusut dan bercelarunya kefahaman sebahagian dari manusia namun demikian, Allah s.w.t. telah menyediakan Imam As-Syahid Al-Banna untuk dakwah Islam dan mengemukakannya kepada manusia dengan jelas dan terang serta murni. Allah menyediakan untuk dakwah ini Imam Hassan Al-Hudhaibi rahimahullah dengan keistimewaannya yang tersendiri, dengan ketahanannya, dengan keteguhannya bersama kebenaran, lalu beliau menolak kecuaian dan keterlaluan itu. Untuk itu beliau telah menerima berbagai-bagai gangguan dan kesusahan yang dasyhat. Tetapi, beliau bersungguh-sungguh memelihara amanah dakwah di dalam kefahaman sifat dan akhlak hinggalah dia mengadap Ilahi dan kemudian beliau menyerahkannya kepada pendokong dakwah yang lain tanpa perubahan dan penukaran, berdiri dan bertahan bersama-sama dengan Ikhwan.

"*Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur. Di antara mereka ada (pula) yang menunggu-nunggu dan mereka sedikit pun tidak merubah (janjinya).*" (Al-Ahzab: 23)

BAB 3

Marhalah At-Ta'rif: Pandangan dan Penerangan

Saya telah menerangkan bahawa marhalah dakwah ini ada tiga: Pertama, Pengenalan; kedua: Pembentukan; ketiga, Pelaksanaan. Ketiga-tiga marhalah ini mempunyai tanda-tanda dan petunjuk-petunjuk yang penuh dengan sinar pengalaman dan penglibatan supaya kita dapat mengambil pengajaran dan memperolehi faedah dari pengalaman dan pengetahuan, supaya para duat, para pendokong dakwah berjalan di atas dakwah dengan pandangan yang terang, jauh dari keterlanjuran dan penyelewengan.

3.1 Ta'rif atau Pengenalan Dakwah

Sesungguhnya marhalah at-ta'rif atau peringkat pengenalan ini merupakan langkah awal atau titik tolak pertama di jalan dakwah. Kesahihan, kebenaran dan kesejahteraan peringkat-peringkat ini mempengaruhi peringkat yang kedua dan ketiga di dalam kesahihan dan keselamatannya. Kita akan menyentuh sebahagian dari perkara yang berhubung dengan dakwah dan beberapa perkara yang berkaitan dengan pendokong dakwah mengenai uslub dan caranya.

3.2 Dakwah dan Kemurniannya

Saya telah menyatakan bagaimana pentingnya kemurniannya dakwah dari sebarang campuran dan saduran dalam kita menyampaikannya kepada manusia. Musuh-musuh Islam di sepanjang sejarahnya telah berusaha terus-menerus menyeludupkan berbagai-bagai ajaran dan fikrah sesat ke dalam Islam dengan tujuan menyesat dan memesongkannya dari mutiaranya serta mencabut jiwa dan semangatnya. Oleh kerana itu untuk memahami Islam dengan kefahaman yang murni, kita hendaklah kembali kepada Al-Quran yang sentiasa dipelihara oleh Allah, kembali semula kepada Sunnah Rasulullah yang telah dikumpul dan disaring oleh imam-imam yang mulia. Imam-imam itu telah mendapat taufik dan kemudahan dari Allah untuk berkhidmat sungguh-sungguh di dalam bidang ini hingga mereka berjaya menjernihkan Sunnah Rasulullah s.a.w. dari segala penyeludupan dan segala yang asing daripadanya. Kita mestilah kembali semula mengikut kefahaman yang benar dan sejahtera seperti kefahaman salafussoleh di zaman Rasulullah s.a.w. dan khulafa' ar-rasyidin r.a. Kita telah mengakui bahawa Imam Hassan Al-Banna telah memberi perhatian yang berat dan utama tatkala beliau menetapkan kefahaman itu sebagai rukun pertama dari Rukun Bai'ah dan meletakkan usul dua puluh (Usul Isyrin) untuk fikrah ini sebagai garis umum yang lengkap seperti yang tertulis di dalam risalah Al-Ta'lim.

Kita telah menerangkan bahawa Ikhwanul Muslimin dan mursyidul am mereka, Imam Hassan Al-Hudhaibi rahimahullah telah memelihara fikrah yang sejahtera dan sihat ini terhadap Islam dan memelihara dasarnya dari sebarang perubahan, penyelewengan dan pertukaran walau bagaimana hebat sekalipun tekanan dari pihak pelampau yang cuai terutama yang berkaitan dengan perkara kafir-mengkafir. Beliau telah berdiri tegak dan teguh dengan segala ketangkasan dan penuh kepastian berhadapan dengan arus yang melanda itu. Beliau menerangkan kesalahan syar'i yang ada pada kedua pihak itu dan menyatakan bahawa kita semua adalah pendokong dakwah, bukan golongan qadhi (penghukum). Apabila realiti kehidupan muslim pada hari ini jauh terpesong dari ajaran Islam, jauh dari perundangan dan syariatnya, maka hendaklah para pekerja di bidang dakwah Islam melipat gandakan usaha dan kesungguhan mereka untuk menarik kembali tangan mereka, membangunkan mereka dan menolong mereka dalam memahami Islam, bukan hanya mengkafirkan mereka. Kerana ini akan hanya membina berbagai tabir dan dinding di antara kita dengan mereka. Jika berlaku demikian, kita sendirilah sebenarnya yang memecah dan merosakkan dakwah yang kita sendiri usahakan dengan tangan kita lantas dengan itu tidak secara langsung kita menutup diri kita dan berjalan di atas jalan mati. Akhirnya kita akan berubah menjadi kumpulan yang terasing di dalam sejarah. Beliau telah menerangkan bahawa fikrah seperti itu bukan fikrah jamaah Al-Ikhwan yang kita berbai'ah padanya dan tiada siapa yang berhak mangaku bahawa ia adalah fikrah jamaah kerana satu jamaah tidak mungkin menganut dua fikrah yang saling bertentangan.

3.3 Syumul Ad-Dakwah an Sempurna Menyempurnakan

Apabila menyampaikan dakwah dan peringatan, kita wajiblah mengemukakan kesyumulannya dengan selengkapnya, dengan seutuhnya dan dengan segala kesempurnaannya yang sempurna dan menyempurnakan tanpa memisahkan sebahagian dari keseluruhannya atau memansuhkan sebahagian daripadanya kerana sesungguhnya Islam itu adalah penutup segala agama.

Satu agama yang istimewa, syumul, lengkap, sempurna menyempurnakan yang meliputi setiap kegiatan dan lapangan kehidupan manusia duniawi dan ukhrawi di dalam keselarasan dan keharmonian yang ajaib dan unik. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana ia adalah ciptaan Al-Khaliq (Pencipta) Yang Maha Mengetahui (Al-Khabir) serta Maha Pengasih dan Penyayang kepada makhluk dan hamba-hambaNya. Islamlah yang merealisasikan kesejahteraan dan ketenteraman di dalam jiwa manusia selagi mereka beriman kepada Allah dan mengesakanNya. Islam memberikan kepada mereka keselamatan dan keamanan serta kehidupan yang baik di dunia dengan syarat mereka mematuhi segala ajaran dan syariatNya, memberikan kebahagiaan dan keselamatan di negeri Islam serta syurga di sisi Tuhan mereka.

Kehidupan manusia melambangkan satu kesatuan yang sempurna lagi menyempurnakan di antara sebahagian dengan sebahagian yang lain dan Islam pula datang sebagai satu kesatuan yang sempurna, yang saling sempurna menyempurnakan di antara satu bahagian dengan seluruh bahagian yang lain. Kehidupan tidak mungkin mendatangkan kebaikan apabila Islam menguasai sebahagian dari hidup manusia dan membiarkan sebahagian yang lain untuk dikuasai oleh ideologi-ideologi ciptaan manusia atau falsafah-falsafah yang direka oleh manusia. Justeru, Islam mestilah dikemukakan dengan selengkap dan seutuhnya tanpa dipecah-pecahkan menjadi beberapa juzuk di sana dan di sini dan mesti dilaksanakan sepenuhnya tanpa pemecahan di mana yang dilaksanakan hanya sebahagian dan sebahagiannya lagi di tinggalkan.

Oleh itu kita dapati Imam As-Syahid Hassan Al-Banna memberi pengertian itu dalam dasar pertama dari "Rukun Fiqh" lalu beliau berkata:

"*Islam itu satu nizam, satu sistem hidup yang lengkap, syumul dan merangkumi setiap realiti kehidupan. Jadi Islam itu adalah daulah dan tanahair atau pemerintahan dan ummah. la adalah akhlak dan kekuatan serta rahmah dan keadilan, ia adalah kebudayaan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman. Ia adalah harta benda atau usaha dan kebudayaan. Ia adalah jihad dan dakwah atau tentera dan fikrah sebagaimana ia sebagai akidah dan ibadah.*"

Salah satu kewajipan kita adalah mengingatkan bagaimana besarnya dosa yang dibuat terhadap Islam oleh satu puak yang tampil ke hadapan kononnya hendak bekerja di bidang dakwah Islam. Tetapi sayangnya mereka hanya mengemukakan hanya sebahagian dari Islam dan melupakan sebahagian yang lain dengan sengaja ataupun tidak, sama ada kerana jahil dengan tabiat Islam atau kerana mengelakkan tentangan dari pihak jahiliah yang berkuasa atau dengan niat jahat. Ini semua dilakukan oleh jamaah yang menjadi boneka musuh-musuh Islam. Kita mestilah menyatakan dan menerangkan kesalahan dan juga bahayanya cara tersebut supaya para pemuda kita yang punya keghairahan dan semangat keagamaan tidak akan terdorong untuk mengikut jalan sepert itu. Ini hanya akan memudaratkan mereka-mereka yang mahu membawa manfaat (dakwah).

3.4 Para Da'i dan Uslub (cara)

Untuk merealisasikan cita-cita dalam memperkenalkan dasar dan memperkembangkan dakwah, para dai', sahibud-dakwah mestilah mempunyai sifat-sifat asasi dan mereka mesti beriltizam dengan satu uslub yang sahih dan benar di dalam urusan dakwah mereka.

Satu dari sifat yang utama dan paling penting kepada pendokong dakwah ialah dia mesti menjadi contoh dan teladan yang baik bagi Islam yang diserukannya. Dia mesti menunaikan segala rukun Islam, mengikuti sunnah dan cara hidup Rasulullah s.a.w., menjauhi segala perkara yang syubhah dan meragukan, menjauhi segala perkara yang haram, sentiasa mengingati Allah dalam setiap perkara yang kecil atau besar. Di dalam rumahtangga, ahlinya mestilah beriltizam dengan segala ajaran Islam dan menjaga adab-adabnya.

Sesungguhnya keikhlasan pendokong dakwah dan kebulatan hatinya kerana Allah dan bagi dakwah Allah merupakan satu faktor yang sangat penting supaya dakwahnya berjaya menembusi dan menawan hati orang-orang yang diseru lantas mereka dengan senang hati menyambut baik seruan itu. Mereka akan terpesona dengan seruannya jika dilakukan dengan penuh keikhlasan dan tidak dicampur-adukkan dengan tujuan lain atau disadur dengan kepentingan duniawi. Dia bercakap untuk dakwah, berjalan kerana dakwah, hidupnya adalah untuk dakwah, kerana dakwah

dan bersama dengan dakwah.

Muslim yang mendokong dakwah, pertama-tamanya dia mestilah mempunyai pembacaan yang luas, mengikut perkembangan setiap peristiwa dan pergolakan, mengikut segala perkembangan suasana dan situasi serta mengetahui pelbagai ideologi dan aliran pemikiran semasa. Kelak mereka mampu mengemukakan dakwah Islam itu dengan uslub yang baik, dengan cara yang menarik dan menawan hati. Pandai menawan hati manusia dan tidak menyebabkan orang semakin liar. Lantas dia dapat mengemukakan Islam dengan cara yang sebaik-baiknya di tengah ombak dan gelombang kesesatan yang menyesatkan dari setiap penjuru dunia. Dia mesti menerangkan Islam dengan jelas dan mudah difahami tanpa menimbulkan kekusutan. Dia membaiki suasana dan bukan memburukkannya kerana berapa ramai orang yang mengaku sebagai pendakwah yang telah merosakkan Islam dengan keburukan cara berdakwah dan mendatangkan keburukan cara berdakwah dalam Islam dan mendatangkan keburukan kepada Islam dan menyangka bahawa mereka telah melakukan kebaikan.

"*Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan bantahlah mereka dengan yang baik*". (AnNahl:125)

Ad-da'i ilallah, yang menyeru manusia kepada Islam mesti berusaha memahami taraf dan kedudukan orang yang diseru ke jalan Allah dan berbicara dengan mereka menurut tahap akal dan fikiran mereka kerana ia memudahkan mereka menyahut apa yang diserukan kepada mereka dan mereka tidak jemu mendengar ucapan pendokong dakwah.

Ad-dai' ilallah, sahibud-dakwah, mesti mengetahui maksud dan tujuannya. Dia mesti mengetahui apakah yang dikehendaki di dalam setiap langkah yang dilaksanakannya, apa yang dikehendaki apabila dia bertutur dan menulis, apabila dia berehat dan berbicara dan apabila berdamai dan bersengketa.

Apa yang penting dia mesti memulakan dakwahnya dengan menekankan masalah akidah dan iman sebelum dia menyentuh perkara furu'(cabang) atau kewajipan-kewajipan dan bebanan yang wajib dipikul. Akidah itu dimulai dengan beriman kepada Allah sehingga sampai kepada menetapkan bahawa Islam itu adalah satu-satunya cara hidup, satu cara hidup yang lengkap dan sempurna. Bahawasanya berusaha memulakan hidup secara Islam, menghidupkan semula kehidupan Islam dan membangunkan pemerintahan Islam adalah wajib bagi tiap-tiap manusia. Setiap muslim wajib merealisasikannya sehingga semuanya itu menjadi satu kenyataan di muka bumi. Jelaslah akidah Islam merupakan asas pembentukan peribadi muslim dan inilah yang mendorong penganutnya bangkit dan mendokong segala tuntutan dakwah yang khas dan am dengan segala kekuatan dan penuh keazaman, redha dan puas hati. Ad-da'i ila Islam, pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada agama Allah, mestilah melaksanakan tugas berdakwah, menyeru manusia ke jalan Allah, kepada Allah tanpa dipengaruhi oleh hasil dan natijah walaupun dia telah memperolehi kejayaan besar di dalam dakwahnya. Dia tidak akan mudah terpedaya apabila Allah memberi kejayaan kepadanya dan lancar lidahnya dengan dakwah lebih-lebih lagi manusia telah datang berkerumun kepadanya kerana mengikuti dakwahnya. Sebaliknya pula dia tidak harus berputus asa dan putus harapan apabila manusia tidak menyahut dan meminati dakwahnya kecuali hanya sebilangan sahaja. Dia tidak akan merasa sedih apabila terdedah kepada gangguan dan penyiksaan dari seteru-seteru Allah. Demikianlah keadaan Rasulullah, demikian juga sikap Rasulullah s.a.w. dan para pendokong dakwah di masa yang lalu.

Adalah Rasulullah s.a.w menyeru sekelian manusia tanpa membeza-bezakan antara satu pihak dengan pihak yang lain dalam minat dan kesungguhan baginda demi membawa hidayah kepada mereka kerana kasihan kepada mereka dari ditimpa azab neraka. Baginda sentiasa bersabar di atas gangguan dan penyiksaan mereka ke atas baginda malah bersabda pula: "Wahai Tuhanku berilah hidayah kepada kaumku, kerana sesungguhnya mereka tidak mengetahui".

Kepada para pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah, kita mengingatkan kepada mereka betapa besarnya tugas dan amanah yang mereka dokong dan sesungguhnya mereka dengan keislaman mereka merupakan guru untuk mengajar manusia, untuk mangarahkan manusia dan memimpin mereka kepada agama Allah. Walaupun para pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah, memahami Islam dengan kefahaman yang murni, lengkap dan sempurna, beriltizam dengan fikrah ini yang tetap bertahan memikul tugas dan usaha ini merupakan bilangan yang sedikit, tetapi di atas bahu merekalah terletaknya bebanan yang berat ini. Lantaran itu mereka hendaklah mengetahui kedudukan mereka, memandang hina diri mereka dan hendaklah mereka memohon pertolongan dari Allah. Hendaklah mereka bersabar walau bagaimana dahsyat sekalipun gangguan, siksaan, tentangan dan penolakan. Di dalam masalah ini Imam As-Syahid Hassan Al-Banna,, telah memberi arahan kepada Ikhwanul Muslimin dengan berkata: 'Jadilah kamu dengan

manusia itu sepohon pokok buah-buahan, mereka melemparnya dengan batu dan dia (pokok) melemparkan mereka dengan buahnya".

Ya akhi: "Sesungguhnya anda hanya beramal dan berusaha untuk dua tujuan, supaya anda berhasil dan menunaikan kewajipan, maka jika yang pertama terlepas dari diri anda maka yang lain tidak akan luput dari anda".

Itulah sebahagian penerangan yang berkisar tentang marhalah at-taarif (peringkat pengenalan) yang kita kehendaki menjadi penerangan di atas jalan dakwah. Para pendokong dakwah boleh merujuk artikel-artikel Imam As-Syahid dan tulisan-tulisan beberapa penulis muslim untuk mengambil bekalan pengetahuan dan pengalaman yang lebih luas berhubung dengan dakwah dan para da'i (pendokong dakwah).

BAB 4

Marhalah At-Takwin: Pandangan dan Penerangan

4.1 Berhenti Sejenak Di Antara Dua Marhalah

Kita telah terangkan bahawa dakwah mempunyai tiga marhalah: pengenalan, pembentukan dan pelaksanaan. Setelah kita sentuh marhalah taarif (pengenalan) dan sebelum memasuki marhalah takwin (peringkat pembentukan) kita merasa perlu berhenti sejenak untuk meneliti sudut-sudut kejiwaan dan persediaan perasaan yang mesti ada supaya cita-cita yang ingin dicapai dari marhalah takwin dan persediaan duat dapat dilahirkan dan diwujudkan di alam nyata atau dapat direalisasikan di muka bumi.

Sesungguhnya tugas, tanggungjawab dan agungnya cita-cita yang kita hendak bangunkan itu membuatkan kita sentiasa mengambilkira kepentingan menyediakan individu-individu muslim atau seberapa ramai pendokong dakwah yang ikhlas dan layak memikul amanah dan menunaikannya menurut rupa dan bentuk yang lebih sempurna, terutama setelah kita tahu bahawa membangunkan insan adalah penting dan lebih susah daripada membangunkan kilang-kilang.

Sesungguhnya tidak ramai yang layak memikul beban dakwah ini kecuali orang dapat meliputinya dengan segala jurusan, yang sanggup, mampu dan rela mengorbankan diri, harta, waktu dan kesihatannya untuk urusan dakwah dan tugas yang didokongnya. Tidak mungkin akan lahir kesungguhan, ketekunan dan usaha yang sebenarnya kecuali setelah dakwah itu menguasai akal dan fikirannya, sebati dengan jiwa dan hatinya, menjadi darah dan dagingnya, menjadikan semangatnya menyala-nyala dan sukmanya berkobar-kobar untuk merealisasikanya di dalam waqi' al-amri (di dalam kenyataan hidup).

Lantaran al-iman al-amiq bi al-dakwah (iman yang mendalam terhadap dakwah) menjadi dasar yang pertama di dalam mencapai kejayaan. Kita memerlukan jiwa-jiwa yang hidup, yang kuat, yang muda belia, hati-hati yang baharu yang sentiasa berkobar-kobar, rasa cemburu yang sentiasa bemyala-nyala, jiwa-jiwa yang berinisiatif, lincah, segar bugar dan cergas. Kerana Islam menghendaki di dalam hati individu mempunyai sentimen dan perasaan yang mampu membezakan yang benar dan salah. Islam mahu supaya seseorang itu mempunyai kemahuan yang tinggi dan tegas seperti cekap dan tidak mengenal lemah, tidak bertolak ansur membela kebenaran lantas membela dengan segala kekuatan dan ketangkasan. Islam mahu penganutnya mempunyai badan yang sihat sejahtera dan mampu memikul berbagai-bagai tugas dan kewajipan Islam dan sebaik-baiknya, menjadi umat yang baik dan layak membuktikan kemahuan yang baik untuk menolong ke arah kebenaran dan kebaikan.

4.2 Marhalah At-Takwin da Persediaannya

Sesungguhnya marhalah di'ayah, (penerangan, memperkenalkan, menggambarkan tentang dakwah dan cara penyampaiannya kepada orang ramai dalam setiap lapisan masyarakat) jika tidak diiringi dengan marhalah at-takwin (peringkat pembentukan dan pemilihan para pendokong dan penolong terdiri dari golongan Ansar dan Hawariyyin) serta persediaan tentera dan mengatur taktik barisan dari kalangan orang-orang yang diseru, berkemungkinan menyebabkan segala usaha yang telah dikorbankan di dalam penerangan dan penyebaran dakwah menjadi sia-sia dan hilang begitu sahaja.

Kesedaran rohani yang lahir dari marhalah taarif (peringkat pengenalan) tidak boleh dibiarkan musnah dan padam begitu sahaja, tetapi mesti dibersihkan dan diarahkan ke dalam jiwa supaya bertindak dan berusaha membuat perubahan dan kemajuan yang sejati dalam diri sendiri. Medan yang pertama untuk pembentukan dan perubahan bermula dari dalam diri terlebih dahulu dan benarlah Allah Yang Maha Agung tatkala berfirman:

"*Sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah apa yang ada pada diri mereka* ". (Ar-Ra'ad:ll)

Ramai di kalangan muslim yang kita seru pada hari ini telah dilahirkan dan dibesarkan di dalam masyarakat yang jauh dari hakikat Islam dan intisarinya, satu masyarakat yang dikuasai oleh

adat dan tradisi yang telah rosak, yang telah meresapi jiwa mereka dan sebati dalam kehidupan mereka. Jadi para pendokong dakwah yang menyeru manusia ke jalan Allah dan mengajak manusia kepada cara hidup Islam mestilah memberi perhatian dan usaha yang serius dalam: membersihkan diri mereka dari segala adat lapuk jahiliah lantas menghiasi diri mereka dengan adat-adat Islam, akhlak-akhlak Islam dan membentuk hidup manusia menurut acuan Islam dan cara hidup Islam.
"*Shibghah Allah. Dan siapakah yang lebih baik shibghahnya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nyalah kami menyembah*" (Al-Baqarah: 138)

Perubahan ini mestilah bermula dari dalam diri yang telah diberi minum dengan akidah tauhid, mengesakan Allah dan mengecapi halawatul iman (kemanisan iman) dan dapat dijelmakan pada seluruh anggota jasmani dan menguasai setiap aspek kehidupan. Marilah kita renungkan alangkah indahnya perumpamaan dan kata-kata yang telah diucapkan oleh Imam Hassan Al-Hudhaibhi rahimahullah mengenai pengertian ini tatkala beliau berkata:
"Tegakkanlah daulah Islam di dalam hatimu supaya dia tegak di atas bumi kamu " .

4.3 Individu Muslim Yang Kita Kehendaki

Muslim hari ini mempunyai bilangan yang ramai tetapi tidak mempunyai mutu yang istimewa seperti muslim pada generasi pertama di zaman Rasulullah s.a.w. Mereka tidak mampu merubah rupa dan suasana yang telah rosak. Lantaran itu mereka tidak mampu membangunkan *daulah al-haq wal iman,* tidak mempunyai mutu yang membolehkan mereka menghapuskan yang batil dan merealisasikan kebenaran dengan pertolongan Allah.

"*Demikianlah Allah membuat perumpamaan (bagi) yang benar dan yang bathil. Adapun buih itu akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya. Adapun yang memberi menafaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan* ".(Ar-Ra'ad: 17)

Kita menghendaki dari saudara muslim yang benar supaya menjadi muslim yang sejahtera akidahnya, sihat ibadahnya, teguh akhlaknya, terdidik fikirannya, kuat badannya, yang mempunyai usaha, yang sanggup berdikari yang berkorban untuk diri sendiri dan orang lain, sanggup memerangi hawa nafsu, yang menjaga waktunya dengan sebaik-ba'iknya, berdisiplin dalam segala urusannya dan Iain-lain lagi nilai-nilai yang asasi di dalam membentuk lelaki dakwah, pendokong dakwah.

Sesungguhnya mempersiapkan lelaki mithali yang sedemikian mutu dan bentuknya memerlukan usaha yang sungguh-sungguh, ketekunan yang berterusan, kesabaran dan ketabahan yang utuh. Muslim sedemikianlah yang akan mampu dan sanggup membangunkan rumahtangga Islam yang mulia. Dia kemudiannya akan bergerak, bertindak dan berusaha membangun masyarakat Islam. Lalu membentuk pandangan umum dan cara berfikir umum secara Islam dan terus membentuk teras (dasar) yang kuat, yang di atasnyalah dapat ditegakkan harakah Islam (gerakan Islam) sebagai benih bagi daulah dan khilafah Islam. InsyaAllah Taala.

Oleh kerana itu kita dapati imam kita As-Syahid Hassan Al-Banna Rahimahumullah memberikan perhatian yang sewajarnya kepada individu muslim dan berusaha mempersiapkannya. Langkah-langkah ini adalah mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w yang telah mempersiapkan angkatan mukmin yang pertama yang telah dibentuk di madrasah Rasulullah s.a.w yang kemudiannya membangunkan daulah Islam yang kuat, agung dan teguh.

Usrah-usrah, pasukan-pasukan, angkatan-angkatan, ceramah, forum-forum, majlis-majlis diskusi, pelajaran, perkelahan, pengembaraan, operasi ketenteraan, risalah-risalah, sebaran-sebaran, lembaran-lembaran suratkhabar dan majalah yang telah, sedang dan akan terus kita buat, semuanya itu dinamakan wasilah atau jalan dan alat untuk mempersiapkan individu muslim secara beransur-ansur di dalam persiapan ini. Ibaratnya seperti jurutera di dalam membangunkan bangunan. Bermula dari seorang anggota jamaah, kemudian manjadi pemuda yang berdisiplin, kemudian sebagai seorang pemuda yang beramal seterusnya menjadi anggota mujahid yang berjihad dan berjuang bersama jamaah Islam.

4.4 Ciri-ciri utama Seorang Al-Akh Al-Mujahid

Sesungguhnya al-akh mujahid yang berjuang dan berjihad, atau lelaki dakwah, pendokong dakwah mestilah mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap agamanya, kefahaman yang syumul, lengkap dan murni dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Dia mesti mempunyai darjah keikhlasan yang besar supaya menjadi tentera dakwah, tentera akidah dan fikrah. Bukan tentera yang mengejar ganjaran dan tujuan kebendaan semata-mata, bukan angkatan yang semata-mata mencari kepentingan diri sendiri. Dia mengutamakan kerja dari perkataannya. Apa yang dikatakan itulah yang dikotakan setelah dia mengenali jalan dan mengikhlaskan niatnya kerana

Allah semata-mata. Dia membulatkan dirinya untuk dakwahnya (dakwah Islam) dan membebaskan dirinya dari segala prinsip selain Islam dan dari manusia yang tidak menyetujui dakwah Islam. Lantas dia menyediakan dan melengkapkan dirinya untuk berjihad pada jalan Allah demi meninggikan kalamullah dengan mengorbankan segala yang mulia dan yang mahal dari jiwa, harta, waktu dan usaha.

"*Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka* ". (At-Taubah: 111)

Dia akan terus menerus berjihad dan berdakwah pada jalan Allah, menuju cita-cita walau berapa lama pun masa hinggalah dia terkorban di dalam jihad itu. Lantas ia mencapai salah satu kebaikan iaitu syahid atau mencapai tujuan dan cita-citanya.

"*Di antara orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur. Dan di antara mereka ada yang menunggu-nunggu dan mereka tidak sedikitpun merubah (janjinya)* ". (Al-Ahzab : 23)

Lelaki akidah dan tentera dakwah dituntut supaya melatih dirinya dan beriltizam mematuhi perintah pemimpin jamaah dan melaksanakannya di waktu senang atau susah, di waktu suka atau benci kerana sesungguhnya jalan dakwah itu adalah jihad yang tidak boleh berhenti dan tidak boleh dielakkan. Dakwah dan jihad adalah satu perjuangan yang berterusan untuk sampai kepada tujuan. Segala ujian dan dugaan yang hebat serta dahsyat tidak akan mampu diharungi kecuali oleh orang-orang yang benar. Tidak ada sesuatu yang boleh menjamin kemenangan kecuali ketaatan dan persaudaraan yang benar yang berdiri di atas cinta-menyintai dan kasih sayang di antara orang muslim yang lain. Tahap persaudaraan paling minima ialah terpelihara hatinya dari bersangka buruk terhadap mana-mana saudara muslim yang lain. Setinggi-tinggi tahap persaudaraan itu ialah mengutamakan saudaranya yang muslim lebih dari daripada kepentingan dirinya sendiri.

4.5 Perkataannya, Perbuatannya dan Jihad

Oleh kerana itu, kita lihat ramai lelaki yang hanya pandai berkata-kata bukan merupakan lelaki amal, lelaki amal bukan pula lelaki jihad dan lelaki jihad semata (jihad yang tidak benar) bukan merupakan lelaki jihad yang bijaksana yang mampu membawa hasil yang menguntungkan dengan pengorbanan yang paling sedikit.

Ini sesuai dengan apa yang telah diterangkan oleh Al-Imam Asy-Syahid Hassan Al-Banna di dalam Al-Ta'rif :

"Sesungguhnya ramai orang yang mampu berkata-kata dan sedikit dari mereka yang bertahan dalam beramal dan bekerja. Tidak ramai pula dari yang sedikit itu yang mampu memikul bebanan jihad yang sukar dan kerja berat. Para mujahidin itulah angkatan yang terpilih yang sedikit bilangannya tetapi menjadi penolong dan menjadi Ansarullah. Ada kalanya mereka itu silap tetapi akhirnya menepati tujuan sekiranya mereka diberi inayah dan hidayah oleh Allah".

Kisah Thalut menghadapi Jalut menjadi saksi dan bukti terhadap apa yang kita katakan ini. Bukalah Al-Quran dan bacalah tentang mereka di dalam ayat 246 hingga 252 Surah Al-Baqarah. Oleh kerana itu persiapkanlah diri anda, hadapilah dia dengan pendidikan yang sahih, yang benar dan periksalah dia dengan teliti dan ujilah dia dengan tugas-tugas berat dan kurang disukainya, yang susah dibuatnya dan berat dipikul. Latihlah diri menjauhi syahwat, menjauhi adat-adat dan kebiasaannya.

4.6 Sunnatullah Di Dalam Dakwah

Setelah kita beransur-ansur melalui peringkat-peringkat persediaan dan tarbiyah, sesuai dengan cara, alat dan segala kemungkinan menurut kemampuan yang ada pada kita sama ada individu atau jamaah, semuanya itu hanyalah sebagai batu-bata yang masih mentah. Setelah semuanya beres, berjalanlah di atas sunnatullah dengan ibtila', ujian dan bencana untuk membersihkan dan membezakan di antara yang tulen dan palsu, antara yang benar dan yang dusta, di antara emas dan tembaga supaya orang-orang yang beriman bertambah imannya.

"*Adakah manusia menyangka mereka akan dibiarkan berkata: Kami telah beriman. Pada hal mereka belum diuji, dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang sebelum mereka supaya Kami mengetahui orang-orang yang benar atau orang-orang yang bohong.*" (Ankabut: 2 – 3)

"*Apakah kamu mengira kamu akan masuk syurga, pada hal belum datang kepadamu (cubaan) sebagaimana halnya orang-orang yang terdahulu sebelum kamu. "Mereka ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan serta digoncangkan (dengan bermacam-macam cubaan) sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang beriman bersamanya. Bilakah datangnya pertolongan Allah? Ingatlah sesungguhnya pertolongan Allah itu sangat dekat*". (Al-Baqarah:214)

BAB 5

Penyelewengan Di Atas Jalan Yang Kita Peringatkan

Jalan dakwah adalah yang terang petunjuk-petunjuknya, lurus tujuannya, tetapi orang yang berjalan di atasnya sentiasa terdedah kepada penyelewengan yang boleh menjauhkan dia dari perjalanan yang betul. Ini berlaku kerana dia telah menyeleweng atau menyimpang dari jalannya ataupun dia merubah niatnya itu. Jika tidak, pasti dia akan pulang ke pangkal jalan. Penyelewengan ini selalu terjadi kerana dia terlalu ghairah dan bersemangat. Terutama tatkala kita menyangka bahawa orang yang berminat untuk bekerja di bidang dakwah Islam pada hari ini adalah orang-orang yang benar, bersungguh-sungguh dan ikhlas. Sebenarnya mereka hanyalah bersimpati dan terpengaruh dengan apa yang mereka dengar dan saksikan tentang berbagai-bagai penindasan, gangguan, seksaan dan pembunuhan ke atas para pembawa bendera dakwah Islam sebelum meraka.

Dari sinilah kita mesti segera menyabarkan para pemuda muslimin yang merupakan buinga-bunga yang sedang mekar dari tengah-tengah gelanggang penglibatan dan pelaksanaan supaya mereka tidak tergelincir dan tidak menyeleweng kerana tidak mempunyai pengetahuan dan penerangan yang cukup. Ini perlu supaya jejak langkah mereka tidak tergelincir setelah tetap dan mantap pendiriannya, supaya mereka sempat memperbaiki urusan mereka sebelum memperbaiki urusan musuh. Di sini kita perlu berjaga-jaga dan memelihara dari berbagai-bagai bentuk penyelewengan kerana menjaga dan memelihara kesihatan lebih baik daripada mengubati dan benarlah firman Allah:

"*Dan bahawa (yang kami perintahkan) ini adalah jalan-Ku yang lurus maka ikutilah dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain) kerana jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalan-Nya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa*". (Al-An'aam: 153)

Firman Allah:

"*Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak kamu kepada Allah dengan hujjah yang nyata. Maha suci Allah dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik*". (Yusuf:108)

5.1 Faktor-faktor Yang Membawa Ke Arah Penyelewengan

Sebelum kita menyentuh tempat-tempat berlakunya kegelinciran dan penyelewengan dalam memberi penerangan dan penjagaan, lebih dahulu marilah kita teliti dahulu suasana dan situasi semasa dan faktor-faktor yang membawa kepada penyelewengan. Kekosongan jiwa_agama, di mana para pemuda dibiarkan hanyut pada tahun-tahun yang lampau, kedangkalan pelajaran agama, tidak ada tarbiah agama, berkembang merebaknya banjir kerosakan akhlak dan ibahiyah (mengharuskan segala perkara), berleluasanya keraguan dan syak wasangka di dalam akidah, di samping itu hilang ghaibnya kanun dan undang-undang di dalam strategi jamaah yang bertanggungjawab mengatur dan mengorganisasi para pendokong dakwah kepada Allah. Tambahan pula dakwah dan para pendokongnya dipenjara, ditindas dan diganggu. Semuanya itu membangkitkan tindakbalas, cabaran-cabaran lantas menyalakan semangat orang-orang yang mempunyai ghairah ke atas Islam terutamanya di kalangan pemuda Islam dan ini adalah merupakan perkara tabii yang tidak dapat disangkal. Arus kesedaran seperti ini mesti diikat dan ditahan dengan ikatan yang bertujuan memeliharanya dari tergelincir dan terpesong supaya kelak tidak terdedah kepada berbagai tindakan dan pengalaman yang sia-sia dan menghasilkan akibat yang tidak disenangi.

5.2 Kita Tidak Menuduh Niat Mereka

Dalam kita menyatakan tentang penyelewengan-penyelewengan yang jauh dari jalan dakwah yang sebenar. Kita hanya bertujuan memberi nasihat dan tunjuk ajar dengan semata-mata mengharap keredhaan Allah. Tidak pernah terlintas di fikiran kita untuk menuduh dan meragui niat mereka, ataupun mengganggu seseorang ataupun hendak membuat jahat kepada seorang muslim.

5.3 Ilmu dan Penyelewengan

Tempat tergelincir yang paling merbahaya ialah fitnah ilmu. Kadangkala orang yang melalui jalan dakwah yang mencari ilmu dasar ma'rifah akan mendapat sedikit sebanyak ilmu kemudiannya ia akan merasakan satu perubahan yang besar dalam drinya, setelah merasai hidup dalam kekosongan dan kesesatan. Dia kagum dan silau matanya dengan sinaran ilmu dan makrifah yang diperolehinya dari hasil kajiannya dan dalam kitab-kitab dan buku dakwah Islam. Dia yakin pula bahawa ilmu yang diperolehinya itu telah banyak lantas menyangka dia telah mempunyai kemampuan untuk beristinbat dan mengeluarkan hukum dari ilmu yang telah diketahuinya dari nas-nas, dalil-dalil Al-Quran dan Sunnah Rasullah s.a.w. Kadangkala pula dia berpegang teguh sebab lahiriah satu-satu dalil dan tidak mahu menerima hujah orang lain. Ketika lain pula dia mudah terpedaya lantas menganggap dirinya telah sampai kepada darjah mujtahid lantas dengan beraninya mengeluarkan fatwa-fatwa hukum syara' di dalam beberapa perkara yang dikemukakan kepadanya. Benarlah ada orang yang berkata:

"*Orang yang paling berani mengeluarkan fatwa ialah orang yang paling kurang ilmunya*".

Lebih merbahaya dari itu dia berani pula merendah-rendahkan darjah imam-imam mujtahidin yang silam jika didapati pandangannya bertentangan dengan pandangan mereka mereka atau sekurang-kurangnya dia berkata: "Mereka itu lelaki dan kita pun lelaki juga".

Satu lagi tempat tergelincir ilmu iaitu apabila orang yang berjalan di atas jalan dakwah telah dikuasai oleh kelazatan dan keenakan ma'rifah nabi, dimabukkan oleh pembacaan dan mutala'ah semata-mata, sehinggalah jihadnya tertumpu di dalam bidang itu sahaja tanpa melibatkan dirinya lagi di dalam jihad dan amal yang lain yang dituntut oleh agama. Akhirnya hatinya menjadi terlalu seronok dan kyusuk dalam membaca berbagai kitab dan berlumba-lumba membaca berbagai majalah yang dipenuhi makalah ilmiah semata-mata. Ini membuatkan dia leka dari memberi perhatian ke arah menyuburkan iman, memperkuat jihad dan latihan dakwah Islam. Ini adalah membaliksongsangkan segala pertimbangan dan menyalah-gunakan segala pertimbangan dan menyalah-gunakan pengertian yang menyokong usaha tolong menolong yang membawa hasil.

Cara untuk memelihara diri dari yang demikian ialah dengan cara menuntut ilmu yang berguna tanpa mudah terpedaya dan tidak melewati batas, dan selalulah merasa yakin bahawa apa yang telah kita ketahui adalah lebih baik dari apa yang belum kita ketahui. Barangsiapa yang mengaku bahawa dia telah mengetahui maka dia telah menjadi jahil. Kemudian kita cantum ilmu dengan amal. Janganlah kita terlalu berani mengeluarkan fatwa. Kita mestilah sentiasa berlapang dada tanpa menutup diri dan membekukannya dengan kefahaman yang terbatas. Kita mestilah meletakkan manusia dan menilai mereka menurut darjah dan kedudukan mereka. Semoga Allah memberi rahmat kepada seseorang yang mengenali kadar dirinya.

5.4 Di Antara Furu'iah (Cabang) dan Usul

Satu lagi penyelewengan yang berlaku ke atas orang yang berjalan di atas jalan dakwah ialah lebih mementingkan bentuk lahir daripada isi dan batin, atau sibuk mengurus lahir sebelum mengurus isi dan batin. Ini adalah salah dan bahaya pada waktu ini. Pada hal sepatutnya sebelum kita menyuruh orang yang kita seru dengan perkara-perkara furu'iah kita mestilah terlebih dahulu bersama mereka mengukuhkan dan menegakkan perkara-perkara usul atau dasar akidah Islam dalam diri kita. Ini nantinya akan mendorong kita untuk menyerah diri mengikuti perintah Allah lantas bengun melaksanakan segala ajaran Islam. Mulai dari kuliah hinggalah kepada juz'iah. Kita akan dengan rela hati menerima baik segala ajaran Islam dari yang sebesar-besarnya hingga kepada yang sekecil-kecilnya sebagai ibadat kita kepada Allah. Tetapi kalau kita jadikan perkara furu'iah (cabang-cabang) sebagai asas yang kita mesti iltizam dengannya sebagai asasi sedangkan kita baru mulai berjalan di atas jalan dakwah, maka da'i yang sedemikian rupa menjadikan mereka yang kita seru menjauhkan diri dari dakwah kita dan secara langsung kita menghalang mereka dari berjalan di atas jalan dakwah bersama kita. Akhirnya secara tidak disedari kita dapati diri kita terasing disebabkan oleh uslub dan cara yang salah. Kita mestilah mampu membezakan di antara mengiltizamkan diri dan mengiltizamkan orang lain dari diri kita. Kita telah pun maklum pada diri kita bahawa akidah Islam itu bermula dengan menegakkan akidah; iman dan tauhid di dalam jiwa dan iman itulah yang mendorong para da'i untuk menyerahkan diri pada Allah mengikut perintah Allah tanpa ragu dan bimbang. Oleh kerana kita tidak boleh menyeleweng dari manhaj dan cara yang bijaksana ini.

"*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan nikmat dan nasihat yang baik*". (AnNahl:125)

5.5 Antara Berkeras-keras dan Bersusah-payah

Kadang-kadang orang yang berjalan di atas jalan dakwah terlepas dari penyelewengan yang

lain yang tidak kurang bahayanya. Dia terlalu berkeras sangat, bersusah-susah sangat lalu membebankan dirinya dengan melakukan tugas-tugas ketaatan dan ibadat yang di luar kemampuannya dengan keyakinan bahawa perlakuan yang demukian untuk melatih diri dalam rangka memudahkannya untuk mengikut manhaj Ilahi. Akhimya ia tidak mampu meneruskan perjalannya lalu tercicir di tengah jalan hingga sanggup mencuai-cuaikan perkara-perkara yang fardhu dan asasi hinggalah kepada perkara-perkara sunat dan nawafil. Rasulullah telah mengarahkan Mta supaya mengelakkan diri dari cara yang demikian. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak jemu sehingga kamu jemu".

Di sini kita wajib membezakan di antara tindakan yang tegas penuh kesungguhan dengan berpayah-payah serta membebankan diri di luar kemampuan. Sesungguhnya nafsu itu adalah ibarat anak kecil, apabila dia dicuaikan akan terus mencintai penyusuan tetapi apabila dipisahkan daripadanya ia akan berhenti menyusu kepada ibunya. Jadi tidak boleh tidak mestilah nafsu itu ditundukkan dan dikendalikan di dalam batas-batas kemampuan kerana Allah Taala telah berfirman sebagai ajaran untuk kita:

"*Ya Tuhan kami janganlah Jingkau membebankan kami sesuatu bebanan yang tidak sanggicp kami memikulnya*". (Al-Baqarah: 286)

Jalan dakwah itu adalah panjang dan sukar jadi para pendokong dakwah yang ingin maju meneruskan dakwah janganlah membebankan dirinya dengan bebanan yang dia sendiri tidak mampu memikulnya. Kerana amal yang sedikit tetapi berterusan itu lebih baik dari amal yang banyak tetapi terputus dan terhenti di tengah jalan. Kita juga tidaklah sepatutnya bersikap melampau dan cuai, kerana bebanan kita banyak, sementara itu pula dakwah memerlukan para pendokongnya yang mempunyai cita-cita yang tinggi, kemahuan yang kuat, keazaman yang tegas, tangkas dan unggul.

5.6 Di Antara Sikap Terburu-buru dan Longgar

Adakalanya orang yang berjalan di atas jalan ini terlalu optimis. Apabila ia tidak melihat sebarang tanda-tanda kemenangan sedangkan pada hematnya ia telah mengalami berbagai-bagai kepayahan dan ujian disepanjang jalannya, dan ia telah memberi pengorbanan yang semaksimanya. Dia mungkin terdorong oleh semangatnya yang berapi-api dan penuh ghairah untuk menggunakan kekuatan senjata sebagai cara untuk mempercepatkan perjalanan. Lidahnya seolah-olah berkata: "Walaupun aku yang datang kemudian, aku mestilah mampu membuat sesuatu yang tidak dapat dibuat oleh orang-orang dahulu".

Dengan demikian, dia dan orang-orang yang bersetuju dengannya membuat sesuatu di luar perencanaan yang rapi, yang di dorong oleh semangat yang berapi-api dan membabi-buta. Akhirnya bukan sahaja tidak sampai kepada matlamat yang dicita-citakan bahkan merosakkan dan membahayakan harakah Islam. Wajib difahami secara mendalam bahawa kekuatan yang pertama ialah kekuatan akidah dan keteguhan iman dan diiringi pula dengan kekuatan persatuan dan perpaduan. Akhir sekali barulah kekuatan tangan dan senjata. Itu pun jika sudah tidak mempunyai jalan dan pilihan lain. Oleh kerana itu marilah kita sama-sama rujuk kembali dan cuba memahami maksud kata-kata indah dan halus oleh Imam Hassan Al-Banna di dalam tulisannya di dalam "RISALAH MUKTAMAR KELIMA" di bawah tajuk "Al-Ikhwan: Kekuatan Serta Pemberontakan".

5.7 Di Antara Politik dan Tarbiah

Di sana ada lagi satu penyelewengan yang boleh menjauhkan kita dari jalan yang sihat iaitu kita memandang ringan terhadap proses tarbiah, pembentukan dan perlunya beriltizam dengan ajaran Islam dalam membentuk dasar dan asas yang teguh. Lantas kita seolah-olah melatah lalu menggunakan cara dan uslub politik menurut sikap dan telatah parti-parti politik. Kita akan mudah terpedaya dengan kuantiti anggota yang kita ambil yang dianggap menguntungkan tanpa mewujudkan iltizam tarbiah. Ini adalah satu jalan dan cara yang sangat merbahaya yang tidak dipercayai akibatnya. Ini mungkin menyediakan anasir yang kukuh yang mampu memikul hasil kemenangan, kekukuhan dan kekuasaan untuk Islam.

Sebenarnya kita tidak kekurangan kuantiti, tetapi kita kekurangan kualiti. Kita kekurangan bentuk dan contoh Islan yang kuat imannya yang membulatkan dirinya untuk dakwah, rela berkorban pada jalan dakwah dan jihad fi-sabilillah dan yang sentiasa istiqamah hinggalah bertemu Tuhannya. Oleh kerana itu marilah kita beriltizam dengan tarbiah dan janganlah kita redha menukarkannya dengan cara yang lain.

5.8 Di Antara Dakwah dan Manusia

Kita adalah manusia yang kadangkala benar dan kadangkala salah dan kadangkala kita berbeza pendapat. Ini merupakan perkara biasa bagi sesiapa yang bekerja dan berusaha di dalam sesuatu bidang. Tetapi, di bawah naungan cinta, kasih sayang dan persaudaraan kerana Allah, dan dorongan ikhlas dan tajarrud (membulatkan diri kerana Allah), segala kesalahan boleh diperbetulkan, perbezaan pendapat boleh diperbaiki, penerangan boleh dibentangkan, dipertimbangkan dan dirumuskan serta diselaraskan. Hal ini melahirkan tolong-menolong dan bahu-membahu di antara kita semua. Perbezaan pendapat di dalam sesuatu perkara tidak merbahaya selagi ditauti oleh rasa cinta dan kasih sayang. Tetapi jika ditonjolkan oleh orang-orang yang tertentu yang mempunyai kepentingan lalu dikobarkan di dalam suasana marah kerana membela diri ditambah lagi rasa bangga di dalam melakukan dosa dan mengampu orang-orang yang tertentu yang boleh merugikan dakwah. Maka di sinilah syaitan masuk campur dan akan melahirkan perpecahan. Akhirnya segala usaha menjadi hancur berantakan, waktu dihabiskan dalam perbalahan kemudian berusaha pula membuat perdamaian. Jika perkara seperti ini terus terjadi dan berulang maka dakwah dan kepentingannya akan terkorban di dalam suasana yang sedemikian. Pada hal sewajarnyalah segala usaha yang membina perlu ditumpukan kepada generasi yang sedang tumbuh dan mekar dalam mendidik dan mempersiapkan mereka dengan sebaik-baiknya.

Inilah sebahagian dari penyelewengan dan ketergelinciran di sepanjang jalan dakwah. Marilah kita sedari dan pelihara diri kita daripadanya. Kita sentiasalah tanpa henti meminta pertolongan kepada Allah Taala supaya dia membawa kita, memimpin kita melalui jalan yang benar dan menunjuki kita jalan lurus kerana sesungguhnya Dia Maha Kuasa membuat apa yang dikehendakinya.

BAB 6

Lagi......Mengenai Penyelewengan

Memandangkan pentingnya di beri perhatian kepada penyelewengan dan betapa bahayanya dan kerana menyambut saranan beberapa orang ikhwan, wajarlah kita membincangkannya sekali lagi untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut di samping kita beriltizam untuk tidak menuduh dan buruk sangka kepada sesiapa pun. Yang paling kita utamakan di sini ialah golongan pemuda Islam yang berminat untuk merealisasikan kebaikan untuk Islam. Kesalahan di dalam konsep, kedangkalan di dalam kefahaman itulah yang membuat mereka tergelincir dan terpesong. Mereka tergelincir dan terseleweng dari segi fikrah dan harakiah. Semakin hari semakin bertambah penyelewengannya dan terus terpesong dan tersalah di dalam berbagai kegiatan dan tindak-tanduknya kecuali jika mereka diberi rahmat oleh Allah dan dibawaNya kepada Siratul-Mustaqim - jalan yang lurus.

"*Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilah ia janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain lalu kamu dicerai-beraikan dari jalan-Nya, demikianlah Allah mewasiatkan kepada kamu agar kamu bertaqwa*". (Al-An'aam: 153)

6.1 Kontradiksi dan Kesulitan

Seseorang muslim yang ghairah dan memandang disekitarnya akan mendapati masyarakat kita penuh dengan kontradiksi dan pertentangan yang hebat di antara waqi' (realiti) yang merosakkan masyarakat ini dengan bentuk dan konsep yang dikehendaki oleh Islam untuk masyarakat Islam. Dia akan dapati bahawa kehidupan di hari ini ditimpa oleh wabak dosa, dilanda kemungkaran dan dilumuri maksiat lahir dan batin. Di satu pihak yang lain pula dia mendapati kehidupan Islam yang bersih dari semua itu. Lantaran itu dia berdukacita dan berasa sangat hiba. Manakah yang mesti dipilih dan diikut?

Adakah dia akan menyerah bulat-bulat kepada realiti dan bersikap negatif seperti kebanyakan orang yang dengan mudah boleh melupakan segala apa yang diwajibkan Islam. Islam mewajibkannya berusaha mengubah realiti dan suasana yang rosak itu dari terus terbenam ke lembah maksiat dan mungkar menukarkan suasana dan kenyataan itu kepada bentuk Islam hingga menjadi suasana dan realiti Islam. Ataupun dia mesti bersikap positif, tegas dan tangkas lantas menyahut seruan akidahnya yang mendesak. Sikap ini nanti memberi dorongan kuat kepadanya supaya dia bekerja dan berusaha merubah suasana yang rosak itu kepada suasana Islamik. Biasanya dia akan memilih yang kedua itu kerana akidah sebenarnya mempunyai kuasa yang kuat ke atas jiwa manusia. Tatkala itulah dia akan memikirkan segala tindakan, cara dan jalan. Hal ini terutamanya berlaku di kalangan anggota yang baru dilatih dan kurang pengalaman. Jika sekiranya tidak ada sesiapa yang memberi tunjuk ajar dan membimbingnya kepada jalan berfikir, berusaha dan tindakan yang sihat, mungkin dia akan memilih jalan yang menyeleweng dan terus terdorong di dalam penyelewengan sedangkan dia masih menganggap yang dia tetap di atas jalan yang benar dan cara yang bijaksana, lalu ia menyalahkan usaha orang lain yang tidak bersetuju dengannya. Ini akan membahayakan usahanya dalam rangka membawa kabaikan kepada Islam dan Muslim.

6.2 Siapakah Yang Bertanggungjawab

Apakah kita patut menyalahkan si penyeleweng itu sendiri dan mengganggap dia sahaja bertanggungjawab terhadap penyelewengannya pada hal kita tahu niatnya baik ? Ataupun kita periksa dan teliti sebab-sebab sebenarnya yang bertanggungjawab menyebabkan perkara tersebut berlaku. Kekosongan jiwa agama yang dihayati oleh golongan pemuda, kontradiksi yang maha hebat di antara realiti masyarakat yang rosak dengan idealisma masyarakat Islam yang dicita-citakan, penindasan, gangguan dan penyiksaan yang dahsyat yang ditimpakan kepada para duat. Ditambah lagi dengan melihatkan kekuasaan berada di tangan golongan perosak dan para jaguh kejahatan yang bebas bertindak sesuka hati sedangkan jamaah Islam yang bertanggungjawab mengumpulkan dan mendidik para pemuda yang berminat dan mahu bekerja untuk Islam di dalam keadaan lemah dari segi tanzimnya. Sepatutnya jamaah inilah yang mengarahkan, menunjukkan

dan membimbing mereka melalui jalan dakwah menurut perjalanan RasuluUah di zaman silam, begitu juga kita berjalan di atasnya pada hari ini dan seterusnya hingga kita menemui Allah.

Inilah faktor utama yang membawa para pemuda kepada penyelewengan. Mereka tergelincir dari segi fikrah dan harakah (gerakan). Umpama kita melihat hukum-hukum yang membahayakan akidah orang lain disebarkan dengan mudah tetapi yang melibatkan kedudukan, muamalah, solat dan urusniaga pula berdasarkan kepada hukum-hukum dan fatwa yang merbahaya, begitu berani dan tergopoh-gapah. Ataupun lahir pula bentuk-bentuk amal yang mendadak akibat dorongan sikap tergopoh-gapah serta akibatnya dan demikianlah seterusnya. Jadi dalam hal ini kita mesti berusaha mengatasi sebab-sebab yang hakiki itu sekiranya kita hendak merawat punca sesuatu masalah.

Kita mestilah merasakan bahawa menjadi kewajipan kita supaya menerangkan kepada para pemuda Islam tentang jalan yang benar dan sahih untuk fikrah dan amal Islami di dalam perlaksanaan kalimah-kalimah ini berpandukan pengalaman generasi silam dengan mengharap hidayah dan taufik dari Allah.

6.3 Syumul dan Berpandangan Jauh

Kita mestilah mempunyai pandangan yang syumul (lengkap) dan mendalam dalam kita bekerja untuk Islam kerana urusan ni bukanlah semata-mata hanya melayani semangat dan tindakan-tindakan yang tidak mengambilkira sebarang akibat dan natijah. Pengalaman dan ujian pahit masa lalu telah menunjukkan kepada kita bahawa semangat yang meluap-luap bukanlah bukti kekuatan iman penganutnya, malah ia menunjukkan kedangkalan jiwanya dan kurangnya persediaan serta tidak bersabar di atas kesusahan jalannya. Biasanya terlintas di fikiran mereka bahawa emosi, lonjakan dan semangat yang meluap-luap itu kononnya dapat merealisasikan sesuatu untuk Islam yang tidak dapat direalisasikan oleh orang sebelumnya. Lebih melampau pula mereka menuduh orang yang tidak bersetuju dengan lonjakan emosi dan luapan semangat sebagai orang yang bacul dan lemah.

Sesungguhnya tugas, kewajipan yang diusahakan oleh para duat untuk merealisasikan batas Islam adalah besar dan agung. Bukan hanya sekadar perubahan sampingan atau sebahagian atau tempatan. Sesungguhnya ini adalah perubahan yang menyeluruh iaitu membangunkan daulah Islam yang global kerana dakwah kita adalah bersifat sejagat dan untuk seluruh manusia. Musuh dakwah Islam juga merupakan dunia antarabangsa, tidak hanya di suatu tempat tertentu sahaja. Dunia hari ini bukanlah dunia semalam. Pengaruh alat-alat komunikasi yang moden tidak meninggalkan sesuatu bahagian dari bumi ini terasing dari yang lainnya. Segala peristiwa yang berlaku di suatu bahagian bumi menimbulkan reaksi yang cepat di seluruh dunia yang mesti diberi perhatian dan perhintungan yang sewajarnya.

6.4 Jalan Yang Sahih

Sesungguhnya kebesaran tugas ini, banyaknya rintangan dan penindasan, berleluasanya pengintipan musuh-musuh Islam terhadap kebangkitan Islam dan harakah Islam, tidak dapat dijadikan alasan dan sebab untuk meninggalkan kerja dan usaha untuk Islam.

Perlulah diubah kenyataan yang batil dan membangunkan daulah yang hak, tetapi mestilah dengan jalan yang sahih dan benar. Menanam kukuh asas akidah di dalam jiwa, mendidik dan mempersiapkan generasi mukmin yang benar dan mampu bangkit membuat perubahan, membangunkan rumahtangga muslim yang menjelmakan Islam dalam seluruh kegiatan dan aspek kehidupan, bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh memenangi public opinion (pandangan orang ramai) supaya mereka memihak kepada dakwah Islam. Faktor-faktor ini merupakan dasar yang teguh untuk membangunkan undang-undang dan daulah Islam. Inilah jalan yang sahih dan benar untuk menegakkan dan memenangkan dakwah Islam di muka bumi ini tanpa bergopoh-gapah untuk mencapai hasil. Ini kerana sesungguhnya masa itu diukur dengan umur dakwah bukan umur perseorangan.

Mungkin ada orang berkata: "Jalan ini lambat dan tidak mungkin melahirkan cita-cita yang diharapkan. Lebih-lebih lagi dengan adanya cangkul peruntuh iaitu setiap persiapan dan kelengkapan yang dibawa oleh pendokong kebatilan, lalu dengan mudah diruntuhkannya satu demi satu".

Kita jawab: "Sesungguhnya pendapat ini tidak benar tidak sihat kerana sejarah mendustakannya. Sirah Rasullulah s.a.w. mengatakan dan menegaskan bahawa sesungguhnya dakwah Allah yang dikumandangkan oleh Rasulullah s.a.w. telah berjalan di atas jalan seperti ini, di dalam suasana yang serupa di zaman ini, namun demikian baginda dapat memantapkan dasar-

dasarnya".

Akhirnya Allah memberi kemenangan kepada baginda walau bagaimana besar sekalipun penentangan pendokong kufur dan kebatilan dengan segala tipu daya mereka dan cangkul peruntuh yang cuba membinasakan usaha baginda. Kelengkapan kufur dan jahiliah tidak mampu meruntuhkan asas dan dasar orang yang beriman lantaran kekuatan iman dan kejituan akidahnya dan sekarang sejarah akan mengulangnya lagi. Allah akan memberi kemenangan kepada yang hak dan menghapuskan yang batil walaupun dibenci oleh golongan penjajah dan kufur dan benarlah Allah Yang Maha Agung di dalam firmanNya:

"*Demikianlah Allah membuat perumpamaan (bagi) yang benar dan yang batil. Adapun buih itu, akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya; adapun yang memberi menfaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan* ".(Ar-Ra'ad: 17)

6.5 Merubah Realiti dan Manghapuskan Kemungkaran

Sesungguhnya rasa tanggungjawab untuk merubah realiti masyarakat yang buruk dan hina serta berselaput dengan segala adat lapuk tidaklah bererti terpaksa dirubah serta merta dan memerangi secara langsung atau memasuki medan pertentangan. Ini akan melibatkan para pendukugnya jatuh ke dalam satu pertarungan juz'iah yang mungkin memburukkan bentuk usaha dan amal Islami dan menjauhkan manusia dari para da'i malah membangunkan tembok penghalang di antara manusia dengan mereka tanpa menemui jalan kebenaran.

Janganlah disangka dengan meruntuhkan tempat yang dianggap manusia sebagai tempat keramat dan sakti akan dapat menghalang orang awam membuat perkara yang bertentangan dengan syariat Islam di sekitar tempat yang dianggap keramat itu atau akan menghalang mereka daripada membangunkan semula bangunan keramat seperti itu pada masa akan datang. Janganlah kita menyangka bahawa dengan meruntuhkan kedai-kedai arak dan tempat-tempat hiburan akan menghapuskan mungkar dan maksiat dan akan membersihkan masyarakat daripadanya.

Di zaman mutakhir ini ada kejadian di mana ada segolongan manusia meruntuhkan bebetapa bangunan hiburan dan kedai arak. Apakah yang terjadi sesudah itu? Para pendokong maksiat dan mungkar segera membangunkan semula bangunan-bangunan yang lebih hebat daripada sebelumnya. Mereka berkata: "Mereka meruntuhkannya dan merobohkannya tetapi Allah memperkembangkannya dan memperbaikinya". Demikianlah pendokong maksiat dan mungkar dengan sombong dan berani mereka kepada Allah. Itulah yang dipropagandakan melalui suratkhabar.

Ini cuma satu contoh sahaja dan terdapat banyak lagi contoh-contoh yang lain dan lebih bahaya dari itu yang mesti kita berwaspada daripadanya. Kerana sesungguhnya merubah kemungkaran dengan cara seperti ini di dalam peringkat dakwah seperti sekarang ini bukanlah cara yang betul. Jangan pula disangka bahawa tanpa berbuat demikian kita redha menerima realiti yang buruk dan merosakkan itu ataupun disangka bahawa kita telah mengakui kemungkaran. Tiada faedahnya kalau berusaha memperbaiki cabang-cabang pada hal pokoknya telah rosak binasa.

Marilah layangkan pandangan kita kepada Rasulullah s.a.w. di dalam peringkat dakwah baginda di Mekah. Tidak mampukah baginda menyuruh sebahagian sahabatnya supaya meruntuhkan berhala-berhala yang berdiri di sekitar Ka'abah di Masjidil Haram itu dengan tujuan menghapuskan kemungkaran atau membunuh orang dari peminpin kufur untuk melemahkan kekuatan dan kekuasaan mereka. Rasulullah s.a.w. tidak pernah menyuruh berbuat demikian di dalam marhalah itu kerana tindakan juz'iah seperti itu akan menambahkan kemarahan para pendokong syurik dan penyembah berhala yang sememangnya telah marah kepada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Sebagai tindakbalas mereka nanti bersungguh-sungguh mencari orang-orang mukmin di setiap tempat untuk bertindak lebih keras lagi ke atas mereka dan terus membunuh mereka seluruhnya. Sedangkan orang-orang mukmin pada waktu itu baru merupakan benih yang lemah dan lembut. Kemudian para pendokong syirik dan berhala itu akan membangunkan semula berhala mereka di situ dan boleh jadi lebih baik daripada yang telah diruntuhkan. Tetapi Rasulullah s.a.w. menunggu waktu dan hari yang sesuai, barulah setiap berhala itu diruntuhkan tanpa menerima tentangan dan akhirnya mereka tidak bangun lagi sesudah itu. Ini terjadi setelah tentera mujahidin dari Madinah datang menawan kota Mekah pusat kufur dan jahiliah di tanah Arab itu. Setahun sebelum peristiwa besar itu berlaku, Rasulullah dan muslimin bertawaf di Baitullah padahal berhala itu masih berada di sekitar Ka'aah dan orang-orang kafir Quraisy berada di luar Mekah. Namun demikian Rasulullah belum lagi menyuruh sahabat-sahabatnya meruntuhkan barhala-berhala itu. Mengapa? Kerana belum tiba masa yang sesuai, tetapi kemudiannya berhala-berhala itu telah dimusnahkan apabila waktu yang sesuai:

"*Dan katakanlah: Yang benar telah datang dan yang bathil telah lenyap. Sesungguhnya yang bathil itu sesuatu yang pasti lenyap*".(Al-Isra': 8)

Sepohon kayu yang besar dan keras batangnya, adalah bermula dari batangnya yang lembut dan beransur-ansur naik tinggi, kerana menurut hikmah yang dikehendaki Allah. Setiap kali ditiup angin kencang atau dipukul ribut taufan, dia melentok lembut dan condong bersama angin tetapi setelah ribut itu reda, dia akan tegak kembali. Waktu demi waktu dia beransur tumbuh dan membesar, akarnya terus menjalar di setiap penjuru, batangnya beransur besar dan keras sedikit demi sedikit dan condongnya pula berkurangan bersama tiupan angin sehingga tiba waktu sempurna kekuatan batangnya, kedalaman dan kejauhan jalaran akar umbinya dan mampu menghadapi angin dan ribut taufan. Di waktu itulah dia tidak akan patah dan tidak dapat dicabut oleh angin ribut. Cubalah kita fikirkan batang yang tinggi pada mulanya dan keras tentu mudah dipatahkan oleh angin ribut atau dicabut ribut. Demikianlah juga dakwah Islam di waktu tumbuh dan berkembangnya diperingkat lemah dan sedikit bilangannya, adalah tidak sesuai baginya menghadapi musuhnya dengan kekuatan dan kekerasan, tetapi mestilah dihadapi dengan kesabaran, ketabahan, ketahanan, redha menerima segala derita sehingga ia menjadi satu organisasi yang kuat.

Demikianlah pula sebaliknya, adalah tidak benar kalau kita paksa pokok yang telah keras batangnya untuk tunduk dan condong sebab yang demikian itu merbahaya kepadanya. Demikian juga halnya dengan harakah Islam, apabila dia telah kuat, tidaklah ia redha menerima taraf kedudukan yang lemah. Oleh kerana itu, di waktu itu telah turun firman Allah:

"*Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai. Dan sesungguhnya Allah benar-benarMaha Kuasa menolong mereka itu* ".(Al-Hajj: 39)

6.6 Kesabaran, Ketahanan dan Penyampaian Dakwah

Gambaran ideal lagi benar dalam jihad di tahap permulaan dakwah tergambar di dalam kesabaran atas gangguan dan ketahanan di medan dakwah serta bersungguh-sungguh menjalankan dakwah. Proses ini kadangkala mengakibatkan istisyhad (mati syahid) sebagaimana yang terjadi kepada Yassir dan Sumayyah r.a. Tiga unsur yang sangat penting di peringkat pertama dakwah ialah sabar, tetap bertahan (istiqamah) dan menyampaikan dakwah. Itulah rahsia kehidupan dakwah Islam. Itulah sebab-sebab yang mengekalkannya dan mengembangkannya.

Sesungguhnya contoh-contoh kesabaran dan ketahanan seperti Yasir, Sumaiyah dan Bilal serta lain-lain sahabat Rasulullah s.a.w. telah membawa peranan penting dan utama untuk dakwah pada waktu itu. Dari sinilah kita sentiasa mendapat bekalan dan kekuatan yang mendorong kita meneruskan dakwah dan jihad setiap kali kita membaca sirah mereka.

Kelihatan pada zahirnya ada orang yang menyangka bahawa sikap tersebut sebagai sikap dan tindakan negatif. Sangkaan tersebut adalah salah kerana hakikatnya itulah kemuncak positif. Di dalam kesabaran, ketahanan dan terus menyampaikan dakwah, inilah pemberian, penanggungan dan penentangan terhadap pendokong kebatilan berkesudahan dengan kekakalahan mereka dengan kekuatan iman dan kekuatan akidah para penganut Islam di masa itu. Kekalahan sedemikian telah dirasai oleh Abu Jahal berhadapan dengan kesabaran dan ketahanan Bilal r.a.

6.7 Jihad dan Menjual Diri Kepada Allah

Sebahagian pemuda bertanya: "Selagi jihad itu perlu dan kita telah berjanji menjual diri dan harta kepada Allah, mengapa kita tidak berjihad dan menyerahkan harta kepada Allah?". Saya jawab: "Sesungguhnya orang yang telah menjual diri dan hartanya kepada Allah, tidak berhak mengorbankan diri dan hartanya itu sebarang waktu dan amal yang dikehendakinya, tetapi mestilah pada waktu dan di dalam amal dan usaha yang telah ditentukan oleh syariat Islam. Sesungguhnya Allahlah yang mengira, yang mengarahkan bila, di dalam kerja apa, dan bagaimana kita menyerahkan jiwa dan harta kita. Sama ada di tengah-tengah gangguan, penindasan, penyiksaan, kesabaran dan ketahanan ataupun di tengah-tengah peperangan, jihad dan penentangan kepada musuh-musuh. Janganlah kita mudah didorong oleh sentimen, perasaan melulu atau terburu-buru mempercepatkan natijah serta buahnya lalu kita membuat kerja-kerja, usaha-usaha dan pertarungan yang juz'iah di mana kita mengorbankan jiwa dan harta kita tanpa membawa f aedah yang nyata untuk dakwah. Tindakan-tindakan begini membawa keuntungan dan menambah kekuatan para pendokong kebatilan. Satu dari pengertian indah di dalam masalah ini ialah sepotong kata-kata hikmah, "Orang yang telah menjual dirinya kepada Allah tidak berhak ke atas orang yang menyiksanya. Sesungguhnya Allahlah yang mempunyai hak ke atasnya sama ada Dia hendak

mengampuninya ataupun menyiksanya".

BAB 7

Penyelewengan Di dalam Masalah Kafir Mengkafir

Tadi saya telah terangkan tentang penyelewengan di jalan dakwah boleh mendatangkan akibat-akibat yang merbahaya kepada dakwah dan pendokong-pendokongnya. Kita tambahkan lagi di sini bahawa penyelewengan fikrah adalah lebih merbahaya dari penyeleweng harakah kerana di dalam fikrah yang sahih dan benar akan melahirkan harakah yang sahih dan dari situ dapat dibetulkan segala penyelewengan dan kesalahan harakah. Jadi fikrah yang sihat melahirkan harakah yang sihat. Tetapi kalau fikrah telah menyeleweng, segala tindakan-tindakan harakah yang timbul daripadanya tidak akan membawa sebarang kebaikan, malah membahayakan lagi sia-sia.

Oleh itu kita dapati di dalam tahap permulaan dakwah Islam, Rasulullah s.a.w. telah menyempurnakan peneguhan dan pemantapan akidah dan konsep yang sihat sejahtera lagi terang dan nyata tentang Islam dan risalahnya. Turunnya wahyu satu ayat demi satu ayat dan surah memantapkan dan mengukuhkan dasarnya, menerangkan, memperbetulkan dan menyampaikannya, dan Rasulullah s.a.w. sendiri menerangkan, menjelaskan dan bertindak dengan amalan yang benar dan sempurna dan menghapuskan segala penyelewengan amalan.

Di atas jalan itu juga, Imam As-Syahid Hassan Al-Banna berusaha dengan seluruh tenaga dan kemampuannya untuk menyatukan umat Islam di atas akidah yang sahih dan sempurna dan kefahaman yang mendalam, teliti dan sahih tentang Islam melalui al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Beliau tidak leka pula mengawasi penyelewengan fikrah yang boleh menimbulkan satu perpecahan dari berbagai-bagai perpecahan yang telah sedia banyak itu. Beliau membawa mereka kembali kepada sirah salafussoleh dengan kefahaman dan amalan mereka yang sejahtera untuk Islam di bawah naungan wahyu dan persahabatan dengan Rasulullah s.a.w. Beliau menjadikan kefahaman itu sebagai rukun pertama dari rukun bai'ah-persetiaan- kerana sesungguhnya semua rukun bai' ah diasaskan di atasnya dan sangat kuat hubungannya dengan rukun-rukun tersebut. Beliau telah menentukan baginya (kefahaman) dua puluh usul sebagai pagar yang mengelilingi dan memeliharanya dari sebarang penyelewengan, keterlaluan, kecuaian atau meringan-ringankan. Beliau jugalah yang mengisytiharkan bahawa dakwah kita adalah salafiah, menurut jalan salafus saleh, para sahabat Nabi s.a.w dan pengikut-pengikutnya.

Satu lagi penyelewengan yang terpenting dalam fikrah yang wajar kita berikan perhatian ialah penyelewengan di dalam masalah kafir-mengkafir. Kita tidak suka menyentuh dan memanjangkan perbincangan dan berbantah-bantah dalil. Ini semua telah dijelas di dalam buku "Nahnu Duat La Qudhat" (Kita Pendakwah, Bukan Hakim) yang telah ditulis oleh Hassan Al-Hudhaibi rahmahullah. Kita akan hanya menyentuh beberapa bayangan dan keterangan dan cuba menjelaskan bagaimana salah dan bahayanya penyelewengan seperti itu dan siapa yang menjadi mangsanya. Kita tidak akan menuduh niat-niat mereka, bahkan kita mengakui kebaikan niat mereka yang membawa fikrah yang menyeleweng itu.

7.1 Adakah Menghukum Orang Lain Itu Wajib bagi Setiap Muslim?

Telah diketahui bahawa syariat Islam telah memberi taklif menuntut supaya kita menyeru manusia kepada Allah, menyuruh berbuat kebaikan dan melarang dari berbuat kemungkaran. Tiap-tiap seorang dari kita akan disoal di hadapan Allah: "Sudahkah kamu menyeru keluargamu, jiranmu, kenalanmu dan semua orang yang berhubung dengan kamu kepada Allah; untuk melaksanakan kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. atau belum?" Kamu tidak akan disoal: "Sudahkah kamu menghukum ke atas si pulan atau belum? Kenapa kamu tidak menghukumnya?" Kerana itu tidak termasuk di dalam taklif syari'ah. Yang menjadi tugas kamu dan diberi pahala jika kamu melaksanakannya adalah tugas dakwah, menyeru manusia kepada Allah dan kamu akan diazab jika kamu mencuaikannya. Kamu tidak akan diseksa jika kamu tidak menghukum, tetapi sebalil jika kamu melakukannya, kamu akan terdedah kepada azab yang sang keras apabila kamu tersalah memberi hukuman.

Daulah Islam yang mendirikan dan mendaulatkan syari'at Allah. Dialah yang

bertanggungjawab menentukan hal ehwal individu-individu di dalam akidahnya sama ada dia kafir atau muslim. Setiap orang mereka mempunyai cara muamalahnya. Bermuamalah dengan muslim tidak sama dengan bermuamalah dengan zimmi dan bermuamalah dengan zimmi tidak sama dengan murtad dan begitulah seterusnya. Menentukan hukum kepada mereka bukanlah urusan individu, tetapi kadangkala di satu ketika seorang individu itu perlu mengetahui keadaan seseorang apabila dia ingin membuat sebarang perhubungan dengannya contohnya dalam urusan pernikahan, perniagaan atau urusan-urusan lain. Boleh jadi orang itu komunis (mulhid), athies ataupun murtad. Jadi, dalam hal ini jika kamu merasa ragu-ragu tentang dirinya, cukuplah dengan menghentikan sahaja niat kamu, janganlah pula menjatuhkan hukuman ke atasnya.

7.2 Mengkafirkan Seorang Muslim Adalah Perkara Yang Sangat Merbahaya

Kita semua maklum tentang kehormatan seorang muslim: "Tiap-tiap Muslim ke atas Muslim haram darahnya, hartanya dan kehormatannya". Sesungguhnya darah kamu, harta kamu dan kehormatan kamu haram di atas kamu seperti haramnya hari kamu ini, di bulan kamu ini".

Oleh kerana itu kita dapati syari'at Islam melindungi kehormatan ini dengan perundangan yang bijaksana. Syari'at ini melindungi darahnya dengan perlaksanaan had Qisas, melindungi kehormatannya dengan had Qazaf dan had zina (orang yang menuduh berzina di hukum sebat lapan puluh kali) dan melindungi hartanya dengan had potong tangan yang mencurinya dan demikianlah seterusnya. Oleh itu, menghukum orang dengan kufur atau mengkafirinya, padahal dia seorang muslim samalah ertinya mencabul kehormatan yang paling mulia. Menuduh seorang muslim sebagai seorang kafir lebih dahsyat dari membunuhnya. Oleh kerana itu, balasannya sama dengan jenis kerjanya. Umpamanya jika menuduh seorang muslim sebagai seorang kafir tanpa bukti, maka menuduh itu menjadi kafir. Imam Bukhari r.a. bahawa Abu Dzar mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"*Tidak boleh seorang lelaki menuduh lelaki yang lain sebagai fasik atau kufur kerana tuduhan itu akan kembali semula kepadanya jika yang dituduh itu tidak sedemikian*".

Darinya lagi, bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

"*Barangsiapa memanggil seorang lelaki dengan panggilan kafir atau mengatanya musuh Allah, sedangkan orang itu tidak sedemikian, maka tuduhan itu akan kembali semula kepadanya*".*-Muttafaq 'Alain*

Dari Ibnu Umar r.a. beliau berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.

"*Apabila seseorang lelaki berkata kepada saudaranya: "hai kafir", maka kekufurannya itu jatuh kepada salah seorang daripada keduanya. Jika apa yang dikatakan itu benar, kafirlah orang dipanggil topi kalau tidak, kekafiran itu kembali semula kepadanya*".

Dari sini dapatlah kita melihat bahawa menghukum seseorang muslim itu sebagai orang kafir adalah satu tindakan yang membawa kepada kebinasaan tanpa pahala yang boleh diharap darinya dan ini bukan dari tugas-tugas syar'iah.

7.3 Manakah Yang Lebih Perlu Diawasi?

Beranikah kita mengatakan kepada seorang yang sakit, tidak mampu ataupun tidak berdaya lagi bergerak tetapi masih hidup, bahawa dia telah mati lalu dikebumikan sebelum kematiannya. Jika tidak ada perbezaan pendapat dan mempunyai keyakinan yang cukup tentang kematiannya barulah kita berani mengatakan bahawa dia telah mati.

Walaupun orang sakit yang tidak sedarkan diri beberapa hari tetap masih hidup, dia tidak boleh diuruskan sebagai orang mati sebelum dia benar-benar mati. Perlakuan demikian dianggap sebagai dosa besar dan dipandang sebagai pembunuh walau bagaimana kuat pun penyakitnya.

Sekiranya kita perlu berwaspada dan berhati-hati terhadap masalah tersebut terhadap tubuh manusia, tentulah kita lebih perlu berwaspada dan berhati-hati menjatuhkan hukuman terhadap urusan akidah. Jadi bertindak melucutkan Islam dari seorang muslim dengan melemparkan| tuduhan kafir kepadanya adalah lebih besar dosanya dan lebih besar bahayanya daripada menyatakan bahawa orang sakit telah mati padahal ia masih hidup. Jadi, mengapakah kita dengan mudah dan berani mengkafirkan berjuta-juta muslim.

Kita tidak menyangkal, bahawa memang ada dari kalangan muslim yang hidup bersama kita, jika diperiksa dengan teliti dan halus, kita akan dapati dia telah murtad dan telah keluar dari Islam secara langsung, tetapi kita hendaklah memandangnya secara zahir dan zatnya sahaja. Jadi kita memandangnya sebagai muslim kecuali yang telah sabit kekufurannya dan murtadnya secara Qat'i dan pasti menurut ketentuan syar'i.

Tidak boleh juga kita tawaqquf lalu kita tidak memandang seorang sebagai muslim atau sebagai kafir. Ini tidak logik dan tidak berpijak di alam nyata. Demikian juga kita tidak boleh

membiarkan orang yang sakit supaya dia terus sakit. Sebaliknya, kita mestilah mengubatinya jauh sekali untuk mengurusnya sebagai orang yang mati lalu mengebumikannya. Sebab asalnya dia seorang yang hidup sehingga sabit kematiannya. Demikian juga seluruh saudara seIslam kita. Mereka dianggap muslim sehingga sabit kekufurannya, baru dipandang sebagai orang kafir.

7.4 Batas Pemisah Antara Kufur dan Islam

Allah tidak menjadikan batas pemisah di antara kufur dan Islam sebagai satu marhalah yang mesti dilalui, kerana ini akan menimbulkan salah dalam pertimbangan apabila seseorang melintasi marhalah itu sama ada seluruhnya atau sebahagiannya yang kemudiannya timbul perselisihan sama ada menganggapnya sebagai seorang muslim atau orang kafir, lalu menimbulkan beberapa perkara yang sangat bahaya.

Oleh kerana itu, dengan hikmah Allah Taala dan kasih sayangNya kepada kita, Dia menjadikan batas pemisah di antara kufur dan Islam sebagai satu garis yang halus, jelas dan tidak ada perselisihan di atasnya supaya kita tidak terjerumus di dalam konflik yang paling payah iaitu, dengan mengucap dua kalimah syahadah sahaja orang itu adalah dikatakan sebagai seorang muslim. Demikian juga Dia menjadikan urusan keluar atau murtad dari Islam tidak akan terjadi jika tidak disertai dengan dalil qat'ie dan pasti yang jelas kekufurannya. Dengan memberi peluang kepada si murtad itu untuk bertaubat sebelum menjatuhkan hukuman had ar-riddah ke atasnya.

Islam tidak menyuruh kita mengadakan ujian kepada sesiapa yang hendak memasuki Islam. Lalu kita berselisih dalam menentukan ujian kepada sesiapa yang hendak memasuki Islam. Kemudian kita berselisih dalam menentukan darjah-darjah keIslamannya dan menetapkan berjaya atau gagalnya dia dalam ujian tersebut. Tapi kita hanyalah menurut sabda Rasulullah:
"*Serulah mereka supaya naik saksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah*", *maka jika mereka mengucapkan demikian maka sesungguhnya darah dan harta mereka telah terpelihara*".

Kita semua telah mengetahui kisah seorang Muslim yang berperang di dalam barisan musyrikin dan mengucapkan dua kalimah syahadah, kemudian dia dibunuh oleh Usamah bin Zaid r.a. setelah dia mengucap dua kalimah syahadah kerana Usamah menyangkanya sebagai satu helah untuk mengelakkan dirinya dari dibunuh, tetapi Rasulullah s.a.w. sangat marah dan kesal terhadap tindakan Usamah lalu bersabda kepadanya: "Kenapa engkau tidak membelah dadanya?". Ada pendapat yang mengatakan bahawa orang mengucap dua kalimah syahadah tidak boleh dipandang sebagai seorang muslim kecuali dia beramal dan memenuhi tuntutan dua kalimah syahadah itu. Itu adalah pendapat yang salah dan keliru. Orang yang mengucap dua kalimah syahadah itu telah menjadi Muslim, tetapi muslimnya sama ada Muslim yang taat, Muslim yang derhaka, ataupun murtad. Itupun sekiranya dia mengingkari perkara yang pasti dimaklumi ataupun dia membuat sesuatu yang tidak dapat diberi pengertian kecuali kekufuran sahaja.

7.5 Memecahkan Objek Dakwah

Sesungguhnya Muslim yang kita perguali dan campuri dan yang kita seru kepada Allah, kepada memahami Islam, supaya mereka melaksanakan ajaran Islam dan bekerja untuk Islam, inilah yang menjadi sasaran dan objek dakwah yang kita bekerja di dalamnya. Kita tarik daripadanya individu yang beriman yang terpengaruh dengan dakwah kemudian kita jadikan mereka pendokong-pendokong dakwah yang berjihad dan berkorban pada jalannya. Sekiranya mereka merasai bahawa kita menganggap mereka sebagai orang-orang kafir, mereka akan lari dari kita, tidak mahu mendengar apa yang kita serukan kepada mereka, lalu menjadi musuh-musuh kita. Dengan itu, kita sendirilah yang memecahkan objek dakwah kita dengan tangan-tangan kita dan kitalah yang tersingkir. Lantaran itu, kita berjalan di atas jalan mati. Kita telah mengasingkan diri kita dari mereka dan kita pada akhirnya tidak dapat merealisasikan satu pun kebaikan untuk Islam dan Muslimin.

Sesungguhnya musuh-musuh Allah telah menjajah negeri-negeri umat Islam di seluruh dunia dalam tempoh yang lama. Mereka telah lama membuat berbagai rancangan untuk menjauhkan intisari Islam dan hakikatnya dari kehidupan umat Islam setelah mereka gagal memisahkan umat Islam dari agama mereka. Lantaran itu timbullah generasi-generasi yang jahil terhadap sebahagian besar ajaran Islam. Islam tidak dapat dijelmakan dalam sebahagian besar aspek kehidupan mereka. Inilah yang mendorong dan mendesak kita agar melipat gandakan usaha dan kerja kita untuk menarik tangan-tangan mereka, menasihati mereka, memberi tunjuk ajar kepada mereka, membawa hidayah Islam kepada mereka dan membukakan mata mereka supaya mereka dapat melihat Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna. Itu tidak cukup dengan fatwa mengkafir sahaja dan membangunkan tembok-tembok dan tabir-tabir di antara kita dengan

mereka.

Musuh-musuh Allah sentiasa bercita-cita dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memecah-belahkan barisan Muslim. Apakah lagi yang dikehendaki selain dari melihat umat Islam berpecah-belah. Dengan adanyakumpulan, parti, institusi dan pertubuhan yang mengkafirkan yang lain itulah yang memudahkan musuh-musuh Allah menghancurkan Islam dan sistemnya tanpa membawa faedah dan kebaikan kepada Islam.

7.6 JalanNya Yang Sahih

Apabila kita bersungguh-sungguh hendak merealisasikan satu kebaikan untuk Islam dan hendak menegakkan daulah Islam di muka bumi, kita mestilah berjalan mengikut jalan yang telah dilalui oleh Rasulullah s.a.w. di zaman silam iaitu dari segi imannya, amal, cinta dan ukhuwah tanpa sebarang pertukaran dan perubahan, tanpa cuai dan keterlaluan sebagaimana firman Allah:
"*Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur. Dan di antara mereka ada pula yang menunggu-nunggu dan mereka sedikitpun tidak mengubah (janjinya)*"'. *Supaya Allah s.w.t. memberikan balasan kepada orang-orang yang benar itu kerana kebenarannya dan menyiksa orang munafik jika dikehendakiNya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."* (Al-AhZab: 23&24)

Firman Allah Taala:
"*Katakanlah: Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah s.w.t. dengan hujjah yang nyata. Maha Suci Allah s.w.t. dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik*".(Yusuf: 108)

Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita pengikut-pengikut Rasulullah s.a.w. yang berjalan di atas jalan yang dicontohkannya tanpa merubah! dan menggantikannya.

BAB 8

Beberapa Halangan Di Atas Jalan Yang Kita Lalui (1)

Jalan dakwah adalah jalan yang mulia dan mahal. Sesungguhnya itulah jalan syurga dan diredhai Allah, itulah jalan Allah. "Hai Tuhan kami, tetapkanlah tapak-tapak kaki kami di atas jalanMu". Dia itu adalah jalan yang dipenuhi dengan segala perkara yang dibenci oleh hawa nafsu dan bukanlah merupakan jalan yang ditaburi bunga-bunga yang mewangi. Beberapa banyak rintangan yang menghalang dan beberapa banyak penyelewengan yang mungkin terjadi dalam beberapa aspek yang menjauhkan orang yang berjalan di atasnya dari jalannya.

Seorang Muslim yang telah menyedari pengertian iman di dalam dirinya dan hatinya merasa bertanggungjawab terhadap Islam mestilah mencari-cari jalan dakwah yang hendak dilaluinya. Dia mestilah mengetahui manhaj atau cara bekerja dan beriltizam dengannya. Setelah itu dia wajib mempunyai pengetahuan mengenainya mempunyai kesedaran dan keyakinan supaya dia tidak mudah tergelincir dan terpesong. Supaya dia tidak tersungkur dengan satu halangan.

8.1 Di Antara Rintangan dan Penyelewengan

Terdapat perbezaan yang jelas di antara rintangan dan penyelewengan. Jalan yang menyeleweng itu membawa orang yang melaluinya terpesong dari jalan yang sahih. Maka selagi dia tidak berusaha memperbaiki dirinya dan meninggalkan penyelewengannya, semakin hari dia akan bertambah jauh dari jalan sebenar terutamanya orang-orang yang berkobar-kobar semangatnya. Ada kalanya dia susah untuk kembali semula ke jalan yang sahih dan lurus kecuali dia mendapat rahmat dari Allah s.w.t.

Sekiranya kita membuat tinjauan, nescaya kita akan dapati beber golongan dari kelompok-kelompok Islam yang pelbagai rupa, bentuk namanya itu lahir dan muncul di dalam sejarah perkembangan dakwah Islam, adalah lahir dari penyelewengan fikrah dan harakah.

Rintangan-rintangan itu biasanya melintangi di tengah-tengah jalan dakwah, merintangi para da'i, menahannya, melemahkan keazaman, mengelirukan fikirannya, merosakkan usaha dan natijah dakwahnya dan menjadikan seperti orang lain yang tidak mempunyai bekas, tidak mempunyai pengaruh dan tidak bernilai langsung.

Penyelewengan dan rintangan itu berupa ujian dan halangan yang biasanya menimpa orang-orang yang beriman. Berdasarkan firman Al yang bermaksud:
"*Alif Lam Mim. Adakah manusia menyangka bahawa mereka dibiarkan sahaja mengatakan: "Kami telah beriman", sedangkan mereka tidak diuji lagi. Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orana yang berdusta*".(Al-Ankabut: 1-3)

Setelah kita menyentuh mengenai penyelewengan di dalam tajuk yang lepas, kita akan menyentuh pula tentang rintangan-rintangan ini di dalam tajuk ini memandangkan sebahagian dari saudara saya yangdimuliakan telah mengingatkan saya bahawa pembicaraan mengenai penyelewengan ini sangatlah penting kerana berbahaya, lebih-lebih lagi di masa ini dalam sejarah dakwah Islam, memerlukan penjelasan yang lebih lanjut lagi. Oleh itu kita akan kembali membincangkannya setelah kita selesai membicarakan tentang rintangan-rintangan itu. Wabillah hittaufik.

8.2 Rintangan-rintangan dan Halangan-halangannya

8.2.1 Manusia Meninggalkan Dakwah

Rintangan pertama di jalan dakwah yang dihadapi oleh para duat ialah manusia berpaling dari mereka dan tidak mempedulikan mereka kecuali yang telah diberi hidayat oleh Allah. Sekiranya dugaan-dugaan sedemikian rupa membuat mereka merasa susah, melemahkan keazaman mereka dan mereka tidak berpuas hati dengan sambutan yang telah diperolehi, maka dia telah gagal di permulaan jalan dakwah. Janganlah diharapkan lagi mereka ini untuk meneruskan jalannya bersama angkatan para pendokong dakwah kepada Allah.

Wajiblah setiap orang yang melalui jalan dakwah ini mempersiapkan dan memantapkan

dirinya di atas jalan dakwah, walau bagaimana susah pun. Dia mestilah dapat memahami bahawa untuk mendapat sambutan dan mencapai hasil yang memuaskan bukanlah satu perkara yang mudah kerana pendokong dakwah itu menyeru manusia kepada perkara yang berlainan dengan kehendak nafsu mereka, mengajak mereka meninggalkan beberapa kepercayaan yang sesat dan berbagai-bagai adat lapuk jahiliah.

Lantaran itu, para da'i mestilah bersabar dan terus bersabar dalam menyampaikan dakwah walaupun berpaling daripadanya atau tidak memberi perhatian terhadap dakwahnya. Kita mengambil teladan dan qudwah hasanah pada diri Rasulullah s.a.w. di dalam urusan dakwah ini kerana baginda adalah manusia yang paling tinggi, ideal dan paling mulia bagi para pendokong yang menyeru manusia pada jalan Allah. Dari sirah Rasul, kita dapati baginda terus menawarkan diri dan dakwahnya kepada kabilah-kabilah dan suku-suku bangsa Arab di pasar-pasar walaupun mereka berpaling dari baginda malah mereka mempersenda-senda dan menganggu baginda. Baginda juga merantau ke beberapa tempat yang jauh dan mengalami berbagai-bagai kesulitan semasa menyampaikan dakwah Islam.

Kita juga dapat mengambil teladan yang baik di dalam pengertian ini dari kisah-kisah yang dihidangkan oleh Al-Quran tentang bagaimana unggulnya kesabaran nabi Nuh a.s. dalam menyeru kaumnya kepada agama Allah. Dia sanggup bertahan dalam menyeru mereka kepada Allah selama 950 tahun walaupun mereka berpaling daripada baginda menganggu baginda. Firman Allah:
“Nuh berkata: 'Ya Tuhan ku sesungguhnya aku telah menyeru kaumku malam dan siang maka seruanku itu hanyalah menambah meraka lari (dari kebenaran). Dan sesungguhnya setiap kali aku menyeru mereka (kepada iman) agar Engkau mengampuni mereka, mereka memasukkan anak jari mereka ke dalam telinganya dan menutupkan bajunya (ke mukanya) dan mereka tetap (mengingkari) dan menyombongkan diri dengan sombongnya. Kemudian sesungguhnya aku telah menyeru mereka kepada iman dengan terang-terangan kemudian sesungguhnya aku (menyeru) mereka (lagi) dengan terang-terangan dan dengan cara rahsia". Nuh: 5-9

Demikianlah kesungguhan dan kesabaran nabi Nuh tatkala menyeru kaumnya kepada Allah siang dan malam, secara rahsia dan terang-terangan tanpa jemu dan putus asa.
Kita juga mendapat ibarat dan pengajaran dari kisah nabi Yunus; dengan kaumnya. Dia meninggalkan kaumnya dengan perasaan kerana mereka berpaling daripadanya dan tidak menyambut seruannya lalu Allah memberikan pengajaran kepadanya (ditelan ikan Nun). Ini juga iktibar dan pengajaran kepada para pendokong dakwah kepada Allah.

"*Kewajipan Rasul tidak lain hanyalah menyampaikan*".Al-Ma'idah: 99

Para duat ila Allah diwajibkan menyampaikan dakwah Islam kepada manusia. Mereka tidak dipertanggungjawabkan akan keberhasilannya dan hanya Allah s.w.t. sahaja yang berkuasa memberi hidayah.
"*Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi hidayah kepada seorang yang kamu kashi, tetqapi Allah memberi hidayah kepada orang yang dikehendakiNya*". Al-Qasas: 56

Wahai saudara tatkala kamu menyeru manusia kepada Allah dan orang itu menerimanya dengan segera, itu adalah semata-mata kerana kurniaan Allah. Sebaliknya jika dia menolak dakwah dan berpaling darimu mungkin pada satu hari kelak dia teringat apa yang telah kamu serukan kepadanya lalu dia sedar dan kembali kepada jalan Allah dan saudara hanyalah menjadi faktor penyebab kepada hidayahNya. Sekiranya dia terus mabuk di dalam kesesatannya dan kebodohannya walaupun kamu telah memberikan berbagai hujah di atasnya maka kamu telah menunaikan kewajipan kamu terhadapnya.

Kita mestilah menyedari hakikat bahawa orang yang kita seru kepada Allah dan kebaikan itu sebenarnya sedang berada di dalam keadaan lupa dan lalai. Oleh itu mereka tidak sedar dan tidak insaf. Orang seperti itulah yang utama diseru dan diberi peringatan sehingga mereka sedar dan ingat kembali. Janganlah kita menyangka bahawa sambutan mereka yang pertama kepada dakwah telah mencukupi dan memadai untuk meneruskan dan mengekalkan kesedaran mereka terhadap tugas mereka kepada Allah dan kepada Islam supaya mereka terus berjalan di atas sirat al-mustaqim. Sekiranya kamu membiarkan mereka beberapa ketika tanpa peringatan, pendidikan dan tanpa bimbingan seterusnya berkemungkinan mereka akan kembali semula kepada suasana lupa dan lalai. Lantas kita menyangka bahawa mereka telah berpaling dari kita dan dari dakwah Islam padahal pada hakikatnya, kitalah yang melupakan mereka dan mencuaikan mereka. Jadi kitalah sebenarnya yang bersalah.

8.2.2 Persendaan dan Ejekan

Tabiat diri kita mudah marah apabila dipersendakan dan diganggu oleh orang lain. Berkat

naungan Islam pada umumnya dan penglibatan dalam bidang dakwah pada khususnya itu diwajibkan melatih diri kita supaya menerima segala gangguan, persendaan dan penghinaan yang menimpai kita di jalan dakwah Islam. Sebenarnya semua ini tidak sedikitpun mengurangi darjah kemuliaan kita. Ambillah uswah hasanah (contoh teladan) yang baik dari diri Rasulullah s.a.w. sendiri yang telah menerima pelbagai persendaan, ejekan dari kaum musyrikin. Mereka telah melemparkan baginda dengan berbagai tuduhan palsu malah menuduh baginda sebagai pendusta, tukang sihir dan orang gila. Lebih dari itu mereka mengganggu, menyiksa, memujuk baginda, akhir sekali mereka menawarkan kepada baginda berbagai kemewahan hidup yang istimewa, tetapi ditolak mentah-mentah oleh Rasulullah s.a.w. Mereka mengusir baginda dari negeri baginda tetapi semuanya itu tidak memalingkan-baginda dari dakwah, bahkan baginda terus mengembangkan dakwahnya dengan lebih giat lagi sambil berdoa kepada Allah supaya Allah memberi hidayah kepada mereka, dengan bersabda:
"*Hai Tuhanku berikanlah kepada mereka kerana sesungguhnya mereka itu tidak mengetahui*".

Dengan uslub al-hakim (cara yang bijaksana) seperti itu Rasulullah s.a.w. telah berjaya menawan beberapa hati yang tadinya tertutup dan menarik beberapa ramai manusia kepada Islam yang tadinya berpaling daripada baginda dan yang selama ini menentang baginda. Benarlah Allah Yang Maha Agung apabila berflrman bermaksud:
"*Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru manusia kepada Allah dan beramal soleh dan berkata: "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri". Tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Dan tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang di antaramu dan dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia. Sifat-sifat yang baik itu tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang sabar dan tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang mempunyai keberuntungan yang besar*". (Fusillat: 33-3)

Para da'i tidaklah boleh sekali-kali marah kepada dirinya. Janganlah dijadikan persendaan dan gangguan manusia kepadanya sebagai satu satu sebab yang membawa dia berpaling dari tugas yang mulia ini atau menyebabkan dia berhenti dari usaha dakwah, jadilah kamu seperti apa yang dikatakan oleh Imam As Syahid Hassan al-Banna:

"Jadilah kamu dengan manusia seperti pokok buah-buahan yang mereka lempari dengan batu tetapi pokok itu sebaliknya melmpari manusia dengan buah-buahnya".

8.2.3 Penyiksaan

Penyiksaan dari puak jahiliah terdiri dari berbagai rupa dan warna dan datang dari berbagai-bagai sudut. Penyiksaan terhadap jasmani, rohani dan gangguan terhadap harta, ahli keluarga dan masyarakat, ataupun pemerintah yang sedang berkuasa yang zalim. Mereka inilah semuanyg yang diseru kepada Allah s.w.t. supaya kembali kepada Islam. Ataupu gangguan-gangguan itu datang dari musuh-musuh Allah dan penganuti kebatilan dari markas kelemahan mereka. Kita tidak berkata dari markas kekuatan mereka kerana mereka sebenamya lemah, apabila mereka tidak dapat mematahkan hujah-hujah pendokong dakwah Islam, mereka menggunakan cara yang lemah iaitu dengan menerkam, memukul, mencengkam dengan kuku besi mereka dan menyiksa para pendokong kebenaran kerana mereka menganggap dan menyangka bahawa kekejaman, pembunuhan dan penyiksaan mereka yang tidak berperikemanusiaan itu akan menghapuskan suara kebenaran ataupun memadamkan nur Ilahi dan sinar Islam. Tetapi sangkaan mereka pasti menemui kegagalan.
"*Mereka mahu memadamkan nur Allah dengan mulut (ucapan-ucapan) mereka, dan Allah enggan kecuali menyempurnakan cahayanya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir*". At-Taubah: 32

Inilah dia sunnah Allah dalam dakwah untuk pendokong dakwah yang telah berlaku, yang sedang berlaku dan akan terus berlaku sepanjang umur manusia di muka bumi ini.
"*Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga padahal belum datang kepadamu (cubaan) sebagaimana halnya orang-orang yang terdahulu sebelum kamu? Mereka ditimpa oleh malapetaka dam kesengsaraan, serta digoncangkan (bermacam-macam cubaan) sehingga berkatalah rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya: "Bilakah datangnya pertolongan Allah?" Ingatlah bahawa sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat*". Al-Baqarah:214

Jadi apabila para du'at tidak redha menerima gangguan dan penyiksaan seperti ini, tidak sabar menanggung sengsara, tidak mengharapkan pahala dari Allah dan hanya mengutamakan kenyamanan 'afiat dan keselamatan. Gejala ini akan menimbulkan akibat yang merugikan agamanya, merugikan kedudukannya dalam menegakkan kebenaran, malah ia redha duduk dan tinggal bersenang-senang di rumahnya menjauhkan diri dari jihad dan dakwah. Tidak mahu lagi meneruskan perjalanan di jalan dakwah dan tidak mahu lagi mengumandangkan suara dakwah dan

kebenarannya. Akhirnya dia mengalami kekalahan yang total di dalam melintasi rintangan itu. Dengan sendiri dia mengharamkan dirinya dari mencapai kemuliaan angkatan mujahidin dan ketinggian darjah pendokong dakwah. Allah pasti menggantikannya dengan orang lain yang lebih redha berjihad pada jalan Allah tanpa takut kepada cercaan sesiapa pun.

"*Dan jika kamu berpaling nescaya Dia akan menggantikan (kamu) dengan kaum yang lain dan mereka tidak akan seperti kamu (ini).*" Muhammad: 38

Pada hakikatnya Allah Maha Kaya dari kita dan jihad kita.

"*Barangsiapa yang berjihad maka sesungguhnya jihadnya itu adalah untuk dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu dari semesta alam).*" Al-Ankabut: 6

Oleh kerana itu wajiblah ke atas para da'i ilallah memperkuat azam mereka, mengukuhkan kemahuan mereka sejak bermulanya langkah pertama di atas jalan dakwah. Bersedia menanggung segala sengsara dan gangguan dari manusia, meminta bantuan hanya kepada Allah mengutamakan apa yang ada di sisi Allah, membulatkan keyakinan dan mempercayai dengan sepenuh jiwa raga bahawa segala bala bencana asalkan bukan neraka adalah baik belaka. Maka janganlah menyerah kalah berhadapan dengan kebatilan yang sedang menggug dan mengancamnya. Sesungguhnya pada Rasulullah itu ada teladan yang baik. Qudwah hasanah yang telah ditunjukkan oleh sahabat-saha Rasulullah s.a.w. di dalam menanggung sengsara penyiksaan dan gangguan tetapi bersabar di atasnya sepatutnya menjadi ikutan. Bersama kesusahan itu ada kesenangan dan bahawa gangguan dan gigitan itu merupakan alamat baik dan berita gembira dan kemenangan serta pertolongan dari Allah.

"*Dan sesungguhnya telah didustakan Rasul-rasul sebelum kamu akan tetapi mereka sabar terhadap pendustaan dan penganiayaan terhadap mereka, sampai datang pertolomgan kami kepada mereka. Tidak ada seorang pun yang dapat merubah kalimah-kalimah (janji) Allah*". Al-An 'aam: 34

8.2.4 Kelapangan dan Kesenangan Selepas Kesusahan

Para pendukung dakwah yang muslim, pada biasanya mampu menghadapi bukit-bukit rintangan yang telah lalu yang berupa penolakan manusia, persendaan mereka serta gangguan dan penentangan mereka. Dengan penuh kesabaran, ketahanan, kesedaran dan kewaspadaan mereka mengumpulkan segala tenaga yang ada pada mereka untuk menghadapi cabaran pihak-pihak pendokong kebatilan jahiliah dan akhirnya mereka mencapai kejayaan. Kekuatan, kemahuan dan jiwa mereka tidak pernah lemah dan luntur walaupun menghadapi kesusahan hidup, kerosakan dan keburukan suasana serta pelbagai gangguan dan penindasan dari pihak yang menentang dakwah. Sehingga akhirnya Allah menghapuskan kesusahan, kesulitan dan meringankan tekanan dan gangguan sama ada seluruhnya atau sebahagian daripadanya. Biasanya pertolongan Allah ini akan mengurangi kepayahan dan keletihan serta menimbulkan kerehatan dan kelapangan untuk ketenangan saraf dan ketenteraman jiwa demi memperbaharui kegiatan dan kecergasan. Di sinilah lahirnya pula satu bukit halangan yang tidak terduga. Ketenangan jiwa, ketenteraman warna suasana penuh kerehatan dan kelapangan kadang-kadang melalaikan kita, lantas kita menyerah kepadanya dan terus terlelap dan enak di dalamnya. Terutamanya apabila kerehatan dan kelapangan itu disertai oleh kemewahan atau kesenangan hidup.

Kadang-kadang orang yang terdedah kepada bentuk rintangan seperti ini akan mencari-cari dan mereka-reka berbagai alasan untuk membenarkan tindakannya yang tidak sesuai dengan harakah dan merugikan dakwah Islam dan jihad. Sikap ini hanyalah semata-mata bertujuan untuk mengurangkan tekanan jiwa lawwamahnya (jiwa yang menyesali). Akhirnya kerehatan dan kelapangan yang terbuka itu menjadi sempurna tanpa sebarang tekanan. Oleh kerana itu, pendokong dakwah yang benar janjinya kepada Allah dan benar niatnya untuk berdakwah dan telah menjual dirinya dan hartanya kepada Allah, mestilah menyedari dan menginsafi perkara ini dan hendaklah berterusan melepasi rintangan demi rintangan tanpa tersangkut dan tersungkur padanya. Saudara-saudaranya pula mestilah menarik tangannya dan menolongnya untuk bangkit kembali meneruskan jihad dan perjuangannya di jalan Allah. Dakwah Islam sentiasa memerlukan usaha dan tenaga yang maksima supaya bidang dakwah sentiasa subur dan mekar. Alhamdulillah.

Kemenangan dan kelapangan yang terluang tadi hanyalah merupakan alat (peluang) untuk memperbaharui kekuatan, kegiatan.

"*Dan tanah yang baik, tanam-tanamannya tumbuh subur dengan izin Allah*" Al-A'raaf:58

BAB 9

Beberapa Rintangan di Jalan Yang Kita Lalui: (2)

Allah menjadikan manusia dari tanah lalu dia meniupkan nyawa rohNya. Ada padanya beberapa tarikan yang menariknya ke dunia supaya dia kekal di dalamnya, manakala sifat rabbani (ketuhanan) menariknya naik dan mengangkatnya ke atas. Itulah dia medan Jihad, lapangan perjuangan dan mujahadah. Di situlah kita melatih diri, menerima ujian fitnah dan dugaan di antara condong ke dunia dan berusaha ke dan mencapai rahmat Allah.
"*Barangsiapa yang inginkan keuntungan di akhirat, akan kami tambah keuntungan itu baginya dan barang siapa yang mahukan keuntungan di dunia kami berikan kepadanya sebahagian dari keuntungan dunia dan tidak ada baginya satu bahagian pun di akhirat.*" As-Syuura: 20

Barang siapa yang berusaha mengurangkan tekanan dan kecenderungan duniawi dan mengangkat dirinya naik ke atas, dia berjalan di atas jalan dakwah dan mengharungi berbagai-bagai bukit rintangan dengan pertolongan dari Allah dan taufikNya. Barangsiapa yang memandang ringan godaan dan tarikan duniawi, tidak berjihad melawan nafsunya, lambat laun nafsunya akan mengalahkannya dan menguasainya lalu dia tertawan dan tergoda dengan dunia, sehingga dia terdedah kepada murka Allah dan siksaNya.

"*Katakanlah:. "Jika bapa-bapamu, anak-anakmu, saudara-saudaramu, isteri-isterimu, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, adalah kamu cintai lebih dari Allah dan RasulNya dan (dari) berjihad di jalanya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusannya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik*". At-Taubah: 24

9.1 Kerjaya dan UsahaMencari Rezeki

Seorang pemuda atau pelajar Islam yang melalui jalan dakwah, sebenarnya masih ringan dari bebanan menanggung ahli keluarga, masih belum memasuki dunia mencari rezeki dan masih mudah melangkah di atas jalan dakwah tanpa mengalami komitmen, tekanan atau gangguan. Tetapi setelah dia tamat pengajian, mereka akan terikat dengan kerjaya atau menyandang satu jawatan. Mulalah dia merasa tekanan dan iltizamnya yang terpaksa dia pelihara. Berkemungkinan perasaan yang demikian mendorongnya untuk membataskan kegiatan dakwahnya dan mengurangkan jihadnya, melambat-lambatkan kegiatan dan langkahnya di jalan dakwah dan ada kalanya berhenti langsung di tengah jalan, tidak mahu meneruskan perjalannya di bidang dakwah. Sekiranya dia tidak mempunyai iman yang teguh, akidah yang mantap dan keazaman yang kukuh, pastilah dia tidak akan mampu melepasi rintangan dan halangan itu. Kekuatan imanlah yang akan memudahkan dia meneruskan Perjalanannya di dalam urusan dakwah Islam dengan penuh keyakinan bahawa Allah s.w.t. itulah yang jaminan rezeki dan menanggungnya. Jawatan itu hanyalah satu alat ntuk dipergunakan demi mencapai dan merealisasikan cita-cita di dunia ini untuk mencapai keredhaan Allah. Oleh kerana itu wasilah dan alat yang tertentu tidak boleh di ubah menjadi rintangan yang menghalangi kita mencapai tujuan.

9.2 Isteri dan Anak-Anak

Sesudah kita menerangkan bagaimana jawatan bertukar menjadi penghalang yang mulanya menjadi wasilah, muncullah pula peranan perkahwinan dengan segala perkara yang berhubung dengannya. Muncullah pula pelbagai bebanan, sekatan-sekatan dan tarikan yang memperdayakan untuk condong kepada kehidupan duniawi dan ingin melekat kepadanya. Demikian juga anak-anak yang kita kasihi mengikat kita. Kita sibuk menguruskan urusan dan segala keperluan mereka membuat kita risau memikirkan berbagai-bagai masalah untuk kepentingan mereka. Semuanya itu mungkin mempengaruhi orang yang berjalan di atas jalan dakwah dan inilah yang selalu mengganggu dakwah. la menghalang pendokong dakwah unutk meneruskan dakwah dan jihad pada jalan Allah dan boleh jadi (semoga di jauhkan Allah dari perkara sedemikian) berhenti langsung dari dakwah dan jihad Islam. Benarlah Allah yang Maha Agung ketika ia berfirman:
"*Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak mu ada yang*

menjadi musuh bagimu, maka berhati-hatilah kamu terhadap mereka".At-Taghabun: 14

Adapun orang yang beriman dengan iman yang benar, yang telah berjanji dengan Allah untuk bekerja di jalan dakwah, maka sesungguhnya dia akan beriltizam dengan sunnah Rasulullah lalu dia berikhtiar sebaik-baiknya untuk memilih isteri yang salih yang akan menolongnya melaksanakan tugasnya di dalam urusan dakwah Islam, bukan merintangi perjalanannya. Isteri inilah yang akan bekerjasama dan berganding bahu dalam mendidik dan membentuk zuriat, generasi yang salih untuk menjadi penyejuk mata dan menggembirakan hati mereka. Anak-anak ini nanti yang akan memuliakan agama Allah dan membangunkan daulah Islam di muka bumi. Alangkah baik dan indahnya doa haJnba Ar-Rahman yang melukis di dalam Al-Quran:

"*Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk hati (kami), dan jadikanlah kami iman bagi orang-orang yang bertakwa*". Al-Furqan: 74

Lantaran itu, dia bersama dengan isterinya dan anak-anaknya sentiasa berada di atas jalan dakwah ini.Dia bersama keluarganya dan jamaah Islam berjalan terus di atas jalan dakwah dan menjadi qudwah hasanah (contoh teladan yang baik) sebagai keluarga Islam mithali dan menjadi tiang seri yang teguh untuk membangunkan masyarakat Islam. Kita telah melihat di dalam sejarah dakwah Islam di zaman silam dan zaman moden ini berapa ramai isteri-isteri solehah yang menunjukkan jasa-jasa yang besar dan gemilang, menjadi pembantu, penyokong and pendorong kepada suami mereka. Contoh yang paling ideal dan paling istimewa daripada mereka ialah Saidatina Khadijah r.a., Ummul Mukminin yang utama dan pertama itu. Mata air umat Islam ini tidak pernah kering daripada kebaikan sepanjang masa. Kita juga dapat menyaksikan di zaman moden ini beberapa contoh dan model yang indah dan istemewa dari isteri-isteri muslimah yang solehah, sabar dan tabah menanggung penderitaan bertahun-tahun, bahkan berpuluh-puluh tahun terdedah kepada berbagai bentuk rupa gangguan, gugatan dan penyeksaan sama ada mereka dipaksa masuk penjara yang gelap gelita dan penuh penyeksaan yang kejam dan sengsara. Isteri-isteri yang solehah itu menerima segala-galanya dengan redha dan bergembira dengan mengharapkan keredhaan Allah. Malah mereka bangun melindungi, mendidik, mengurus anak-anak dan segala keperluan hidup tanpa henti dan jemu di samping sentiasa mendorong suami-suami mereka supaya tetap bertahan di atas kebenaran, berhadapan dengan kezaliman angkatan thagut. Mereka sentiasa menenangkan hati suami mereka. Ada pula sebahagian dari isteri yang solehah itu dimasukkan di dalam penjara yang gelap gelita dan di dalam tahanan penuh dengan berbagai-bagai gangguan dan penyiksaan. Mereka tetap bersabar dan redha menanggungnya tanpa berundur dari jalan dakwah dan tidak pernah berganjak dari jihad dan perjuangan Islam.

9.3 Mabuk Dunia dan Harta

Ada satu lagi rintangan yang mengancam sebahagian dari pendokong dakwah. Rintangan ini memerlukan penguasaan yang keras kerana daya tarikannya juga sangat keras. Iaitu terbukanya dunia kepada mereka, berkembangnya urusan mencari harta, mudah memperolehi harta sedikit demi sedikit, sehingga akhirnya mendapati dirinya dimabuki harta. Segala waktunya, usahanya, kegiatannya, tenaga pemikirannya ditumpukan untuk mencari dan melonggokkan harta. Akhirnya dia menjadi alat harta dan dikuasai oleh harta pada mulanya dicari untuk menjadi alat dakwah dan jihadnya, alat untuk mencari keredhaan Allah.

Sesungguhnya mencari harta yang halal itu tidak boleh dihalang, bahkan digalakkan di dalam syariat Islam, tetapi ia hanyalah merupakan sebagai alat dan bukan menjadi matlamat utama, bukanlah merupakan tujuan yang besar di mana ia menumpukan segala pemikiran dan ilmu semata-mata kepadanya sahaja sehingga menghalang para pendokong dakwah dari melaksanakan urusan dakwah Islam. Harta itu juga tidak menghalangnya dari melaksanakan hak-hak Allah di dalam harta itu. Mengorbankan sebahagian daripadanya pada jalan Allah dianggap sebagai satu perbuatan yang terpuji dan tanda bersyukur. Tetapi tuntutan dan keperluan dakwah tidak cukup hanya setakat itu sahaja. Lihatlah contoh-contoh yang ditunjukkan oleh Saidina Uthman r.a., Saidina Abdul Rahaman bin Auf r.a. dan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang mempunyai harta yang banyak yang diperolehi dari perniagaan mereka. Semuanya itu tidak menyibukkan mereka dan tidak menghalang mereka dari melaksanakan tugas-tugas dakwah dan berjihad di jalan Allah. Lebih dari itu mereka telah mengorbankan sebahagian dari harta mereka dengan mudah dan redha pada jalan Allah tatkala kepentingan dakwah menghendaki yang demikian itu.

Bahaya cinta harta dan mabuk untuk melonggokkannya hingga bertimbun-timbun mudah menyeludup masuk di dalam diri dan meresapi jiwa lalu menjadi matlamat dan bukan lagi alat dakwah dan alat mencari keredhaan Allah hingga yang empunya harta itu lalai dari menunaikan perkara-perkara wajib, apatah lagi yang sunat. Lantas dia menumpukan seluruh idea dan usahanya

untuk menimbun harta hingga sampai ke satu neringkat di mana dia mabuk harta dan diperhambakan oleh harta lalu enggan berpisah dari harta sehingga dia dijemput oleh maut, atau oleh sesuatu paksaan di luar kehendaknya barulah dia meninggalkan hartanya. Akhirnya ia menghadapi penyesalan dan hisab yang sangat teliti di hari Akhirat. Jadi orang yang beriman, yang benar, wajiblah dia mengawasi dirinya dengan pengawasan yang sangat keras dan cukup supaya dia tidak jatuh tersungkur di dalam rintangan seperti ini apabila dia terdedah kepada suasana seperti itu. Kalau tidak, maka harta yang sedikit yang mencukupi adalah lebih baik dari harta yang banyak tetapi melalaikan. Al Iman Muslim telah meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w. :
"*Sesungguhnya telah berjayalah orang yang telah Islam dan diberi rezeki yang mencukupi sesuai dengan keperluannya dan memberi kepuasan kepadanya dengan apa yang telah dikurniakan kepadanya* ".

9.4 Suara-Suara Penghalang dan Pelemah Yang Melemahkan

Sebahagian lagi dari rintangan-rintangan yang patut kita perhatikan supaya kita tidak memandang ringan akan bahayanya ialah suara-suara atau bisikan-bisikan yang menghalang dan melemahkan yang selalu dibisikkan kepada para pendokong dakwah dari sekitarnya. Ia timbul dalam pelbagai-bagai bentuk sama ada berupa nasihat, tunjuk ajar, ajaran-ajaran dan ancaman dari pihak yang mempunyai penyakit di dalam hatinya atau dari golongan yang lemah kemahuan dan malap cita-citanya untuk meneruskan perjalanannya dan tidak' sanggup lagi memikul tanggungjawab dakwah yang besar dan susah kerana mereka lebih meneutamakan keselesaan dan keselamatan diri daripada panas teriknya api jihad dan nyala dakwah Islam. Ataupun hasutan-hasutan yang timbul dari musuh Allah yang sentiasa mengatur tipu daya untuk memusnahkan dakwah dan memperdaya para pendokongnya.

Al Quranul Karim telah menyuruh kita berjaga-jaga dan berwaspada dari golongan manusia seperti itu dan memberitakan kepada kita berbagai-bagai bentuk uslub, cara-cara, pengaruh dan tipu daya mereka terhadap dakwah dan pendokongnya. Allah membalas mereka dan membuka tembelang mereka di dalam firmanNya yang bermaksud :

"*Dan mereka berkata: "Janganlah kamu berangkat (pergi berperang) dalam panas terik ini". Katakanlah: "Api nereka jahaman itu lebih perit panasnya jikalau mereka memahami"*. At-Taubah: 81

"*Orang-orang yang mengatakan kepada saudara-saudaranya dan mereka tidak turut pergi berperang: "Sekiranya mereka mengikuti kita, tentulah mereka tidak terbunuh". Katakanlah: "Tolaklah kematian itu dari dirimu, jika kamu orang-orang benar*".Alilmran: 168

"*Jika mereka berangkat bersama-sama kamu nescaya mereka tidak menambah kamu selain dari kerosakan belaka dan tentu mereka akan bergegas maju ke muka di celah-celah barisanmu untuk mengadakan kekacauan di antaramu, sedang di antara kamu ada orang-orang yang amat suka mendengarkan perkataan mereka. Dan Allah mengetahui orang yang zalim*".At Taubah: 47

Adakalanya bentuk ancaman yang menakut-nakutkan itu datangnya dari musuh-musuh Allah dan kekuatan mereka tetapi Al-Quran menceritakan kepada kita bagaimana orang-orang mukmin yang benar-benar beriman telah berjaya menghadapi saranan dan propaganda yang menakut-nakut itu. Malah iman mereka semakin bertambah dan penyerahan diri mereka kepada Allah lebih pasrah dan bertawakal penuh kepadaNya. Al-Quranul Karim juga menceritakan kepada kita bagaimana akibat dan natijah yang baik telah dicapai oleh orang-orang yang beriman. Al-Quran menggambarkan kepada kita akan hakikat propaganda yang menakut-nakutkan itu hanyalah merupakan uslub dan cara-cara iblis yang terkutuk sebagaimana firman Allah Taala:

"*(Iaitu) orang-orang yang mentaati printah Allah dan RasulNya sesudah mereka mendapat luka (dalam peperangan Uhud). Bagi orang-orang yang berbuat kebaikan di antara mereka dan bertakwa, ada pahala besar. (Iaitu) orang-orang yang mentaati Allah dan Rasul yang kepada mereka ada orang-orang mengatakan: "Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka", makd kata-kata itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung. Maka mereka kembali dengan nikmat dan kurnia (yang besar) dari Allah, mereka tidak mendapat bencana apa-apa, mereka mengikuti keredhaan Allah. Dan Allah mempunyai kurnia yang besar. Sesungguhnya mereka itu tidak lain hanyalah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan kawan-kawannya (orang-orang musyrik Quraisy), kerana itu janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takutlah kepadaKu, jika kamu benar-benar orang yang beriman* ".Alilmran: 172-175

Al-Quran Al Karim melarang kita merasa hina, lemah dan tidak bermaya sebagaimana firman Allah:

"*Dan janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah pula kamu bersedih hati padahal kamu orang-orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman* ". Alilmran: 139

"*Janganlah kamu berhati lemah dalam mengejar mereka (musuhmu). Jika kamu menderita kesakitan, maka sesungguhnya merekapun menderita kesakitan (pula), sebagaimana kamu menderitainya, sedang kamu*

mengharap dari Allah apa yang tidak mereka harapkan dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana ". An Nisaa': 104

Firmannya lagi:

"*Dan berapa banyak nabi yang berperang bersama-sama mereka sejumlah besar dari pengikutnya yang bertakwa. Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana yang menimpa mereka di jalan Allah. Dan tidak lesu dan tidak pula menyerah kepada musuh. Allah menyukai orang-orang sabar". Alilmran: 146*

Lantaran itu pendokong dakwah yang berjalan di atas jalan dakwah dan telah menjual dirinya kepada Allah wajiblah berwaspada dan janganlah mereka terpengaruh dengan suara-suara sumbang dan propaganda-propaganda yang menakut-nakutkan yang semata-mata bertujuan menyekat perjalanan dakwah dan para pendokongnya. Hendaklah mereka percaya dengan sepenuh jiwa kepada Allah dan pertolonganNya dan bertakwalah kepadaNya dan janganlah suaranya lemah apabila berhadapan dengan kebatilan. Alangkah indahnya mutiara kata-kata dari Iman as-Syahid Hassan al-Banna dalam pengertian itu:

"*Kekuatan itu adalah paling bagus apabila berada di dalam kebenaran, dan seburuk-buruk kelemahan ialah apabila ia berada di pihak yang batil*".

9.5 Kekerasan Hati Kerana Telah Lama Berehat

Ini adalah satu lagi rintangan yang memerlukan kewaspadaan kerana ia tidak muncul sekali gus, tetapi secara perlahan dan beransur-ansur sehingga hampir-hampir tidak disedari oleh orang yang berjalan di atas ialan dakwah, iaitu kekerasan hati lantaran telah lama sangat berenggang dari kegiatan dakwah. Lalu hemah dan kemahuannya beransur-ansur lemah untuk terus bergiat dan berusaha dalam urusan dakwah dan pada akhirnya padam di dalam dirinya. Kehangatan Islam sudah tidak terasa lagi dan pengaruh dakwah sudah tidak menusuk hati dan tidak berminat lagi untuk melibatkan diri dengan urusan dakwah dan melaksanakan tugas-tugas jihad pada jalan Allah.

Hatinya semakin hari semakin berkarat sehingga tatkala membaca al-Quran hatinya tidak mendapat sebarang kesan, sembahyangnya tidak khusyuk, kadang-kadang lupa lalu meninggalkan sembahyang beberapa hari dan waktu tanpa kesal dan rugi dalam diri. Akhirnya dia mendapati dirinya jauh dari keadaan dan sifat-sifat mukmin seperti yang digambar oleh Allah di dalam al-Quran:

"*Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila di sebut Allah gementarlah hati mereka, dan apabila dibarakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambahlah mereka kerananya dan kepada Tuhanlah mereka bertawakal*". Al-Anfaal:2

Allah s.w.t menyuruh kita berwaspada supaya kita tidak jatuh tersungkur di dalam kekerasan hati seperti ini di dalam firmanNya:

"*Belumkah datang waktunya bagi orang-orang beriman untuk tunduk hati mereka mengingati Allah dan kepada kebenaran yang telah turun (kepada mereka) dan janganlah mereka seperti orang-, orang yang sebelumnya telah diturunkan kitab. Kemudian berlalulah masa yang panjang atas mereka lalu hati mereka menjadi keras. Dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.*"Al-Hadid:16

Untuk menjaga diri dari halangan ini, pendokong dakwah yang berjalan di atas jalan dakwah mestilah sentiasa memelihara dirinya supaya tidak terasing dari saudara-saudaranya supaya sentiasa berada di dalam amal dan usaha dakwah. Tolong-menolong di dalam kebaikan serta saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran. Dia mestilah membiasakan dirinya dengan tugas-tugas kewajipan dan saudara-saudaranya yang bekerja dan beramal di bidang dakwah. Dia mestilah sentiasa memperbaiki hubungannya dengan kitab Allah dan selalu memeriksa dirinya (muhasabah) sendiri dengan segala perbuatannya satu demi satu. Di samping itu saudara-saudaranya wajib memberi peringatan apabila dia lupa dan menolongnya beramal apabila dia telah ingat.

9.6 Sungguhpun Demikian Kita Tidak Boleh Merasa Aman

Barang siapa berjalan di atas jalan dakwah tidak boleh merasa aman walau sekelip mata sebab kalau dia telah merasa aman dari rintangan, dia akan menyangka bahawa dia telah dapat mengatasi Segala rintangannya, serta merasakan bahawa jalan yang sedang dijalaninya telah bersih dari segala rintangan, ataupun dia yakin bahawa dia telah sampai kepada ketahanan dan kekuatan iman yang menjamin kemampuannya untuk mengatasi sebarang rintangan yang mengganggu perjalanannya. Kita tidak boleh juga mengganggap bahawa apabila kita telah berjaya melintasi satu rintangan yang tertentu, rintangan itu tidak akan berulang lagi beberapa kali. Dia mestilah sedar bahawa syaitan dan seluruh kuncu-kuncunya dan pembantu-pembantunya dari kalangan musuh-musuh Allah akan terus menunggu dan mengintai-intai para duat dan sentiasa cuba memalingkan mereka dari dakwah mereka dan jihad mereka di jalan Allah dan jalan kebenaran.

Hanya orang-orang yang mengenali Tuhan mereka, meminta perlindungan kepada Allah dari segala kejahatan mereka sahaja yang terlepas dari tipu muslihat syaitan dan Allah memuliakan mereka dengan menetapkan pendirian mereka di dalam kebenaran.

"*Dan jika kamu berjumpa sesuatu godaan syaitan maka mintalah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui*". Al-A'raaf: 200

"*Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa apabila mereka ditimpa was-was dari syaitan, mereka ingat kepada Mlah maka ketika itu juga mereka melihat kesalahan-kesalahan mereka. Dan teman-teman mereka iaitu orang-orang kafir dan fasik membantu syaitan-syaitan dalam menyesatkan dan mereka tidak henti-henti menyesatkan* ". AlA'raaf: 201-202

"*Allah meneguhkan iman orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan dunia dan di Akhirat dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan membuat apa yang dia kehendaki*". Ibrahim: 27

Kita memohon kepada Allah supaya dia menetapkan kita di atas jalan dakwah, menjauhkan kita dari segala kesalahan, melindungi kita dari segala kejahatan diri kita, dari kejahatan syaitan dan menamatkan hidup kita dengan kebaikan. Amin.

BAB 10

Tribulasi-tribulasi (Mehnah) Di Atas Jalan Dakwah dan Beberapa Persoalan Tentangnya (1)

Adakah tribulasi itu natijah dari beberapa kesalahan atau sunnah dari sunnah-sunnah dakwah? Bolehkah tribulasi itu dielak atau dikurangkan tekanannya? Ataupun mengelakkannya merupakan satu penyelewengan? Adakah tribulasi itu merupakan kematian dalam umur dakwah atau sebagai kehidupan yang mempunyai kesan? Adakah tribulasi itu sebagai pukulan yang menghapuskan dakwah atau merupakan alat pelicin, pembersih dan peneguh dakwah? Apakah kesannya yang sebenar kepada jamaah dan individu? Adakah tribulasi itu membahayakan atau memberi faedah? Benarkah tribulasi itu satu kurnia dalam bentuk bencana?

Inilah antara persoalan yang sentiasa berlegar-legar sama ada sebahagian ataupun seluruhnya di dalam fikiran segelintir manusia. Kadang-kadang saudara tidak dapat memberi jawapan yang sahih kepada mereka. Ada orang yang menimbulkan persoalan-persoalan ini dengan tujuan jahat untuk menimbulkan keraguan-raguan dan fitnah. Mungkin juga dengan tujuan baik, tetapi dia tidak mampu memberi jawapan yang tepat lalu menimbulkan kegelisahan dan kesamaran.

Oleh kerana itu kita perlulah mengupas persoalan-persoalan ini untuk mencari jawapan yang sahih dan memuaskan. Untuk membuktikan kebenaran dan menghapuskan kebatilan. Kepada Allahlah kita mengharap taufik di atas jalan yang lurus.

10.1 Adakah Ujian dan Bencana Itu Hasil Dari Kesalahan Atau la Adalah Sunnah Dari Sunnah-sunnah Dakwah?

Sesungguhnya para Rasul dan para pendokong dakwah yang sentiasa menyeru manusia kepada Allah terdedah kepada gangguan, pepyeksaaan dan penindasan dari musuh Allah lantaran mereka bangun dan tangkit melaksanakan kewajipan dakwah. Sekiranya Allah hendak menghalang danmencegah mereka dari mengganggu, menggugat, menyakiti, menindas dan membunuh para Rasul dan para pendokong dakwah nescaya Allah boleh membuat berbuat demikian. Allah Maha Pengasih kepada mereka, tetapi Allah tidak berbuat demikian. Mereka dibiarkan terdedah kepada berbagai-bagai gangguan, penyeksaan, sehingga kita melihat junjungan kita nabi Muhammad s.a.w. yang tercinta telah diganggu dan disakiti oleh kaum musyrikin di Tha'if sehingga baginda berdoa dan bersabda: "Hai Tuhanku, kepadaMulah kuadukan kelemahanku, kekuatanku dan kurangnya upayaku dan hinanya aku kepada manusia"'. Adakah Allah membiarkan mereka dengan tidak melindungi mereka dari siksaan kafir dan musyrik kerana mereka telah membuat kesalahan? Adakah masuk akal jika dikatakan bahawa segala gangguan dan penyiksaan yang menimpa para Rasul, pendokong dakwah dan para mukmin yang bersama mereka disebabkan kesalahan di dalam perjalanan mereka menyeru kepada Allah? Sesungguhnya kita akan menyatakan sebaliknya. Keteguhan mereka mendokong dakwah dan istiqamah mereka di atas perintah Allahlah yang menyebabkan mereka terdedah kepada gangguan dan ujian. Sekiranya mereka menyeleweng, cuai atau bermuka-muka dan bertolak ansur, sudah tentu mereka tidak diganggu, diseksa, ditindas.

Firman Allah s.w.t.:

"*Maka mereka menginginkan supaya kamu bersikap lunak lalu mereka bersikap lunak (pula kepadamu)*". Al-Qalam: 9

FirmanNya lagi:

"*Dan sesungguhnya mereka hampir memalingkan kamu dar apa yang telah Kami wahyukan kepadamu, agar kamu membuat yang lain secara bohong terhadap Kami, dan kalau sudah begitu tentulah mereka mengambil kamu jadi sahabat yang setia* ". Al-Israa': 73

Sesungguhnya musuh-musuh Allah dan para pendokong kebatilan tidak akan membiarkan dakwah Allah berjalan, membesar dan berkembang di kalangan manusia hingga ia menjadi kuat, teguh dan mampu menghapuskan mereka yang penuh dengan kesesatan dan kebatilan. Sudah pasti mereka akan melancarkan serangan ke atas dakwah Allah dan para pendokongnya dengan cara

mendustakan, mempersenda-sendakan, menimbulkan keraguan dan menghalang manusia daripadanya. Sekiranya hujah-hujah dan logik mereka lemah, mereka akan bertindak kasar dan ganas. Mereka akan mengganggu, menyeksa, menindas dan melakukan tindakan-tindakan yang sia-sia. Mereka berbuat demikian semata-mata untuk memesongkan akidah para da'i dan menakut-nakutkan manusia lain dari memasuki Islam, dari dakwah Islam dan jihad Islam. Lebih dari itu mereka akan" melemparkan berbagai-bagai tuduhan palsu, jahat, buruk dan busuk kepada pendokong dakwah untuk membenarkan kezaliman dan pencerobohan mereka, demi mengabui mata manusia dan merosakkan nama baik para pendokong dakwah Islam. Tambahan pula pendokong jahiliah itu mempunyai alat-alat media massa dan sistem komunikasi yang memudahkan lagi proses mengabui mata manusia di mana, pada waktu yang sama, pendokong kebenaran dan dakwah tidak diberi peluang dan kesempatan untuk menghapuskan segala tuduhan batil dan dusta itu.

Dengan kecekapan sistem komunikasi inilah timbulnya anggapan yang salah dan sangkaan buruk yang menimpa para pendokong dakwah bahawa bencana dan ujian yang mereka terima adalah natijah dan hasil dari kesalahan yang terkandung di dalam tuduhan palsu itu.

Sesungguhnya berdakwah kepada Allah sepanjang masa adalah dakwah ke arah kebaikan selamat sejahtera. Dakwah tidak memaksa manusia supaya mereka memasuki agama Allah. Sesungguhnya dakwah Islam, itu bercakap dan berbicara kepada akal dan fitrah manusia, menyeru mereka dengan hikmah, nasihat, tunjuk ajar yang baik dan dengan perbincangan dan perdebatan yang lebih baik, menyeru mereka supaya beriman kepada Allah, bertauhid kepada Allah, mengesakan Allah, dan beribadat kepada Allah tanpa paksaan. Tetapi malangnya kebanyakan manusia terutamanya pihak berkuasa dari pendokong jahiliyah, penganut kebatilan mengingkari fitrah mereka, menutup akal mereka, membutakan hati dan mata mereka, memekakkan telinga lalu mereka tidak mendengar, tidak melihat dan tidak menyahut seruan Allah yang dibawa oleh pendokong dakwah tatkala menyeru mereka kepada apa yang menghidupkan mereka:

"*Sesungguhnya binatang (makhluk) yang seburuk-buruknya di sisi Allah ialah orang-orang yang pekak dan tuli yang tidak mengerti apa-apapun* ". Al-Anfaal: 22

Merekalah sebenarnya yang memulakan permusuhan dan pencerobohan ke atas para duat ila Allah. Merekalah yang telah mengadakan pakatan sulit untuk menentang dan memusuhi para du'at dan merekalah juga yang sentiasa membuat berbagai-bagai tipu daya untuk memperdaya manusia.

10.2 Bahkan Demikianlah Sunnah Allah Di dalam Dakwah

Sudah menjadi sunnatullah di dalam proses dakwah yang mendedahkan orang-orang mukmin dan pendakwah yang berdakwah kerana Allah kepada pancaroba dan pelbagai ujian yang begitu hebat sehingga boleh menggoyahkan mereka. Sesungguhnya iman itu bukanlah sekadar kata-kata yang diucapkan dengan mudah, syiar-syiar yang dilaung-laung dan bukan perarakan yang diringi pekikan-pekikan yang bergemuruh. Sebaliknya, iman mestilah diuji dan diduga. Pertolongan Allah tidak akan datang kepada mereka melainkan setelah mereka dapat mangatasi ujian dan dugaan itu. Inilah mesej yang terkandung jalam ayat-ayat al-Quran yang berulang kali menyebut tentang sunnah ini.

“Apakah manusia mengira bahawa mereka dibiarkan (saja) mengatakan: Kami beriman, sedang mereka belum diuji? Sesungguhnya kami telah menguji orang-orang ymg sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang dusta ". Ankabut: 2-3

"*Apakah kamu mengira kamu akan masuk syurga, padahal belum datang kepadamu (cubaan) sebagaimana orang-orang yang dahulu sebelum kamu. Mereka ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan serta digoncangkan (dengan bermacam-macam cubaan) sehingga berkatalah rasul dan orahg.orang yang beriman bersamanya. "Bilakah datangnya pertolongan Allah ?" Ingatlah sesungguhnya pertolongan Allah itu sangat dekat*". Al-Baqarah: 214

"*Dan sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar Kami mengetahui orang-orang yang berjihad dan bersabar di antara kamu, dan agar Kami menyatakan (baik buruknya) hal ehwalmu.”* Muhammad: 31

"*Dan sesungguhnya telah didustakan (pula) rasul-rasul sebelum kamu akan tetapi mereka sabar terhadap pendustaan dan penganiayaan (yang dilakukan) terhadap mereka hingga datang pertolongan Kami kepada mereka. Tak ada seorang pun yang dapat merubah kalimah-kalimah (janji-janji) Allah. Dan sesungguhnya telah datang kepada mu sebahagian dari berita rasul-rasul itu*". Al-An'aam: 34

"*Allah sekali-kali tidak tidak akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan kamu sekarang ini, sehingga dia menyisihkan yang buruk (munafik) dari yang baik (mukmin). Dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan kepadamu hal-hal yang ghaib, akan tetapi Allah memilih siapa yang dikehendakiNya di antara rasul-rasulNya, kerana itu berimanlah kepada Allah dan rasul-rasulNya; dan jika kamu beriman dan bertakwa, maka bagimu pahala yang besar*".Alilmran: 179

"*Dan agar Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa mereka)*". *Alilmran: 141*

"*Demikianlah Allah membuat perumpamaan (bagi) yang benar dan bagi yang batil. Adapun buih itu akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya, adapun yang memberi menafaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan* ". ArRa'ad: 17

"*Dan dj antara manusia ada yang berkata: "Kami beriman kepada Allah" maka apabila ia disakiti kerana ia beriman kepada Allah, ia menganggap fitnah manusia itu sebagai azab Allah. Dan sesungguhnya jika datang pertolongan dari Tuhanmu, mereka pasti akan berkata: "Sesungguhnya kami adalah bersertamu ". Bukankah Allah lebih mengetahui apa yang ada di dalam dada manusia ?. Dan sesungguhnya Allah benar-benar mengetahui orang yang beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang munafik*". Al-Ankabut : 10-11

Jelas di sini kita dapat melihat bahawa ujian yang menimpa para pendokong dakwah, merupakan sunnah Allah yang sentiasa bersilih ganti di dalam urusan dakwah. Bukanlah di atas sebab-sebab kesalahan. Ayat-ayat tadi menegaskan bahawa ujian-ujian itu mempunyai hikmah untuk membezakan orang-orang yang benar dan orang-orang yang dusta dan berbohong. Di antara orang-orang yang munafik, untuk dikenal siapa yang sabar dan berjihad. Supaya dikenal siapa yang menentang dan taghut yang sombong. Supaya nyata kepada kita keadilan Allah tatkala diberi pembalasan yang setimpal kepada tiap-tiap golongan.

Lebih dari itu hikmah dari ujian itu adalah untuk membersihkan dan mensucikan_orang-orang yang beriman, supaya mereka bertambah imannya, dari iman yang telah sedia ada supaya mereka bertambah kuat memegang dakwah meraka sehingga mereka layak menerima pertolongan dari Allah. Supaya mereka memelihara dan mendokong amanah itu dengan sebaik-baiknya:

"*(Iaitu) orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat makrufdan mencegah dari perbuatan yang mungkar, dan kepada Allahlah kembali segala urusan:*" Al-Hajj: 41

"*Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah; di pusakakanNya kepada siapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya. Dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa* ". Al-A'raaf : 128

Dengan yang demikian itu kita berkata dengan hati yang tenang bahawa segala ujian dan tribulasi yang menimpa para pendokong dakwah itu adalah sunnah Allah, bukan akibat kesalahan. Lebih dari itu, kita berkata bahawa para pendokong dakwah yang tidak terdedah kepada ujian dan bencana, perlu merujuk kembali, memeriksa sikap dan keadaan mereka kerana kemungkinan besar mereka telah tersalah jalan dan melalui jalan yang tidak pernah dilalui oleh para pendokong dakwah. Imam kita as-Syahid Hassan al-Banna rahimahullah pernah menyatakan tentang apa yang mungkin menimpa jamaah Ikhwan dari berbagai ujian dan bencana. Kenyataan itu dinyatakan sepuluh tahun sebelum terjadinya ujian dan bencana terhadap al Ikhwan. Kenyataan ini bukanlah-merupakan satu khayalan atau imaginasi, tetapi ia berdasarkan sejarah dan kefahaman beliau terhadap dakwah bahawa sesungguhnya ujian itu merupakan sunnah Allah pada dakwah yang benar. Beliau berkata:

"Di kala ini kamu telah memulakan perjalanan di jalan para pendokong dakwah dan ujian-ujian ini boleh jadi panjang, adakah kamu sanggup bertahan?

Dalam pada itu kita tidak menafikan adanya kesalahan yang telah kita lakukan kerana kita adalah manusia. Kita pun bukanlah maksum yang terpelihara dari segala kesalahan. Pada hakikatnya, barangsiapa yang bekerja, tentu terdedah kepada kesalahan dan orang yang tidak bekerja tidak akan terdedah kepada kesalahan. Tetapi kesalahan yang mungkin kita lakukan itu hanyalah merupakan kesalahan juz'iah atau kesalahan perseorangan yang terjadi sebagai natijah ijtihad dari pemikiran manusia yang terbatas dalam batas niat yang baik yang kita berharap mendapat pahala daripadanya. Di samping itu kita mestilah mengambil faedah dan pengajaran daripadanya".

BAB 11

Tribulasi-tribulasi Di Jalan Dakwah dan Beberapa Persoalan Tentangnya (2)

11.1 Bolehkah Kita Mengelakkan Tribulasi atau Mengurangkan Tekanannya atau Mengelakkannya Merupakan Penyelewengan dari Jalan Dakwah?

Ada orang menggambarkan bahawa dengan sedikit berpolitik, diplomasi dan menggunakan kecerdikan dan perlaksanaan yang baik dapat mengelakkan ujian dan bencana dari menimpa para pendokong dakwah dan memimpin para pendokong dakwah serta menjauhkan mereka dari bencana dan siksaan yang sangat dahsyat dari musuh-musuh Allah dan dari terus menimpa mereka atau sekurang-kurangnya mengurangkan tekanan dan memendekkan masanya. Adakah pendapat ini benar dan tepat? Benarkah mereka boleh berbuat demikian selagi mereka berpegang teguh dengan dakwah mereka? Marilah kita mencari jawapan yang sahih terhadap persoalan ini. Marilah kita lihat sirah RasuluUah s.a.w. yang kita ikuti jejak langkahnya dan berjalan di atas jalannya. Kita semua mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. bersungguh-sungguh membawa kebaikan kepada orang-orang yang beriman, sangat pengasih dan sayang kepada mereka dan bersusah hati di atas kesusahan mereka sebagaimana yang disifatkan Allah Taala tentang baginda:

"*Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin*". AtTaubah: 128

Rasulullah s.a.w. sendiri terdedah kepada pelbagai rupa ujian penyiksaan hinggakan baginda sendiri melihat mukmin mengalami rupa penyeksaan dari pihak kafir Quraisy. Sekiranya Rasulullah mampu membuat sesuatu untuk menghalang penyiksaan kaum Musyrikin ke atas mukminin dan melindungi mereka, nescaya baginda berbuat demikian. Namun, baginda hanyalah mewasiatkan supaya mereka bersabar, bertahan di atas akidah mereka, menggembirakan mereka dengan syurga, dengan pertolongan Allah s.w.t. dan kemenangan agama Allah. Baginda bersabda kepada mereka.

"*Bersabarlah sungguh-sungguh hai keluarga Yasir kerana sesungguhnya janji mu ialah syurga*".

Imam Bukhari rahmatullah telah meriwayatkan dari Qais berkata:

“Aku telah mendengar Khabab r.a berkata: Aku telah mendatangi Rasulullah s.a.w. sedang baginda berbantalkan burdadi bawah naungan Kaabah. Ketika itu kami sedang menerima penyiksaan yang keras dari kaum musyrikin lalu dia berkata: Tidak mahukah kamu berdoa kepada Allah? Lalu Rasulullah s.a.w. duduk dengan merah padam mukanya lantas bersabda: Sesungguhnya telah terjadi kepada orang-orang sebelum kamu telah disikat dengan sikat-sikat besi yang mencakar-cakar daging-daging dan urat-urat mereka hingga ke tulang-tulang mereka. Itu tidak memalingkan muka dari agama mereka. Kepala mereka digergaji hingga terbelah dua. Ini tidak memalingkan mereka dari agama mereka. Satu masa nanti pasti Allah akan menyempumakan urusan agama ini dengan memberi kemenangan kepadanya di mana orang yang menunggang itu berjalan dari San'a di Yaman ke Hadramaut tanpa rasa takut kecuali hanya kepada Allah dan hanya bimbangkan serangan serigala ke atas kambing-kambingnya. Tetapi kamu ini hendak mencapai kemenangan dengan segera".

Demikianlah kita mendapati Rasulullah, walaupun sangat sedih dan dukacita melihat orang-orang yang beriman ditimpa bencana dan seksaan dari kaum Musyrikin, baginda murka apabila diminta supaya berdoa' kepada Allah bagi mereka. Ini adalah bertujuan mendidik mereka supaya mereka tahu bahawa ujian dan bencana itu bukanlah perkara baru dan asing dan itu adalah sunnah Allah, undang-undang Allah yang pasti berlaku ke atas orang-orang yang beriman dan pasti berlaku di atas jalan dakwah Islam, sebagaimana yang telah dialami oleh orang-orang mukmin sebelum mereka. Oleh kerana itu, hendaklah mereka bersabar sebagaimana sabarnya mukminin sebelum mereka, bersabar dengan penuh tenang dan yakin bahawa kemenangan akhirnya akan menjadi milik mereka. Allah akan menyempumakan urusan Islam itu dan menegakkan kedaulatannya di muka bumi sekalipun bagaimana besar dan banyaknya tipu daya musuh-musuh Allah.

11.2 Bilakah Akan Berhentinya Penyiksaan Musuh-Musuh Allah Terhadap Mukminin?

Sesungguhnya musuh-musuh Allah itu memerangi dakwah Allah di dalam diri para pendokongnya dengan berbagai-bagai usaha, helah dan penyeksaan yang berterusan dan berulang untuk memalingkan mereka dari dakwah mereka. Kadang-kadang dengan pujuk rayu, umpan-umpan palsu atau janji-janji manis yang penuh dengan muslihat. Kadang-kala pula berupa ancaman, gertakan, penyeksaan dan tindakan yang kejam. Mereka tidak berhenti berbuat demikian hinggalah para pendokong dakwah meninggalkan dakwah mereka sehingga orang-orang mukmin meninggalkan dakwah mereka, mengikut cara hidup mereka dan menyokong kebatilan mereka. Benarlah Allah s.w.t Yang Maha Agung apabila berfirman:

"*Mereka tidak henti-henti memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup*". Al-Baqarah: 217

Firman Allah lagi:

"*Jika mereka menangkap kamu, nescaya mereka bertindak, sebagai musuh bagimu dan melepaskan tangan dan lidah mereka kepadamu dengan menyakitimu, dan mereka ingin supaya kamu (kembali) kafir*". Al-Mumtahinah: 2

"*Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan redha kepadamu hingga kamu mengikut agama mereka*" Al-Baqarah: 120

Sesungguhnya penyeksaan yang dimulakan oleh musuh-musuh Allah kerana akidahnya tidak akan berhenti selagi para penganut akidah itu tidak mahu meninggalkan akidah mereka atau sekurang-kurangnya goyah dengan pegangan akidah dan tidak melakukan kegiatan dakwah mereka. Atau tidak melakukan gerakan akidah dan dakwah mereka. Sesungguhnya ini bukanlah merupakan permusuhan peribadi atau tujuan duniawi kerana mereka telah menawarkan harta dan kuasa kepada Rasulullah s.a.w. lalu baginda menolaknya dengan penuh kemuliaan orang-orang yang beriman, kekuatan azam, berpegang teguh dengan akidah dan bekerja untuknya walaupun sikap yang tegas itu membawa kepada kebinasaannya dan Rasulullah s.a.w. telah bersabda dengan sabda yang tegas dan kekal:-

"*Demi Allah sekiranya mereka meletakkan matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku supaya aku meninggalkan urusan ini, nescaya aku tidak akan meninggalkannya hinggalah Allah memberi kemenangan kerananya ataupun aku binasa kerananya* ".

Para pendokong dakwah dan penganut akidah Islam, tidak akan meninggalkan akidah dan dakwah mereka. Mereka tidak akan berhenti dari melaksanakan tugas-tugas harakah dan kegiatan dakwah mereka dan tidak akan memberhentikan jihad dan perjuangan mereka lantaran rintangan, gangguan dan penyiksaan yang menimpa mereka. Kalau tidak, lebih baik mereka awal-awal lagi tidak tampil ke hadapan untuk memikul amanah ini dan tidak bangun melaksanakan segala tuntutannya.

11.3 Dakwah Itu Tertegak Dari Keazaman, Bukan Kemudahan

Memang benar, Allah memberi keringanan untuk mengaku dengan kalimah kufur hanya pada lidah disebabkan tekanan dan penyiksaan selagi hatinya tidak rela dengan kalimah kufur itu dan jiwanya tetap beriman kerana itu adalah rahmat Allah kepada hambaNya, kerana mengetahui kemampuan mareka yang terbatas.

Firman Allah yang bermaksud:

"*Barangsiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapat kemurkaan Allah) kecuali orang yang dipaksa kafir padahal hatinya tetap tenang di dalam beriman (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, amaka kemurkaan Allah menimpanaya dan baginya azab yang besar*".An-Nahl: 106

Tetapi, kemudahan itu tidak bererti kita boleh menjadikannya sebagai asas dan pokok pendirian mukmin apabila menghadapi gangguan dan penyiksaan. Lalu kita jadikan pengecualian itu sebagai ketahanan dan ketetapan dan berpegang teguh dengan akidah dan tidak menyahut segala tuntutan mereka. Sesungguhnya dakwah yang benar tidak mungkin berdiri di atas rukhsah (kemudahan) dan tidak boleh dijual beli dengan murah. Sebaliknya ia mesti dibangunkan di atas uzmah (keazaman) oleh orang-orang yang mempunyai keazaman dan ketangkasan. Oleh itu, sudah menjadi sunnah Allah dalam memperbezakan dan membersihkan serta menyucikan mukmin.

Oleh kerana itu juga kita dapati Rasulullah s.a.w. tidak menyuruh orang-orang mukminin menggunakan keringanan itu dengan tujuan menjauhkan mereka dari gangguan dan penyiksaan musyrikin Quraisy. Tetapi sesungguhnya baginda mengasihani mereka, menyuruh mereka bersabar, bertahan menanggung segala gangguan-gangguan musyrikin dan menggembirakan mereka dengan kemenangan yang pasti datang dan menjanjikan mereka dengan syurga Allah. Rasulullah s.a.w.

mempunyai pendirian yang tegas bersama dengan orang-orang yang beriman dan wahyu berturut-turut turun kepada baginda:

"*Maka berpegang teguhlah kamu kepada agama yang telah diwahyukan kepadamu sesungguhnya kamu berada di atas jalan yang lurus. Dan Al-Quran itu benar-benar suatu kemuliaan besar bagimu dan bagi kaummu dan kelak kamu akan dipertanggungjawabkan* ". AzZukhruf:43-44

"*Maka kerana itu serulah (mereka kepada agama itu) dan tetaplah sebagaimana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka dan katakanlah : "Aku beriman kepada semua kitab yang diturunkan Allah*". As-Syuura: 15

"*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran kepadamu (Muhammad) dengan beransur-ansur. Maka bersabarlah kamu untuk (melaksanakan) ketetapan Tuhanmu dan janganlah kamu ikuti orang-orang yang berdosa dan orang-orang yang kafir di antara mereka*". *Al-Insaan: 23 dan 24*

"*Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang musyrik*". Al-Hijr:94

Akan tetapi orang-orang yang beriman itu harus menerima keuzuran (alasan), iaitu bagi orang-orang yang tidak mampu lagi menanggung derita gangguan dan penyiksaan selagi hatinya tidak berubah. Janganlah berubah hati terhadapnya dan janganlah mereka memutuskan hubungan persaudaraan dengan dia.

11.4 Mengelakkan Tribulasi Adalah Penyelewengan Dari Jalan Dakwah:

Apabila dakwah Allah telah berjalan dan dijalankan oleh para pendokongnya di jalan yang benar dan sahih secara syumul dan sempurna tanpa cuai dan menyeleweng, musuh-musuh mengetahui tentang natijahnya untuk menghapuskan kebatilan mereka, menegakkan yang hak, membangunkan kebenaran di atas tempatnya kerana sesungguhnya kebenaran itulah yang lebih patut diikuti. Mereka musuh-musuh Allah mulalah menjalankan usaha-usaha dan tipudaya mereka tanpa henti untuk memalingkan dakwah Allah, para pendokong dan para petugasnya dari jalan sahih. Ini menyebabkan orang-orang yang beriman terdedah kepada bencana dan penyiksaan. Orang-orang yang beriman sebagai satu jamaah tidak akan dapat mengelakkan bencana dan penyiksaan itu kecuali apabila mereka meninggalkan dakwah mereka ataupun meninggalkan perkara yang menimbulkan kemarahan dan kegelisahan musuh-musuh Allah atau mereka bermuafakat dan bekerjasama untuk dakwah atau bergerak dengannya. Segala bentuk tolenrasi sedemikian pada hakikatnya menyelewengkan dakwah dari jalan yang diredhai Allah di mana Rasulullah s.a.w. dan para sahabat telah berjalan di atasnya. Kita wajib berjalan di atasnya mengikuti Rasulullah s.a.w. yang menjadi sebaik-baik tauladan.

Para pemimpin dan para pendokong dakwah harus mengetahui bahawa jalan dakwah tidak ditaburi dengan bunga-bungaan yang harum. Mereka mesti menguatkan azamnya untuk sabar dan mempertahankan akidah mereka. Hendaklah mereka bertenang dan percaya kepada pertolongan Allah dan sokonganNya kepada mereka. Pada hakikatnya, musuh-musuh Allah itu tidak memerangi tubuh-tubuh mereka yang lemah, yang menjadi sasaran seksaan, gangguan, sasaran senjata dan tali gantung mereka tetapi mereka itu hanya memusuhi Allah dan dakwah,

"*Dan Allah berkuasa terhadap urusanNya, tetapi kebanyakan manusia tiuada mengetahui*". Yusuf:21

Janganlah seseorang itu memahami bahawa kami.dari golongan yang suka memasuki dan mencari tempat tahanan atau dari golongan yang suka diganggu dan dibunuh. Sekali-kali tidak. Lebih dari itu kita sentiasa memohon 'afiat pada Allah dan tidak menjadikan kita fitnah bagi orang-orang yang zalim. Kita mohon kepada Allah supaya kita diselamatkan dengan rahmatNya dari kaum yang zalim. Kita tidak pernah menolak keenakkan afiat yang terbuka selagi ia tidak menyentuh akidah kita, tidak mengganggu keselamatan tujuan, penerusan usaha dan tidak merintangi jalanNya.

Kita bukannya bercita-cita menemui musuh. Kita tidak mencari musuh atau membangkitkan kemarahan musuh dan kita tidak suka memberi alasan untuk membenarkan dia membuat permusuhan kepada kita. Sekiranya dia enggan juga menerimanya sebaliknya hendaknya mengganggu dan menyiksa kita, maka itu menunjukkan permusuhannya kepada dakwah dan kita tidak dapat berbuat apa-apa kecuali bersabar menanggung dan mengharap kepada Allah. Kita tidak akan mencuaikan usaha dakwah kita dan kita tidak akan menguranginya.

"*Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana yang menimpa mereka di jalan Allah dan tidak lesu dan tidak pula menyerah kep.ada musuh. Allah menyukai orang-orang yang sabar. Tidak ada doa selain ucapan: "Ya Tuhan kami ampunilah dosa-dosa dan tindakan-tindakan kami yang berlebih-lebihan dalam urusan kami dan tetapkanlah pendirian kami, dan tolonglah kami menghadapi orang-orang yang kafir*". *Kerana itu Allah*

memberikan mereka pahala di dunia dan pahala yang baik di Akhirat.. Dan Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan". Alilmran: 146-148

"*Mengapa kami tidak akan bertawakkal kepada Allah padahal Dia telah menunjukkan jalan kepada kami? Kami benar-benar akan bersabar terhadap gangguan-gangguan yang kamu lakukan terhadap kami, dan hanya kepada Allah sahaja orang-orang yang bertawakal itu berserah diri.*" Ibrahim: 12

BAB 12

Tribulasi-tribulasi di Atas Jalan Dakwah dan Beberapa Persoalan Tentangnya (3)

Sekali pandang, ramai orang menyangka bahawa ujian yang mengandungi pelbagai bentuk penyeksaan, penindasan, penekanan dan bencana membahayakan dakwah dan merintanginya bahkan boleh jadi membunuhnya. Sangkaan yang demikian itu semakin kuat apabila ujian itu berterusan dalam tempoh yang sangat lama dan tidak nampak tanda-tanda berkurangan atau hapusnya sama sekali dengan tidak memperolehi faedah yang nyata dibidang dakwah lalu mereka bertanya:

"Ke manakah perginya bilangan ramai yang. telah melalui jalan dakwah? Mana dia lambang-lambang dan sepanduk yarig telah lahir dan muncul di setiap tempat? Mana dia pejabat-pejabat, rumah-rumah dan institusi yang dahulunya telah memainkan peranan di dalam masyarakat seperti sekolah-sekolah, hospital-hospital, persatuan-persatuan, latihan jasmani dan kumpulan-kumpulan rekreasi dan pelancongan dan pelbagai bentuk kegiatan?"

Pada lahirnya menunjukkan bahawa dengan terhapusnya perkara tersebut, ia adalah kerugian besar dan menjadi bahaya besar yang menimpa para pendokong dakwah dan dakwah mereka. Ini benar menurut ukuran kebendaan, tetapi pada hakikatnya adalah sebaliknya di alam dakwah, akidah dan di dalam ukuran Rabbani, ukuran ketuhanan.

Mari saya terangkan lebih lanjut sampai manakah bahaya yang menimpa dakwah dan para pendokongnya dalam ujian ini. Saya akan menerangkan segala kebaikan dan faedah yang terkandung di dalamnya, di antaranya:-

1. Beberapa banyak pendokong dakwah yang telah syahid di tangan musuh-musuh dakwah, sama ada syahid semasa disiksa atau di tiang gantung. Mereka adalah orang-orang terpilih dan pemimpin, pemimpin dakwah yang tinggi kedudukan dan nilainya di bidang dakwah. Pada zahirnya ini merupakan kerugian besar bagi dakwah lantaran hilangnya mereka dari bidang dakwah dan hampanya bidang dakwah dari usaha dan jihad mereka.

Tetapi, pada hakikatnya, syahidnya seseorang itu di jalan dakwah dan di dalam tujuannya menunjukkan tingginya dakwah ini dan mulianya tujuan dakwah. la melambangkan pengorbanan di dalam jalan dakwah. Sesungguhnya syahidnya seseorang memberi kesan dan pengaruhnya yang besar di dalam jiwa malah lebih bermakna dari nasihat seratus penasihat. Sesungguhnya ini merupakan bekalan dan obor yang akan menyalakan iman dan semangat generasi kini dan akan datang.

Demikianlah sekarang ini apabila kita membaca kisah syahidnya Yasir, Sumayyah r.a. kita merasakan dorongan iman dan bekalan yang perlukita gunakan di jalan dakwah walaupun mereka telah syahid empat belas abad yang lalu di zaman Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya keuntungan yang diperolehi oleh jamaah Islam di bidang dakwah dengan syahidnya mereka adalah keuntungan yang sangat besar. Syahidnya mereka telah melahirkan jiwa-jiwa yang kuat yang membawa kebangkitan Islam di zaman ini yang menjelma di dalam angkatan baharu di kalangan putera-puteri Islam di seluruh dunia terutamanya di seluruh dunia Islam. Mereka memperolehi ilmu, pengalaman dan contoh teladan yang baik yang ditinggalkan oleh para syuhada itu.

Para syuhada itu pula telah berjaya mencapai darjah syahid dan keredhaan Allah. Di atas dasar inilah maka syahidnya para syuhada itu adalah kebaikan umum bagi dakwah dan kebaikan khusus bagi syuhada. la bukanlah bahaya sebagaimana kelihatan pada zahirnya.

2. Di antara bentuk ujian yang pada zahirnya kelihatan merbahaya ialah berpalingnya ramai manusia dari kerja dakwah. Mereka yang sebelumnya melibatkan diri dengan dakwah dan berjalan di atas jalannya, kemudiannya mereka terus berpaling tadah. Pada zahirnya barisan dakwah telah berkurangan, dakwah kehilangan ramai pendokongnya, lantaran itu usaha-usaha dakwah juga berkurangan.

Namun, pada hakikatnya barisan dakwah semakin kuat dan semakin berpadu dan telah

bersih dari titik-titik kelemahan. Lebih dari itu Allah menggantikan yang hilang dengan ramai lagi orang lain yang lebih mulia dari mereka dan itulah sunnah Allah.

"*Allah sekali-kali tidak akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan kamu sekarang ini, sehingga Dia menyisihkan yang buruk (munafik) dari yang baik (mukmin)*". AliImran:179

Dan di dalam ayat yang lain:

"*Dan jika kamu berpaling, nescaya Dia akan mengganti (kamu) dengan kaum yang lain, dan mereka tidak seperti kamu (ini)*".Muhammad: 38

Demikianlah sekarang kita melihat bagaimana putera-puteri kita, generasi muda Islam yang berjiwa Islam dan iman yang benar terus berjalan di atas jalan dakwah dengan segala kefahaman dan keazaman, giat berusaha dan bekerja untuk Islam setelah mereka mengetahui dan mendengar apa yang terjadi kepada generasi Islam yang telah mendahului mereka.

3. Di antara bentuk ujian yang dianggap bahaya pada zahirnya ialah penindasan ke atas dakwah dan menyekatnya dari berkembang, perjalanannya dihalang dengan cara melarang para pendokong dakwah untuk berdakwah, merampas kitab-kitab, majalah-majalah dan surat-surat khabar mereka. Walaupun penghasilan secara langsung di dalam dakwah berkurangan kerana ujian itu, tetapi pada hakikatnya dakwah beroleh keuntungan langsung daripadanya dengan pengertian bahawa orang-orang yang mendapat ujian itu bertambah pengalaman dan semakin berpegang teguh denga dakwah mereka.

Lebih dari itu, mereka lebih berusaha untuk membulatkan diri dan tujuan kepada dakwah, bertahan di dalam dakwah dan berkorban di jalan. Kepercayaan kepada saudara-saudara mereka bertambah kuat, ikatan persaudaraan dan perpaduan mereka bertambah erat. Semuanya it membawa faedah yang banyak kepada dakwah malah lebih besar daripada sebelum mereka menerima ujian itu.

Lebih dari itu, kita dapati para pendokong dakwah yang terpaksa bertebaran di bumi Allah kerana kuatnya penindasan, tekanan dan gangguan di negeri mereka. Tetapi dengan demikian, mereka dapat menyampaikan dakwah mereka di mana saja mereka berada. Itulah yang telah terjadi di zaman Rasulullah, di zaman permulaan dakwah Islam di mana Islam dan dakwahnya berkembang dan bertapak di Madinah melalui para sahabat Muhajirin yang diusir dari Mekah. Itulah juga yang terjadi di zaman ini di zaman kita melihat perkembangan Islam dan dakwahnya di seluruh dunia terutamanya di Eropah, Amerika dan Australia melalui para pendokong dakwah yang telah ditindas di tanah air mereka.

"*Mereka ingin hendak memadamkan cahaya (ugama) Allah dengan mulut (ucapan) mereka dan Allah tetap akan menyepurnakan cahayaNya meskipun orang-orang kafir benci*". As-Shaff:8

4. Di antara bentuk bahaya yang menimpa dakwah dan para duat dalam ujian itu, yang pada zahirnya membahayakan dakwah dan para pendokongnya ialah terdapat ramai dari mereka yang ditangkap, dipenjarakan dan mengalami penyeksaan dan penderitaan yang mengerikan bertahun-tahun lamanya. la merupakan bahaya pada zahirnya, tetapi pada hakikatnya menjadi kebaikan.

Sekiranya para syuhada menjadi lambang pengorbanan dan tebusan, maka kesabaran ojang-orang yang merengkuk di dalam penjara dengan segala penyiksaan dan penderitaan yang menimpa mereka di sana bertahun-tahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun, dan ada yang sampai lebih dua puluh tahun pula adalah merupakan lambang-lambang ketahanan bersama kebenaran tanpa meninggalkan usaha dan kegiatan dakwah mereka. Ini merupakan bekalan dan obor yang menyalakan iman di kalangan generasi baru zaman ini dan di masa yang akan datang. Insya Allah. Jelaslah bahawa saudara-saudara kita yang Muslim yang telah mengalami gangguan fizikal, gangguan kebendaan dan moral yang berterusan selama dua puluh tahun tanpa berganjak dari pendirian mereka padahal mereka ini mampu mengelakkan bencana dan ujian itu sekiranya mereka menyetujui sikap taghut yang berkuasa dan zalim itu dan meninggalkan dakwah mereka. Tidak syak lagi bahawa sikap mereka itu adalah sifat yang mulia kerana mereka bertahun bersama kebenaran. Sifat mulia, ketegasan dan ketangkasan mereka disanjung tinggi dan dibanggakan oleh orang-orang mukmin sepanjang masa.

Itulah kurnia Allah yang telah dikurniakan kepada orang-orang yang dikehendaki.

Maka sekiranya hari itu silih berganti.
Membawa nikmat dan derita tidak terperi.
Peristiwa-peristiwa sedemikian tidak mungkin melemahkan pendirian kami.
Perbuatan yang tidak menyenangkan itu tidak mungkin menghina kami.

Cubalah kita bayangkan bagaimana jika semuanya telah meninggalkan tugas dakwah dan membuang benderanya kerana mengutamakan keselamatan diri dari menghadapi panas teriknya ujian-ujian. Sudah tentu ini menimbulkan reaksi dan akibat yang sangat buruk kepada dakwah dan menghalang pada dakwah Islam di kalangan para pemuda dan gegerasi yang sedang dan akan muncul.

Demikianlah kita lihat pada zahirnya ia merupakan bahaya tetapi pada hakikatnya menjadi kebaikan umum bagi dakwah dan kebaikan khusus bagi orang-orang yang terdedah kepada penyeksaan. Allah telah memberi kesabaran dan ketahanan kepada mereka di atas kebenaran. Insya Allah mereka akan mendapat kurnia dan pahala dari Allah kerana kesabaran dan ketahanan mereka.

5. Dari bentuk-bentuk yang pada zahirnya merupakan bahaya yang menimpa dakwah dan para pendokongnya ialah berupa tuduhan-tuduhan palsu yang dilemparkan kepada para da'i dan dakwah mereka untuk membusukkan nama baik mereka, untuk menghina mereka, untuk mengabui mata orang lain supaya mereka lari dari dakwah Allah, supaya mereka liar dari seruan Allah. Ini bukanlah perkara baru atau asing di atas dakwah yang benar. Dari dahulu lagi, angkatan taghut, angkatan jahiliah telah melemparkan berbagai-bagai tuduhan palsu kepada Rasulullah s.a.w. Mereka telah menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai seorang tukang sihir, orang gila, pembohong, pemecah belah masyarakat, memisahkan antara bapa dengan anak dan keluarga dan memperbodohkan tuhan-tuhan mereka dan berbagai-bagai tuduhan palsu yang jahat yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w dan kepada Islam.

Tetapi akhirnya segala kepalsuan itu tidak dapat bertahan lama apabila berhadapan dengan kebenaran. Tembelang mereka terdedah dan rancangan hancur berkecai. Nyatalah kebenaran Rasulullah s.a.w., nyatalah kejayaan agamaNya dan apa yang dibawa itulah yang benar dan itulah yang menang.

Sejarah telah berulang kembali, di mana angkatan jahiliah dan taghut zaman ini melemparkan tuduhan palsu kepada para pendokong dakwah dengan berbagai tuduhan palsu dan jahat, mengganggu ketenteraman umum, ikhwanushayatin (kawan-kawan syaitan) boneka penjajah, mereka hendak menghancurkan segala pembangunan serta membunuh orang-orang yang tidak berdosa untuk merebut kuasa.

Mereka mabuk kuasa, bertopengkan agama dan berbagai-bagai tuduhan liar dan palsu dan propaganda yang palsu dan liar untuk memburuk-burukkan dan membusukkan dakwah dan para pendokongnya supaya para pemuda, generasi muda dan para pekerja untuk Islam lari dan menjauhkan diri dari dakwah dan pendukungnya.

6. Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui telah melahirkan hakikat yang sebenarnya, lalu terbukalah tembelang mereka yang zalim dan taghut itu. Kezalimanmereka telah diketahui umum, dikenali oleh dunia, segala tindakan kejam mereka, segala tuduhan palsu mereka, segala propaganda liar mereka telah dicatitkan di dalam sejarah. Lebih dari itu generasi baru Islam di seluruh dunia Islam telah bangkit dan bangun mendokong dakwah Islam dengan sepenuh jiwa, dengan iman yang benar dan dengan hati yang ikhlas.

Di antaranya lagi ialah rumah Ikhwan, yayasan mereka, sekolah-sekolah mereka, hospital-hospital mereka, syarikat ekonomi mereka telah dirampas oleh taghut dan berbagai-bagai lagi kegiatan Ikhwanul muslimin telah dibekukan dan tidak dapat lagi melaksanakan tugas risalahnya yang penting itu. Dari sudut kebendaan, ini merupakan kerugian yang besar, akan tetapi kerugian kebendaan itu adalah kerugian yang kecil kerana terlebih dahulu daripada itu angkatan Muslimin yang pertama dan utama itu di zaman permulaan dakwah di zaman Rasulullah s.a.w telah meninggalkan tanahair mereka, meninggalkan rumah-rumah mereka dan harta benda mereka kerana mengutamakan dakwah mereka dan segala kepentingan kebendaan mereka tatkala mereka berhijrah dari Mekah ke Madinah. Tetapi Allah telah menggantikan segala kerugian mereka dengan kemenangan yang gemilang hinggalah mereka berjaya menubuhkan daulah Islam di Madinah. Di Mekah, di seluruh Semenanjung Tanah Arab dan mengalahkan raksaksa Barat (Romawi) dan raksaksa Timur Parsi (Iran) yang merupakan penguasa dunia bertamadun pada zaman itu.
Rasulullah s.a.w bersabda:

"*Menanglah Suhaib, menanglah Suhaib*".

Kita juga tidak lupa tentang pendirian Ansar terhadap saudara-saudara mereka para Muhajirin, bagaiman mulianya sikap mereka mengutamakan saudara-saudara mereka lebih dari diri mereka sendiri, kemurahan dan kemuliaan mereka dilukiskan di dalam al-Quranul Karim yang menjadi teladan yang baik sepanjang masa. Ini memberi pengajaran kepada kita bahawa segala kebendaan yang menimpa para pendokong dakwah, supaya mereka tidak dilekakan oleh benda,

tidak dimabuki oleh harta dan tidak dikuasai oleh dunia. Di samping itu ia menyuburkan pengertian tolong menolong, tanggungjawab dan ingat mengingati di kalangan para du'at di dalam bidang dakwah.

Dengan terhentinya perkhidmatan ikhwan yang berdasarkan Islam dan menurut cara Islam yang selama ini giatkan oleh yayasan-yayasan ikhwan yang tadinya membawa kebaikan yang banyak kepada masyarakat, masyarakat telah hampa dari faedah-faedah perkhidmatan menurut cara Islam dan adab-adab Islam. Walaupun begitu para pendokong dakwah akan berusaha terus membangunkan semula yayasan-yayasan dan perkhidmatan itu apabila peluang terbuka untuk berbuat demikian.

Demikianlah kita melihat bahawa ujian dan bencana yang menimpa-, dakwah dan para penganutnya sebagai sunnah Allah, undang-undang Allah yang telah berlaku selagi ada dakwah dan para pendukungnya. Ujian-ujian itu pada zahirnya berupa bencana, tetapi di sebaliknya, terkandung kebaikan. Jadi nikmat dan kurnia dalam rupa bencana. Tidak ada yang dikehendaki Allah kepada dakwahNya dan para pendokongnya kecuali kebaikan sahaja. Jadi bencana-bencana itu bukanlah merupakan saat-saat kematian atau pukulan maut, tetapi merupakan masa-masa yang menghidupkan kekuatan, yang mendorong untuk berjalan di atas jalan dakwah dengan penuh kekuatan dan ketahanan.

BAB 13

Tribulasi-tribulasi Di Atas Jalan Dakwah dan Beberapa Persoalan Di Sekitarnya (4)

Ada orang yang menyangka bahawa bencana itu sebagai ribut yang menghancurkan dan meruntuhkan lalu menghapuskan segala realiti kehidupan dan gerakan Islam. Sebab dia melihat musuh-musuh itu telah berjaya mengalahkan para pendokong dakwah dan menghapuskan dakwah menurut kehendak mereka. Betapa tidak! Semua lambang telah dihapuskan, rumah-rumah mereka telah ditutup, yayasan-yayasan mereka telah dirampas, segala kegiatan mereka telah dihentikan, segala usaha yang dibuat di dalam lingkungan dakwah telah musnah dan tidak ada lagi kesan dan bekasnya.
Sejauh mana benarnya pandangan itu? Benarkah ia sesuai dengan realiti?

13.1 Salah Tanggapan

Kita teringat kembali kepada peristiwa yang telah terjadi dua puluh tahun yang lalu apabila hukuman zalim dijatuhkan oleh "mahkamah rakyat" terhadap Ikhwanul Muslimin. Tatkala itu seorang yang pernah menderita oleh bencana itu telah memberikan pandangannya: "Jamaah Ikhwan itu umpama sebuah bangunan yang besar lalu bencana itu datang meruntuhkan dan menjadikannya serpihan-serpihan yang bertimbun-timbun". Saya dapati tanggapan itu salah dan menghalang dakwah kerana dia menganggap segala usaha yang telah dibuat dan segala pengorbanan yang telah diberikan di bidang-bidang dakwah sebelum bencana tiba-tiba terhenti dan musnah tanpa kesan. Segala usaha untuk membangunkannya kembali mungkin turut musnah dan demikianlah seterusnya. Pandangan sedemikian menyekat apa yang telah lalu, sekarang dan akan datang. Pandangan tersebut mendorong kita berfikir mengenai hakikat sebenar kesan bencana ke atas jamaah dan anggotanya lalu saya tertanya-tanya sendiri: "Benarkah sudah ada bangunan yang dibina, kemudian runtuh, atau kita masih berada di peringkat persediaan untuk membina sebuah bangunan?"

Jika diperhatikan, kita dapati bahawa sebuah bangunan itu, di dahului oleh persiapan batu bata yang kuat dan keras sebagai komponen bangunan di samping tapak yang kuat untuk membina bangunan di atasnya.

13.2 Menyediakan Batu-Bata Yang Kuat Untuk Bangunan

Biasanya kita terlebih dahulu menyediakan bahan-bahan mentah di dalam acuannya yang tertentu, kemudian di keringkan dan diatur kemudian dibakar untuk membersih supaya bertambah kuat dan keras, kemudian barulah bangunan tersebut dibina menggunakan batu-bata yang telah keluar dari pembakarnya.

Dari perumpamaan tersebut, kita lihat bahawa peringkat dakwah sebelum ujian itu umpama persediaan batu bata yang mentah dan ujian itu umpama pembakaran untuk membersihkannya. Ini bererti bahawa setelah Imam as-Syahid hendak membina bangunan dan menentukan peringkat-peringkat, beliau memulakannya dengan membentuk individu-individu dalam acuan Islam yang sahih dari setiap aspek sama ada dalam aspek akidah, ibadah, akhlak, kefahaman dan amalan. Segala kegiatan yang berupa usrah, pasukan-pasukan, operasi ketenteraan, ceramah-ceramah, forum-forum, pengembaraan (perkelahan dan rehlah) dan Iain-lain lagi. Semuanya itu merupakan cara dan jalan untuk membentuknya dengan acuan Islam yang sahih:

"*Sibghah Allah. Dan siapakah yang lebih baik sibghahnya dari sibghah Allah dan hanya kepadaNyalah Kami menyembah*". Al-Baqarah: 178

Setelah itu fitnah dan ujian datang menimpa Ikhwan untuk membersihkannya.

"*Dan agar Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa mereka)*".Alilmran: 141

"*Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan sahaja mengatakan: "Kami telah beriman", sedang mereka tidak diuji lagi. Dan sesungguhnya kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta*".Al-Ankabut: 1-3

"Allah sekali-kali tidak akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan kamu sekarang ini, sehingga Dia menyisihkan yang buruk (munafik) dengan yang baik (mukmin). Dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatiian kepada kamu hal-hal yang ghaib ". Alilmran: 179

Melalui pembakaran itu terhasillah batu bata yang kuat dan keras yang tahan lasak dan tahan menerima tekanan yang kuat dan tidak dapat dicairkan oleh air. Dari pembakaran itu terdapat juga batu bata yang reput dan pecah serta tidak dapat dipakai untuk membuat bangunan. Dengan perumpamaan ini, ujian dan bencana itu membawa kesan yang berbeza-beza kepada anggota-anggota jamaah. Sebahagian mungkin berpendapat ini semua sebagai pembersihan, keteguhan dan kekuatan. Iman mereka yang telah sedia ada semakin bertambah. Mereka tidak berundur disebabkan bencana dan tidak terpedaya oleh akibat. Sementara itu, sebahagian lagi bertambah lemah dan mundur. Mereka terdiri dari beberapa peringkat yang berbeza, ada yang lebih dan ada yang kurang.

Biasanya batu bata yang baik dan kuat, yang digunakan untuk membina sebuah bangunan dicantumkan di antara satu sama lain dengan simen supaya batu itu kuat. Demikian juga individu-individu yang telah mengalami ujian bertambah teguh dan kuat dengan istiqamah mereka di atas manhaj Islam yang sejahtera tanpa penyelewengan dan dengan iltizam mereka untuk jamaah. Unsur yang mengikat sesama mereka adalah ikatan persaudaraan Islam (ukhuwwah Islamiyah), percaya mempercayai dan cinta-mencintai sesama mereka kerana Allah semata-mata, supaya bangunan itu menjadi kuat.

13.3 Golongan Yang Ketiga

Setelah terjadi ujian dan bencana itu, lahirlah golongan yang ketiga yang juga sebahagian dari natijah ujian, iaitu golongan yang melampau dan keterlaluan dalam menghukum golongan lain dan tidak lagi beriltizam dengan kesatuan barisan. Perbandingannya di dalam contoh tadi umpama sebagai batu bata yang telah hitam warnanya lantaran terlalu kuat pembakarannya. Bentuknya berubah dan tidak lagi memelihara istiqamahnya, dan boleh jadi menggabungkan dirinya kepada golongan yang lain lalu membentuk satu pasukan yang tidak mudah dipisahkan daripadanya serta tidak layak lagi digunakan untuk membuat bangunan walaupun pada zahirnya dia kuat. Ada kalanya batu bata yang lemah itu dapat dipergunakan menurut kemampuannya. Tetapi batu bata yang keterlaluan kerasnya itu tadi tidak dapat digunaklan lagi sebab dia akan membawa kekacauan di dalam saf kerana bengkoknya. Demikian juga individu yang lemah, masih dapat digunakan lagi mengikut kemampuannya, tetapi mereka yang telah melampaui batas dek keterlaluan mereka itu dan tidak istiqamahnya kef ahaman mereka. Sikap-sikap inilah yang menghalang jemaah mendapat faedah dari mereka selagi mereka tidak mengubah sikap keterlaluan mereka, memperbaiki semula kefahaman dan cara-cara mereka beramal. Ini memerlukan kesabaran dan kesungguhan dari kita dan dari mereka dengan benar dan ikhlas.

Ini semua adalah satu perumpamaan yang sahih terhadap kesan-kesan tribulasi. Ianya tidak meruntuhkan bangunan tetapi melicinkan, membersihkan, membezakan dan membantu penyediaan untuk membuat bangunan. Perumpamaan ini juga memberikan jawapan kepada orang yang bertanya: "Kenapa kita melihat sebahagian daripada orang-orang yang terlebih dahulu memikul tanggungjawab dakwah sebelum ujian dan bencana itu tidak dapat bertahan? Adakah pemilihan mereka itu salah?

Kalau kita pandang dengan teliti kita akan dapati bahawa lamanya batu bata itu dibakar tidak semestinya menjadi jaminan di atas kekuatan dan kebulatan semua dan seluruhnya di dalam pembakarannya.

Contoh itu serupa dengan kesan tribulasi ke atas individu-individu kerana batu-bata itu dari tanah dan kita pun berasal dari tanah. Perbezaan hanya terdapat di dalam jenis nyalaan api yang dengannya disempurnakan kebulatan (at-tahmis) dan kebersihannya.

13.4 Apakah Yang Di Uji Di dalam Diri Seseorang Di dalam Tribulasi

Mungkin berguna juga jika saya terangkan bahawa gangguan yang menimpa seseorang di tengah-tengah tribulasi itu bukan sahaja dari segi anggaran ketahanan jasmaninya dalam menerima gangguan dan penyiksaan. Tetapi yang terpenting diuji ialah iman seseorang, keikhlasannya untuk dakwah dan pengorbanannya pada jalan dakwah. Kefahaman terhadap ikhlas, sejauh mana sihatnya dan kemurniannya dari segala campuran dan penyelewengan. Demikian juga amalnya, sejauh mana ia sesuai dengan syariat Islam tanpa kecuaian dan keterlaluan. Juga diuji kebulatannya terhadap dakwah dan kosong hatinya dari yang lain selain dari dakwah. Tentang jihadnya pula sejauh mana benarnya tujuan dan niat di dalam hatinya yang hanya mahu meninggikan kalimah Allah, juga diuji

ketahanannya dalam menyebarkan benderanya walau betapa susah pun. Juga persaudaraannya diuji terhadap saudara-saudaranya, dan cintanya kepada mereka dan kesungguhannya dalam menjalinkan ikatan persaudaraan walau bagaimana cara pun musuh-musuh berusaha untuk merosakkan, memperkotak-katikkan atau mengadu dombakannya. Juga diuji ketaatan dan kepercayaannya untuk dakwah dan dengan dakwah, ketetapan dan kekuatan langkah-langkahnya di dalam jalan dakwah tanpa keraguan bersama orang-orang ragu. Segala aspek tersebut terdedah kepada tribulasi di dalam diri seseorang melalui pelbagai bentuk gangguan dan tekanan.

Tidak semua ujian berupa gangguan dan penyiksaan. la juga mengandungi cara lain seperti perdebatan, penyiasatan, pengaburan mata, pujuk rayu, nasihat, tunjuk ajar pada zahirnya dan macam-macam lagi helah musuh. Untuk menyelamatkan diri daripada tipu daya yang tidak terkira banyaknya itu terpulanglah dan terserahlah kepada Allah sebab Dialah yang meluruskan, menolong, memberi kesabaran, memberi ketatapan dan ketahanan. Dialah yang menambahkan iman di atas iman mereka yang sedia ada.

13.5 Dasar Bangunan Atau Asas

Dasar yang kukuh yang didirikan bangunan di atasnya dengan kuat dan teguh adalah merupakan misalan di dalam pembentukan satu generasi mukmin yang mempunyai iman yang kuat dengan akidah Islam yang membentuk segenap aspek kehidupannya. Dengan persiapan itu dia sanggup dan rela mengorbankan segala yang murah dan mahal serta melindungi dan membelanya dari tipu daya musuh. Dia tidak tenteram dan tidak puas hati selagi Allah tidak memberi kemenangan kepada agamanya dan tertegaknya daulah Islam di muka bumi ini untuk memainkan peraan yang diwajibkan kepadanya terhadap seluruh manusia.

Pendokong akidah yang sebeginilah yang membangunkan dan mendirikan keluarga Islam yang ideal sebagai asas pembangunan masyarakat Islam. Masyarakat Islam yang bergerak dengan dakwahnya dan menghimpunkan manusia di atasnya sebagai persediaan dasar (tapak) Islam yang kuat untuk membangunkan pemerintahan dan daulah Islam.

13.6 Adakah Cangkul Peruntuh Itu Telah Merosakkan Asas?

Ada orang menyangka bahawa persediaan rapi yang telah disediakan untuk asas bangunan itu telah diruntuhkan satu demi satu oleh kebatilan dengan segala cangkul dan kejahatannya. Oleh itu kita tidak akan dapat menyempurnakan satu bangunan dengan cara dan jalan itu. Oleh itu wajiblah kita memikirkan satu cara dan jalan yang lebih cepat, lebih praktikal serta lebih berkesan. Namun, pada hakikatnya, asas yang kuat dan teguh tidak dapat diruntuhkan oleh cangkul-cangkul batil, tetapi cangkul itu hanya akan menyentuh bahagian asas yang lemah dan pecah. Begitu jugalah cangkul batil itu dahulunya tidak dapat merosakkan Muslimin pertama yang telah terdidik di dalam madrasah Rasulullah s.a.w. dan terbentuk di dalam naungan al-Quran dan di atas bahu mereka dibangunkan daulah Islam dan pemerintah Islam yang pertama. Maka pendokong akidah yang sebenarnya bertahan seperti gunung tatkala berhadapan dengan tipu daya musuh, semoga Allah memberi rahmat kepada Imam Syahid Hassan al-Banna tatkala berkata: "Kekuatan itu adalah sebaik-baik kekuatan apabila dia bersama dengan kebenaran dan seburuk-buruk kelemahan ialah kelemahan berhadapan dengan kebatilan".

Yang sangat penting, diperhitungkan sini di jalan dakwah kita ialah, janganlah kita terlalu menumpukan seluruh usaha kita kepada berbagai-bagai peristiwa dan isu-isu semasa atau urusan-urusan yang juz'iah, atau cabang-cabang (furu'iah), lalu kita leka terhadap urusan yang maha besar, urusan Islam yang akan menyelesaikan segala urusan juz'iah.Oleh itu sangatlah perlunya kita berterusan dalam menyempurnakan marhalah ini, iaitu memantapkan dasar (tapak) yang kukuh dan asas yang kuat kerana tidak ada bangunan tanpa asas. Kita juga janganlah terdorong oleh nafsu hendak cepat mencapai hasil lalu kita lekas-lekas membuat kerja yang merosakkan yang membawa kita membuat kerja yang tidak betul dan tidak memperbaiki perbuatan kita. Kerana kita bertanggungjawab terhadap kerja-kerja kita. Kita dihisab di atas hasil. Masa itu diukur dengan umur ummah dan dakwah, bukan diukur dengan usia individu. Kelambatan sampai kepada tujuan tidak bererti salahnya harakah atau buruknya perencanaan.

13.7 Kesimpulan

Sebenarnya, tribulasi di atas jalan dakwah itu adalah sunnah-sunnah Allah dan undang-undang Allah yang mesti berlaku di dalam dakwah, bukanlah akibat dari kesalahan. Tetapi jika pera pendokong tidak terdedah kepada gangguan, bencana dan ujian, inilah yang menimbulkan keraguan sama ada salah atau betulnya jalan yang mereka lalui. Para pendokong dakwah tidak

mungkin mengelakkan diri dari berbagai-bagai gangguan, ujian dan bencana, ataupun mengurangi tekanannya atau memendekkan masanya selagi mereka berpegang teguh dengannya dan bersungguh-sungguh beramal dengannya dan untuknya. Bencana dan ujian itu bukanlah merupakan saat-saat kematian di dalam umur dakwah tetapi dia merupakan bermulanya kehidupan yang lumrah dan mesti dilalui.

Sebenarnya bahaya yang menyertai tribulasi itu, pada hakikatnya ialah satu kebaikan dan faedah yang berguna kepada dakwah, jemaah dan kepada individu-individu walaupun berupa bahaya pada zahirnya. Oleh kerana itu, ujian dan bencana ke atas dakwah adalah kekuatan yang mendorong dan bukanlah pukulan-pukulan yang mematikan dan semuanya itu adalah baik dan bukanlah bahaya. Apa yang dikehendaki Allah kepada dakwahnya adalah baik. Oleh kerana itu kita berkata: Sebenarnya inilah nikmat kurnia di dalam bentuk bencana.

Para pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah, kepada agama Allah, kepada ajaran Islam, wajiblah bertenang, tenteram, berpuas hati dan yakin bahawa mereka berjalan menurut jalan tabi'ie, di jalan yang dilalui Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya dahulu tanpa perubahan dan penukaran sentiasa di dalam Peliharaan Allah dan PerlindunganNya. Dialah yang memimpin dan meluruskan dan menolak tipu daya daripadanya:

"*Sesungguhnya Allah membela orang-orang yang telah beriman. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang khianat lagi mengingkari nikmat*". Al-Hajj: 38

"*Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong agamaNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa* ". Al-Hajj: 40

"*Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar menukar (keadaan) mereka sesudah mereka berada di dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku* ". An Nuur: 55

BAB 14

Kepercayaan (Thiqah) Terhadap Jalan

Para musafir yang melalui jalan apapun mestilah mempercayai jalan yang mereka lalui dan berpuas hati bahawa itulah jalan yang akan menyampaikan mereka kepada tujuan yang mereka maksudkan supaya mereka tidak sesat dan tidak hilang di tengah jalan. Supaya mereka terus berjalan dan tidak berganjak lantaran ragu atau kerana tidak percaya. Supaya mereka tidak berpindah ke jalan lain lalu mereka bercerai-berai mengikuti berbagai-bagai jalan.

Jalan dakwahlah yang lebih utama dipercayai kerana inilah jalan asal di mana seorang Muslim mengikat segala urusan hidupnya dan kepadanyalah dia menyerahkan segala apa yang dimilikinya sama ada harta, jiwa atau usia, fikiran dan waktu kerana di sinilah letaknya kesudahan dan masa depan yang hakiki.

Oleh kerana itu tiap-tiap Muslim sebelum melangkah jalan dakwah, wajib mengetahui tentang keselamatan jalan dakwah, mengetahui keasliannya dan dia mesti mempercayainya supaya dia tidak menghabiskan umur dan jiwa di jalan yang menyeleweng dan tidak lurus.

Jalan dakwah kita bukanlah jalan bid'ah dan bukanlah jalan yang baru, tetapi jalan Rasulullah s.a.w. di mana baginda berjalan bersama dengan sahabat-sahabat baginda di zaman dahulu. Inilah jalan yang dambil oleh Imam as-Syahid Hassan al-Banna dari sirah Rasulullah s.a.w. yang diperkenalkan kepada kita, memimpin kita kepadanya dan menetapkan segala petunjuk kepada kita dan membawa kita berjalan bersama di atasnya. Di samping itu beliau menghayatinya dengan penuha keikhlasan, kebenaran, amalan dan harakah yang berterusan yang bersungguh-sungguh untuk meneguhkan dasar (tapak) bangunan dan menyediakan batu-bata yang selamat sejahtera. Akhirnya beliau telah menemui Tuhannya dalam keadaan syahid di atas jalan dakwah semasa melakukan tugas-tugas ke arah dakwah Allah.

Mahukah kita percaya kepada satu jalan yang membawa kita kepada Allah dan kepada keredhaan Allah? Adakah tujuan yang lebih tinggi daripada Allah? Kenapa kita tidak mahu percaya kepada satu jalan yang pemimpinnya ialah Rasulullah s.a.w., bagindalah yang menjadi penunjuknya? Bagindalah sebaik-baik uswah dan contoh teladan dan begindalah penunjuk kepada sirat al-mustaqim:

"*Katakanlah: 'Inilah jalan (agamaku), aku dan orang-orang yang mengikuti mengajak kamu kepada Allah dengan hujah yang nyata'* ". Yusuf: 108

Bagaimana kita mahu percaya pada satu jalan yang dustur perlembagaannya dan manhajnya adalah kitab Allah yang tidak pernah didatangi kebatilan dari hadapan mahupun dari belakangnya dan sunnah Rasulullah s.a.w.? Satu jalan yang menjadikan jihad sebagai jalannya dan menjadikan syahid setinggi-tinggi cita-citanya?

Di sekitar kepercayaan tanpa ragu di jalan inilah, Imam Hassan al-Banna telah berkata kepada golongan pemuda: "Hai para pemuda! Di atas dasar- dasar yang tetap ini dan kepada pengajaran-pengajaran tinggi ini kami menyeru kamu semua. Maka sekiranya kamu beriman kepada fikrah kami dan kamu mengikut jejak langkah kami dan kamu bersama kami melalui jalan Islam yang hanif. Dan kamu membersihkan diri kami dari segala pemikiran yang lain daripadanya dan kamu menyerahkan segala usaha kamu untuk akidah kamu, maka inilah yang lebih baik bagi kamu di dunia dan di Akhirat. Sekiranya Allah menghendaki, Allah akan membuktikan kepada kamu apa yang telah dibuktikanNya kepada as salafus saleh di zaman Rasulullah dan para sahabat-sahabatnya.

Tiap-tiap pekerja dan petugas yang benar dari kamu akan mencapai apa yang diredhai iaitu cita-citanya di medan Islam dan merangkumi segala kegiatannya sekiranya mereka orang-orang yang benar. Dan sekiranya kamu enggan kecuali terumbang-ambing antara bimbang dan ragu maka sesungguhnya pasukan Allah akan berjalan terus tanpa mempedulikan sama ada bilangan mereka ramai atau sedikit":

"*Dan kemenangan itu hanyalah dari Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana,*" Ali Imran: 126

Sebenarnya perjalanan kita telah terdedah kepada berbagai-bagai pukulan dari musuh-

musuh Islam yang sentiasa melakukan bermacam-macam usaha yang sia-sia, untuk merosakkan, menyekat atau memesongkannya dari jalan yang benar. Ini boleh menimbulkan berbagai-bagai pertanyaan dan keraguan dari beberapa orang tentang pukulan-pukulan itu dan kesan-kesannya. Dan persoalan tentang keaslian jalan itu, kerapian tujuannya dan kebenaran caranya. Kita terangkan jawapannya di dalam artikel sebelumnya dan kita telah terangkan bahawa ujian dan bencana itu lebih menguatkan dan memurnikan dakwah dan telah menambahkan keteguhan, ketetapan dan kepercayaan di dalam jalan dakwah dan berpuas hati kepadanya. Itu semua sunnah Allah di dalam dakwah Islam. Musuh-musuh Allah telah berbuat begitu rupa terhadap angkatan Islam hanyalah semata-mata kerana keyakinan mereka bahawa angkatan Islam itulah yang menghapuskan kebatilan mereka, InsyaAllah. Dengan kemurniaan, kelengkapan, kedalaman dan ketetapan, dan dengan kesyumulannya, gerakan Islam telah menawan hati dan kepercayaan tiap-tiap orang yang ikhlas dan berminat kepada kerja dan usaha untuk Islam, lalu kita dapati generasi muda Islam menggabungkan diri dengan angkatan Islam. Mereka menyokong dan menambahkan kekuatannya dan menyuburkan hidupnya untuk mempusakai amanah yang mulia ini.

Sebenarnya harakah Islam telah mengembalikan kefahaman yang sahih dan benar serta saling melengkapi kepada Islam sebagai deen dan daulah, mashaf dan pedang, ibadah dan pimpinan dan melaksanakannya sebagai latihan ilmiah yang hidup dan mengemukakannya sebagai bentuk yang benar dari angkatan mujahiddin pada jalan Allah s.w.t. Para pejuang Islam yang berjihad pada jalan Allah yang telah menunjukkan contoh yang cemerlang berupa pengorbanan dan tebusan dalam pertempuran di Palestin. Harakah Islam sedemikian layak dipercayai dan hargai.

Sesungguhnya angkatan Islam itu terus-menerus menyerahkan ramai syuhada' di jalan dakwah yang telah mengorbankan jiwa mereka sebagai tebusan untuk dakwah Allah. Mereka yang bertahan begitu lama tanpa lemah, dakwah mereka sentiasa berada di bawah tekanan kezaliman dan penyeksaan yang dahsyat. Namun begitu mereka terus berjihad di jalan dakwah tanpa merasa hina, lemah atau lesu. Itu semua menunjukkan betapa benarnya angkatan Islam ini dan mereka lebih mengutamakan apa yang ada pada Allah daripada yang lainnya. Itulah yang menimbulkan kepercayaan pada jalan dakwah, ketenangan dan kepuasan hati betapa selamat dan sejahteranya jalan dakwah ini.

Sesungguhnya satu harakah Islam yang sentiasa mantap di dalam peredaran zaman dibuktikan oleh berbagai-bagai peristiwa tentang kebulatannya kepada Allah s.w.t., jauh dari sifat tamak haloba keduniaan, jauh dari sifat mendewa-dewakan seseorang (heroworship) atau memekik-mekik dengan nama seseorang, apatah lagi untuk menjadi boneka seseorang atau batu Ioncatan bagi satu pihak kerana ini hanya menjadikannya alat bakar Allah. Harakah Islam sedemikian sifatnya, layak dan patut dipercayai oleh orang-orang yang benar dan ikhlas, patut dipercayai di dalam perjalanan dan cara menegaskan di dalam ucapannya: "Sesungguhnya tiada kesalahan yang lebih besar daripada sangkaan setengah orang bahawa Ikhwanul Muslimin telah menjadi alat kepada satu pemerintahan di dalam satu masa atau melaksanakan satu tujuan selain dari tujuan mereka atau bekerja menurut cara yang lain dari cara mereka. Oleh itu, sama ada ahli ikhwan ataupun bukan mestilah menyedari hakikat ini".

Sesungguhnya satu harakah Islam dapat memelihara akan istiqamah dakwah Islam walaupun berada di bawah berbagai-bagai tekanan yang sangat keras, menyelamatkan dakwahnya dari sebarang penyelewengan dan mampu mengatasi berbagai rintangan untuk diwarisi oleh generasi baharu Islam dengan segala kesyumulannya dan kemurniannya tanpa pertukaran dan perubahan. Harakah Islam yang demikian itu adalah harakah yang dinaungi dan dipelihara oleh Allah, lebih dari itu mendapat sokongan dan pertolongan dari Allah:

"*Dan bahawa (yang Kami perintahkan) ini adalah jalan yang lurus maka ikutilah dia, janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalanNya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa*". Al-An'aam: 153

"*Di antara orang-orang yang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah; maka di antara mereka ada yang telah gugur dan di antara mereka ada pula yang menunggu-nunggu dan mereka sedikitpun tidak merubah (janjinya)*". Al-Ahzab: 23

Harakah Islam yang menolak sikap putus asa, yang membangkitkan harapan, yang menyalakan cita-cita di dalam jiwa para anggotanya pada khususnya dan di dalam jiwa Muslim pada umumnya mengusir cinta dunia dan takut mati dari jiwa manusia dan menunjukkan contoh-contoh amal yang praktikal. Harakah Islam sedemikian wajiblah dipercayai dan disokong oleh setiap muslim yang mempunyai sikap ghairah dan sifat cemburu.

14.1 Di dalam Pengertian Ini Imam As-Syahid Berkata

"Hai Ikhwanul Muslimin. Janganlah berputus asa, kerana putus asa itu bukan dari akhlak Muslim. Hakikat kenyataan hari ini adalah impian semalam dan mimpi hari ini menjadi hakikat dan kenyataan dari esok dan waktu masih banyak. Anasir kekuatan sentiasa berada dalam jiwa rakyat kamu yang beriman walau bagaimana besar pun kekuasaan dan kenyataan kerosakan dan kebatilan. Orang-orang yang lemah tidak akan menjadi lemah untuk seumur hidup dan orang yang kuat tidak akan kekal kekuatannya selama-lamanya:

"*Dan Kami hendak memberi kurnia kepada orang-orang yang tertindas (di bumi Mesir) itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (bumi) dan Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi*". Al-Qasas: 5-6

Dan beliau berkata lagi:

"Hai para pemuda tidaklah kamu lebih dari orang-orang sebelum kamu yang telah di bantu oleh Allah untuk merealisasikan manhaj ini, manhaj Islam. Oleh kerana itu janganlah kamu merasa hina dan lemah dan tetapkanlah di hadapan mata kamu firman Allah Taala:

"*Iaitu orang-orang yang (mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang-orang yang menyatakan: "Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka", maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung". Maka mereka kembali dengan nikmat Allah dan kurnianya. Mereka tidak mendapat sebarang bencana, mereka mengikuti keredhaan Allah. Dan Allah mempunyai kurnia yang benar". Sesungguhnya mereka tidak lain hanyalah syaitan yang menakut-nakutkan (kamu) dengan kawan-kawannya (orang-orang musyrik Quraisy), kerana itu janganlah kamu takut kepada mereka tapi takutlah kepada Ku, jika kamu benar-benar orang-orang yang beriman*".

Ali-Imran: 173-175

Sebahagian dari perkara yang memperkuatkan (thiqah) kepercayaan pada jalan dakwah ialah keperluan dunia hari ini kepada dakwah Islamiah. Supaya Islam dan dakwahnya menyelamatkan dunia dari kecelakaan dan kebingungan setelah gagalnya seluruh sistem hidup, cara hidup rekaan manusia dan pegangan hidup keduniaan dan kebendaan dalam memberikan kebahagiaan kepada manusia dan kegagalannya dalam merealisasikan keamanan dan kesentosaan kepada manusia.

Boleh jadi perlaksanaan cara hidup keduniaan dan kebendaan yang dilaksanakan oleh sebahagian dari negeri-negeri kita telah meninggalkan pahit maungnya. Ini menunjukkan dan menguatkan lagi bahawa tidak ada keselamatan dan tidak ada kelepasan dari bencana dan bahaya kecuali kembali semula kepada tariqud dakwah, kepada jalan dakwah Islam, kepada jalan Allah untuk menjadikan al-Quran sebagai hakim dan melaksanakan syariatnya.

Demikianlah kita dapati bahawa sesungguhnya berbagai-bagai rintangan dan halangan yang dihadapi oleh dakwah kita, maka kekuatan dakwah kita dan kemuliaan tujuan kita, hajat dunia kepadanya dan pertolongan Allah kepada kita, itu merupakan faktor-faktor kejayaan yang tidak boleh ditahan apabila berhadapan dengan sebarang rintangan dan tidak ada satupun halangan yang menyekat jalannya:

Dan Allah berkuasa terhadap urusanNya tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya,"

Yusuf:21

Kepada para pemuda yang haus kepada kemuliaan yang kuat, kepada ummah yang kebingungan di persimpangan jalan, kepada pewaris darah merah yang telah melukiskan tanda-tanda kebanggaan di dahi zaman, kepada tiap-tiap Muslim yang beriman dengan kepimpinannya di dunia dan kebahagiaan di akhirat, kepada orang yang menyerahkan jiwanya di hadapan Tuhannya, maka di sinilah hidayah dan pemimpin, di sinilah keseronokan perngorbanan, kelazatan jihad di bawah bendera penghulu sekelian Nabi, dan di atas jalan dakwah.

BAB 15

Lima Puluh Tahun Di Atas Jalan

Lima puluh tahun yang silam Imam as-Syahid Hassan al-Banna memulakan perjalanan dakwah Islam dengan keazaman dan kejelasan. Di waktu itu beliau masih muda remaja. Beliau melalui jalan dakwah Islam selama lebih dua puluh tahun. Beliau terus beramal, berusaha dan berjihad. Beliau tidak pernah tenang di atas pembaringannya dan tidak pernah nyenyak tidur tetapi beliau terus menyeru, mendidik, mempersaudarakan Ikhwanul Muslimin, mengatur, mengorganisasi, berjihad dan berjuang pada jalan Allah hingga beliau menemui Tuhannya sebagai syahid di atas jalan dakwah. Beliau menepati apa yang telah dijanjikannya kepada Allah. Berterusanlah perjalanan dakwah setelah syahidnya beliau di atas jalan dakwah dengan taufik dan pertolongan Allah tanpa pertukaran dan perubahan, tanpa lemah dan lesu walau bagaimana hebat pun pukulan yang jahat dan kejam dari musuh-musuh Islam dan musuh dakwah Islam untuk merosakkan atau menghapuskan dakwah ini atau untuk memesongkan matlamatnya. Allah telah meruntuhkan tipu daya musuh-musuh itu dan Allah menetapkan iman orang-orang mukmin dan mengambil dari mereka beberapa banyak syuhada. Malah dakwah masih bertambah teguh dan berkembang terus dan benarlah Allah yang Maha Agung tatkala berfirman yang bermaksud:

"*Dari tatkala orang-orang Mukmin melihat golongan-golongan yang bersekutu itu, mereka berkata: 'Inilah yang dijanjikan Allah dan rasulNya kepada kita'. Dan benarlah Allah dan RasulNya. Dan yang demikian itu tidaklah menambah kepada mereka kecuali iman dan ketundukan. Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati janji mereka kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur; dan di antara mereka ada pula yang menunggu-nunggu dan mereka sedikitpun tidak merubah (janjinya) supaya Allah memberikan balasan kepada orang-orang yang benar itu kerana kebenarannya, dan menyiksa orang menafik jika dikhendakinya, atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang*". AlAhzab:22-24

15.1 Beberapa Petunjuk Di atas Jalan

Imam as-Syahid rahimahullah telah menjelaskan di dalam tulisan-tulisannya, di dalam risalah-risalah dan di dalam ceramah-ceramah beberapa petunjuk jalan dan pengukuhan di atasnya dan perlunya kita beriltizam dengannya tanpa menyalahinya. Dan menerangkan bahawa itulah jalan Rasulullah s.a.w., jalan para sahabat r.a. dan jalan salafussoleh yang diredhai Allah s.w.t. Beliau bersungguh-sungguh menjauhkannya dari taksub mazhab atau dari penyelewengan fikrah yang menyebabkan timbulnya perpecahan yang boleh menggugat persatuan Muslim dan menjadikan mereka berpuak-puak dan bergolongan-golongan. Beliau menegaskan dengan begitu jelas bahawa kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. merupakan dua sumber pengambilan kita, mata air kita dan kepadanya kita merujuk dalam segala urusan kita.

Beliau menyuruh kita berjaga-jaga dan berwaspada dari perbuatan kafir mengkafir berpuluh-puluh tahun sebelum munculnya pemikiran seperti ini. Penekanannya adalah serupa juga supaya kita berwaspada dari penyelewengan harakiah seperti terburu-buru untuk memetik buah sebelum masaknya. Beliau menerangkan betapa bahayanya sikap sedemikian, juga beliau menerangkan bahawa jalan ini adalah susah dan panjang, tetapi tidak ada jalan lain selain itu dan ia memerlukan kesabaran dan mujahadah (berjuang melawan hawa nafsu) di samping memperdalam kefahaman, pembentukan yang rapi dan amal yang berterusan.

Imam as-Syahid itu juga telah menegaskan bagaimana perlunya kita beriltizam di atas manhaj tarbiah dan mempersiapkan individu muslim sebagai pendokong akidah dan menjauhi cara-cara parti politik (yang bukan Islam) tetapi menumpukan seluruh tenaga untuk beramal dan menjauhi perdebatan, pertengkaran dan bantah membantah yang membuang masa dan mematikan kesungguhan dan kadang-kadang menyakitkan hati. Beliau sentiasa berpesan kepada kita tentang ukhuwwah supaya memperkuatkan ikatan dan cinta kerana Allah dan pada Allah.

Beliau mendorong para petugas di bidang dakwah Islam supaya mereka tolong-menolong dan menyelaraskan segala usaha untuk dakwah Islam. Perbezaan pendapat dalam perkara furu'iah tidakboleh dijadikan penghalang untuk tolong-menolong selagi kita bersatu di dalam urusan pokok

dan dasar. Alhamdulillah selama ini kita tetap bersikap demikian dalam dasar dan banyak masalah cabang.

Beliau sentiasa menegaskan bahawa jamaah Ikhwan di atas jalan dakwahnya akan terdedah kepada berbagai-bagai ujian dan bencana, sepuluh tahun sebelum terjadinya ujian dan bencana itu. la telah menjadi sunnah Allah di dalam dakwah. Beliau berkata: "Boleh jadi ujian itu lama untuk kamu maka adakah kamu bertahan?".

Dia juga menunggu dan menjangka bahawa pimpinan manusia yang dimainkan peranannya oleh barat yang kebendaan itu setelah tersasul dan terhuyung-hayang di dalam kebingungannya akan kembali semula ke timur Islam di tangan tentera iman yang kuat dan teguh sehingga tidak ada lagi fitnah dan gangguan dan agama itu seluruhnya bagi Allah.

15.2 Faktor Zaman

Ada orang yang memandang dengan pandangan dangkal dan terburu-buru dan bertanya: "Kenapa belum terlihat lagi hasil yang diharapkan dari perubahan realiti yang rosak dan penegakan bangunan Islam walaupun telah begitu lama masanya? Sampai bilakah marhalah tarbiah dan penyedaran itu berterusan atau adakah telah terjadi penyelewengan dari jalan, lalu tidak sampai kepada tujuan yang diharapkan?

Untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut dan untuk perkara itu, maka lebih dahulu saya berkata bahawa faktor zaman tidak dapat diukur dengan umur individu, tetapi diukur dengan umur ummah dan dakwah.

Umur dakwah Islam sekarang ini sudah lebih empat belas abad dari zaman itu. Sekiranya kita pandang, kita akan dapati bahawa kedudukan pemerintahan Islam pernah sampai ke kemuncak keagungannya, telah mula surut dan mundur semenjak beberapa abad yang lalu. Bermula dari hilangnya negara Islam dari Andalusia dan terus-menerus surut dan turun sehingga tiba darjat yang paling kecil dan sampai kepada keadaan yang paling lemah dengan tumbangnya pemerintahan Turki Uthmaniah pada tahun 1942. Untuk mengulang kembali pemerintahan Islam sejagat, kita akan merasa lama jika ia memakan masa satu abad untuknya. Kita merasa gembira melihat dan mendengar berita-berita yang menggembirakan tentang timbulnya kembali kesedaran Islam yang nampak nyata semenjak sepuluh tahun yang lalu terutamanya di kalangan angkatan muda Muslim. Kita melihat semula kebangkitan Islam dan suara-suara Islam itu setelah nyenyak tidur. Itu dipandang sebagai alamat baik.

Seolah-olah Allah Taala telah mengizinkan setelah jatuhnya khilafah Islam di Turki itu bangunnya jamaah Ikhwanul Muslim dalam tahun 1928 sebagai permulaan kebangkitan kembali atau kebangkitan Islam yang meliputi seluruh dunia, satu negara Islam global yang baru. Oleh kerana itu kita dapati Imam as-Syahid Hassan Al-Banna rahimahullah tidak menganggap Ikhwanul Muslimin sebagai jamaah atau jama'iyah, tetapi mereka merupakan roh baru, jiwa baru mencabar dalam tubuh ummah ini lalu memperbaharui hidupnya.

15.3 Tabiat Marhalah Ini

Peringkat ini dalam sejarah dakwah Islam adalah merupakan peringkat perletakan batu asas untuk pembangunan dakwah Islam, pembangunan pemerintahan Islam yang dicita-citakan. Inilah peringkat yang paling penting dan paling susah berbanding peringkat lain walaupun belum lahir dan belum muncul bentuk bangunan yang nyata, urusannya sama juga dengan asas atau konkrit mana-mana bangunan. Berapa besar dan tingginya yang dikehendaki tentu memerlukan asas, waktu dan usaha yang seimbang dengan bangunan yang dikehendaki. Apabila asas dan teras itu telah kuat dan teguh maka bangunan itu akan bertahan dan menjadi tinggi seimbang dengan kekuatan asasnya hingga tidak dapat dirobohkan oleh cangkul pihak yang batil yang hendak merosakkannya.

Asas dan dasar yang kuat dan teguh itu akan menetapkan dan mengukuhkan bangunan itu walau bagaimana tinggi pun bangunan itu.

Inilah dasar yang pokok, sebagai perumpamaan di dalam pembentukan generasi mukmin yang bulat kepada Islam yang dikuasai oleh akidah Islam yang menguasai hidupnya, seluruh tenaga dan kemampuannya diserahkan kepada akidah Islam. Dia bekerja dan beramal untuk akidah Islam dan melindungi serta menjadikan hidup manusia dikuasai oleh akidah Islam sehinggalah kalimah Allah menjadi tinggi menjulang dan kalimah kufur menjadi rendah dan jatuh tersungkur.

Itulah dia marhalah sekarang, merupakan peringkat usaha dan kesusahan, walaupun bangunan belum nyata dan belum muncul lagi dan pemerintahan Islam belum lahir di alam nyata. Adapun menentukan bila ia akan lahir dan bilakah waktu berangkat ke sana, maka itu terserahlah kepada Allah. Dialah yang akan menentukan menurut kudrat dan IradatNya. Dialah Maha

Mengetahui dan HikmahNya menentukan masanya.

Kita hanya perlu beristiqamah di atas jalan dakwah dan mengorbankan segala kemampuan untuknya, wajib bekerja dan beramal dengan ikhlas kerana Allah s.w.t semata-mata, kerana sesungguhnya Allah menuntut kita beramal dan berusaha dan kita tidak dituntut untuk melahirkan hasilnya atau buahnya:

"*Dan katakanlah: 'Bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNYa serta orang-orang Mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah). Yang Mengetahui yang jjaib dan nyata lalu diberitakan kepada kamu apa yang telah i»u kerjakan*". AtTaubah: 105

Sesungguhnya angkatan Islam dan dakwah Islam zaman ini telah melaksanakan beberapa banyak rancangan yang penting di bidang dakwah Islam Kita hanya dapat mengetahui dan merasainya apabila membandingkannya dengan suasana sebelum bermulanya jamaah ini dengan apa yang dibuatnya dari berbagai perubahan-perubahan yang dasar dan menyeluruh (jauhariah) di dalam pelbagai bidang kerja Islam. Kita alan kembali menerangkan apakah rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan itu. InsyaAllah.

15.4 Zaman Ini Kepentingan Dakwah Islam

Walaupun ufuk ini dipenuhi dengan kezaliman, kegelapan, kejahilan, kemaratan batil, pendokong-pendokong kebenaran ditindas dan ditekan, namun zaman ini, dengan izin Allah berada di sepanjang dakwah untuk kepentingan dakwah Islam kerana kesedaran dan kebangkitan Islam yang telah mttla menjalar di setiap nadi dunia Islam. Ini disertai pula oleh kemusnahan akhlak dari bangsa-bangsa yang bukan Islam terutamanya di kalangan murid-muridnya, jiwa muda-mudi mereka yang disebabkan oleh baflgkrapnya akidah dan aliran tauhid mereka dalam memberi bahagia, ketenangan dan keamanan jiwa kepada mereka.

Sesungguhnya Allah telah mengkehendaki bahawa kebahagiaan dan ketenteranian yang dicita-citakan itu tidak akan tercapai kecuali dengan beriman kepada Allah s.w.t dam mendapat hidayah dengan nur iman:

"*Dan apakah orang sudah mati kemudian dia Kami hidupkan dan Kami berikan kepadanya cahaya yang terang, yang dengan cahaya itu dia dapat berjalan di tengah-tengah masyarakat manusia, serupa dengan orang yang keadaannya berada di dalam gelap gelita yang sekali-kali tidak dapat keluar daripadanya*".

Al-An'aam: 122

Hari itu, saat bahagia yang ditunggu oleh manusia tidak akan lahir dan tidak sempuma kecuali dengan akidah Islam. Itulah agama ang benar yang diterima Allah:

"*Sesungguhnya addeen, cara hidup yang diterima Allah hanyalah Islam*" Ali lmran:19

Kemanusiaan tidak akan selama-lamanya sabar dengan kecelakaan, kemusnahan dan koyak rabak jiwanya seperti apa yang dialaminya zaman dulu. Tetapi manusia akan berusaha sungguh sungguh mencari penyelamat dan dia tidak akan menemuinya kecuali di dalam Islam. Jadi angkatan Islam yang menjadi pelopor dan pemimpin perlu menghapuskan segala tabir yang dibina oleh musuh-musuh Islam antara manusia dan agama ini. Musuh-musuh dan dakwah Islam itu memburuk-burukkan Islam dan melarikan manusia daripadanya Demikian juga tembok yang dibina oleh Muslimin itu sendiri. Dengan kemunduran mereka dan jauhnya realiti hidup mereka dari Islam Oleh kerana itu kita berkewajipan menunjukkan teladan yang baik yang terdidik di atas jalan dakwah. Kita bentangkan Islam kepada orang orang yang bukan Islam dengan pembentangan yang sebaik-baiknya dan mendedahkan segala pendustaan musuh-musuh Islam yang dilemparkan kepada Islam.

Perbuatan demikian dapat mempengaruhi manusia untuk meminati Islam dan terus memasukinya seperti keadaannya orang-orang yang haus di tengah-tengah padang pasir yang kering kontang. Apabila mereka menemui mata air yang tawar lalu mereka menghadap kepadanya dan sebahagian daripada mereka menunjuki sebahagiannya terhadap mataair tersebut lalu waktu itu segala sistem hidup mereka dan pemimpin-pemimpin agama mereka tidak mampu lagi bertahan bila berhadapan dengan keinginan mereka yang mendesak pada mata air itu.

15.5 Peta Dunia Akidah

Seperkara yang menguatkan lagi pandangan dan harapan kita untuk kemenangan Islam dan dakwahnya, ialah apabila kita perhatikan akidah di dunia ini semenjak lima puluh tahun yang lalu. Kita pilih warna hijau untuk Islam, warna kuning untuk agama Kristian warna biru untuk agama Buddha, warna merah untuk komunis dan seterusnya kemudian kita lukiskan perbandingannya pada hari ini. Kita akan dapati satu perubahan yang nyata dan ketara. Kita dapati warna hijau itu, sungguhpun muslim itu lemah, telah bertambah luas daerahnya terutamanya di Afrika. Itulah

kekuatan Islam yang sejati kerana Islam adalah agama fitrah yang sesuai dengan tabiat manusia. Kita dapati warna kuning telah bingung dan sebahagian darinya telah bertukar kepada kepada warna merah atau warna hijau. Demikian juga warna biru telah berubah kepada warna merah. Kita perlu tahu bahawa komunis itu walaupun nyata di zaman ini berkembang dan mendapat tanah yang baharu, tetapi dia adalah pendatang baru dan dia tidak dapat bertahan lama kerana dia bertentangan dengan sunnatullah, fitrah manusia yang cinta kepada agama dan cinta kepada pemiliknya. Komunis itu tidak dapat bertahan lama apabila berhadapan dengan kecenderungan fitrah itu.

Pihak komunis menggunakan besi dan api untuk memaksa manusia mengikut kehendaknya. Walaupun demikian, sejak kebelakangan ini mereka telah meninggalkan berapa banyak dasarnya. InsyaAllah, mereka akan berundur terus pada realitinya dan wujudnya dan masa hadapan adalah untuk Islam yang hak itu, agama yang diredhai Allah s.w.t untuk makhlukNya.

"*Pada hari iniKu sempurnakan bagimu agamamu dan Aku sempurnakan nikmatKu kepadamu dan Aku redha Islam itu sebagai ad deen bagi kamu* ". Al-Ma'idah: 3

15.6 Rintangan Yang Hebat

Pun begitu kita perlulah sedar bahawa perubahan yang diharapkan itu tidak akan terjadi dengan mudah, tetapi perubahan itu adalah hasil dari pertentangan yang hebat dan keras di antara yang hak dengan yang batil:

"*Demikianlah Allah membuat perumpamaan bagi yang benar dan yang batil adapun buih itu akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya; adapun yang memberi kebaikan kepada manusia, maka dia tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan* ". Ar-Ra'ad: 17

Kita hendaklah percaya kepada bantuan Allah. Hendaklah kita percaya kepada agama kita bahawa inilah agama yang hak, agama yang benar. Hendaklah kita percaya pada jalan dakwah Islam, inilah jalan Rasulullah s.a.w. Marilah kita percaya bahawa masa depan adalah untuk Islam. Marilah kita percaya pada diri kita, marilah kita beramal dan berusaha terus hingga terbukti janji Allah:

"*Adalah menjadi kewajipan Kami menolong orang-orang yang beriman."* Ar-Rum:47

BAB 16

Pertanyaan Dari Angkatan Muda,Tugas Apakah Perlu Kita Lakukan Sekarang?

Ramai dari kalangan angkatan muda tertanya-tanya tugas apakah yang dituntut dari kita sekarang setelah kita thiqah (percaya) pada jalan dakwah supaya waktu dan usaha kita tidak hilang sia-sia di dalam perkara yang tidak berfaedah.

Kita merasa bahagia dan bangga dengan semangat begini, kerana jiwa yang demikian menunjukkan sikap positif yang dipunyai oleh beberapa ramai putera puteri kita kita yang muslim. Kita menghargai dan berbangga dengan mereka kerana mereka meminati Islam dan melibatkan diri mereka dengan bekerja untuk Islam dalam menentang kebatilan walaupun mereka telah mendengar dan membaca apa yang terjadi ke atas saudara-saudara mereka yang telah mendahului mereka di atas jalan dakwah ini.

"*Mereka tidak menjadi lemah kerana yang menimpa mereka di jalan Allah, dan tidak lesu dan tidak pula menyerah (kepada musuh)*". Alilmran:146

Sebelum saya menjawab soalan ini, saya perlu mengingatkan supaya kita kembali mengingati apa yang telah disentuh terlebih dahulu tentang penentuan objektif-objektif yang ingin kita capai dan merealisasikannya, menentukan berbagai-bagai peringkat jalan, penyelewengan dan rintangan-rintangan, dan apa yang telah kita terangkan berkenaan dengan tabiat peringkat yang kita sedang lalui sekarang.

16.1 Tabiat Marhalah Ini

Sesungguhnya kita sedang berada di dalam peringkat meneguhkan dasar (tapak) mukmin yang di atasnya nanti akan kita bangunkan daulah Islam. Dasar itu kemudiannya akan menjelma di dalam diri individu muslim para pendokong akidah; keluarga Islam yang menjelmakan dan menterjemahkan Islam di dalam ramahtangganya dan beriltizam dengan segala ajaran dan pendapat umum Islam yang sedar, atau masyarakat Islam. Inilah tiga lapangan: iaitu individu, rumahtangga dan masyarakat, itulah bidang kerja yang sangat penting diusahakan sekarang. Inilah asas yang kuat untuk pembangunan Islam yang agung. Syiar kita, cogan kata pada peringkat ini ialah "perbaiki dirimu dahulu dan kemudian serulah orang lain". Ini adalah dua tuntutan yang pokok dan penting di dalam lapan perkataan sahaja tetapi kesimpulan amal dan asasnya, pencapaian menegak (vertical): Perbaiki dirimu dan pencapaian melintang (horizontal): Serulah orang lain. Sesungguhnya ia telah menjadi sunnah Allah, tidak akan merubah di dalam makhluknya:

"*Sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri*". ArRa'd: 11

Itulah realiti yang telah rosak, kecelakaan dan kesempitan, kemusnahan dan kebinasaan yang dialami manusia zaman ini. Ia tidak akan berubah kecuali apabila kita merubah apa yang ada pada diri kita di samping beriltizam dengan jalan Allah.

16.2 Banyak dan Sedikit

Sesungguhnya bilangan muslim hari ini sungguh ramai sekali, tetapi mutunya rendah. Kita kekurangan pendokong-pendokong akidah yang mempunyai peribadi mukmin yang kuat yang berpengaruh yang mampu merubah realiti yang rosak dan merosakkan, yang mampu merubah kenyataan yang buruk, yang mampu membangunkan umat Islam yang baik. Saya teringat kata-kata hikmat dari Imam Hassan al-Hudaibi, "Tegakkanlah daulah Islam dalam hati kamu supaya daulah Islam tegak di bumi kamu". Inilah bentuk dan mutu laki-laki akidah, mutu yang terbentuk di dalam madrasah Rasululiah s.a.w., terbentuk di bawah naungan Al-Quran dan terus bertambah baik melalui dakwah menyeru manusia kepada agama Allah, mempersaudarakan mereka pada jalan Allah yang terikat dengan ikatan akidah Islam dan inilah ufuk ikatan. Akhirnya madrasah Rasululiah s.a.w. itu berjaya membentuk peribadi muslim di kalangan sahabatnya dengan pertolongan dan ketentuan Allah dan mereka terus membangunkan daulah Islam, negara Islam yang agung.

Di atas jalan itulah kta mesti berjalan, terdidik dan terbentuk bawah naungan al-Quran dan sunnah Rasululiah s.a.w. dan di atas jalan inilah kita seru manusia pada jalan Allah, di atasnyalah kita bersaudara dan bersatu.

16.3 Perbaiki Diri

Memperbaiki diri, itulah langkah pertama, kerana kekuatan yang lazim dan perlu untuk memenangkan yang hak dan mengalahkan yang batil tersimpul di dalam tiga bentuk menurut susunan yang berikut: kekuatan iman, kekuatan persatuan dan kekuatan tangan dan senjata. Inilah dia susunan kekuatan yang telah dilalui dan telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai satu manhaj yang mesti dilalui oleh setiap generasi Islam sepanjang zaman. Inilah manhaj yang mesti kata lalui. Adalah merbahaya apabila digunakan kekuatan untuk merubah realiti yang batil sebelum dapat dibuktikan dan direalisasikan kekuatan iman dan kekuatan persatuan. Oleh kerana itu kita mestilah selalu mengingatkan diri kita agar sentiasa mengawasi setiap arahan dan tindakan yang menyalahi susunan dan tertib ini dalam berbagai-bagai peringkat kerja, usaha dan persiapan yang boleh membahayalcan amal Islami supaya usaha tidak menjadi sia-sia dan jiwa manusia tidak terkorban pada tempat dan waktu yang tidak sesuai.

Silaplah anggapan bahawa Rasululiah s.a.w., pada permulaan dakwah, telah melupakan jihad dan persediaannya, semata-mata kerana baginda tidak melibatkan diri di dalam jihad pada masa permulaan dakwahnya. Sebenarnya pada waktu itu baginda menyediakan dasar (tapak) iman dan tangan-tangan mukmin yang akan muncul senjata pada waktunya supaya dia akan berjihad dengannya tanpa lemah dan ragu-ragu dan mengorbankan jiwa dengan murahnya pada jalan Allan. Perjanjian Aqabah (Bai'atul Aqabah 2) menjelang hijrah Rasulullah ke Madinah menjadi bukti yang baik yang membuktikan ke atas pengetahuan Rasulullah s.a.w bahawa akan datang masanya yang baginda mesti melaksanakan jihad pada waktu tersebut. Oleh itu, salah satu daripada kandungan bai'ah dan perjanjian itu lalah bahawa pinalc Ansar mesti melindungi Rasulullah (j.a.w. sebagaimana mereka melindungi isteri-isteri dan anak-anak mereka.

Adalah salah anggapan yang menyangka bahawa Ikhwanul Muslimin telah melupakan aspek jihad semata-mata kerana mereka tidak melibatkan diri mereka di dalam peringkat pembentukan itu. Bagaimana mereka boleh melupakannya padahal jihad itu adalah satu rukun dari rukun-rukun bai'ah mereka dan Imam as-Syahid Hassan al-Banna telah menulis risalah berkenaan dengan jihad. Malah syiar mereka: "jihad itu jalan kami dan kami mati pada jalan Allan setinggi-tinggi cita-cita kami". Jihad mereka tidak hanya terbatas kepada lisan dan tulisan sahaja, bahkan mereka melaksanakan jihad secara amal praktikal di medan-medan pertempuran, contohnya di dalam pertempuran Palestin dan mereka telah menunjukkan teladan yang paling istimewa yang menakutkan musuh-musuh mereka di Palestin dan Terusan Suez. Akhirnya mereka telah menghantar beberapa banyak syuhada di dalam pertempuran tersebut.

Boleh jadi ada orang yang menyangka (khasnya golongan pemuda yang sungguh-sungguh bersemangat) bahawa mereka tidak akan mendapat ganjaran dan pahala dari Allah di atas usaha dan mujahadan yang mereka lakukan sekiranya kemenangan dan kekuasaan Islam itu tidak tercapai di tangan mereka dan di masa hidup mereka. Sangkaan sedemikian mendorong mereka untuk terburu-buru mempercepatkan kemenangan walaupun terpaksa mengabaikan persiapan yang rapi dan tertib langkah-langkah perjuangan. Ini adalah pemikiran yang salah. Sebelum ini kita telah menyebutkan bahawa kita hanya bertanggungjawab membuat kerja dan memperbaiki kerja dan usaha kita, mengikhlaskan niat kita dan bekerja dengan niat yang sebenar, tetapi kita tidak bertanggungjawab akan hasilnya. Sebagaimana kita menyebut juga bahawa zaman itu diukur menurut umur ummah dan dakwah, bukan diukur menurut umur individu-individu.

Adalah tidak keterlaluan jika kita katakan sesiapapun mudah membuat sesuatu kerja dan mengorbankan hidupnya kerana Allah, tetapi untuk menundukkan nafsu dan melatih akhlak-akhlak dan adab-adab Islam di dalam diri adalah amat susah dan payah sekali.

Untuk merealisasikan cita-cita yang kita hendak capai, kita memerlukan kepada jiwa-jiwa besar yang mempunyai kemahuan yang keras, yang mempunyai kesetiaan yang tetap dan tahan, yang mempunyai iman yang benar, yang mampu dan rela memberikan pengorbanan yang banyak. Di dalam pengertian inilah Imam as- Syahid berkata di dalam tajuk "Dari Mana Kita Mulakan".

"Sesungguhnya membentuk umat-umat dan mendidik bangsa-bangsa, mencapai cita-cita, menolong pegangan hidup, memerlukan ummah yang menghendaki demikian atau sekurang-kurangnya golongan yang menyeru kepadanya, memerlukan kekuatan jiwa yang besar yang tergambar di dalam beberapa perkara: kekuatan kemahuan yang tidak mengenal kelemahan, kesetiaan yang tetap dan tidak mengenal kepura-puraan dan pengkhianatan, pengorbanan yang

banyak yang tidak dapat dihalang oleh ketamakan dan kebakhilan, makrifah dengan prinsip pegangan hidup dan percaya kepadanya dan menghargainya dan memelihara dari kesalahan, penyelewengan dan apologetik di atasnya ataupun terpedaya dengan yang lainnya. Di atas kekuatan jiwa yang agung inilah dibangunkan pegangan hidup dan dididik ummah yang baharu bangun. Di atasnya juga dibentuk bangsa-bangsa yang muda dan diberi nafas kehidupan di kalangan rakyat yang telah lama dinafikan hak-hak kehidupan. Tiap-tiap bangsa yang tidak mempunyai empat sifat ini ataupun sekurang-kurangnya tidak mempunyai pemimpin-pemimpin dan penyeru-penyeru yang memperbaikinya, inilah bangsa yang sia-sia dan miskin, bangsa yang tidak akan sampai kepada kebaikan dan tidak dapat mencapai satu cita-cita. Bangsa yang demikian hanya hidup di dalam mimpi, sangkaan dan waham:

"*Sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran*". Yunus: 36

Dari sinilah kita tahu bagaimana pentingnya memperbaiki diri sendiri dan peranannya yang asasi di dalam jalan dakwah dan merealisasikan segala cita-cita supaya kita mengambil dan mempergunakan berbagai-bagai sebab untuk memperbaikinya dengan kekuatan dan penuh kepuasan walaupun kita terpaksa memikul bebanan yang berat, menggunakan usaha, waktu, sabar dan menyabarkan, mengoreksi, muhasabah dan muraja'ah.

Nafsu itu seperti kanak-kanak, sekiranya ia dibiarkan, ia akan terus membesar dengan mencintai susu, tetapi apabila anda pisahkan dia dari menyusu, dia akan berhenti menyusu. Tidak syak lagi bahawa membangunkan insan lebih susah daripada mendirikan kilang dan bangunan.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah membentuk insan yang soleh. Tanpa mereka tidak mungkin dilaksanakan satu kebaikan dan peningkatan kerana sesungguhnya Allah tidak akan memperbaiki amal usaha orang-orang yang rosak, orang yang sabar menentang nafsu mereka dan tidak sabar mendidik diri mereka, meragui jalan tarbiah, dan mempersiapkan diri mereka lalu menghiasi diri mereka dan orang lain dengan mengambil jalan pendek, menggunakan kekuatan sebelum tiba masanya, kerana pendapat dan tindakan yang demikian adalah merbahaya.

16.4 Individu Muslim yang Kita Kehendaki

Berbicara tentang memperbaiki diri, kita perlu mengemukakan contoh yang selamat dan sejahtera bagi individu Muslim dan berbagai-bagai jurusan yang menyempurnakan peribadi Muslimnya. Kemudian kita sentuh berbagai-bagai wasilah dan cara yang mungkin yang dapat mengubah realiti yang rendah dan yang sedang berkuasa kepada satu dihuraikan dalam satu atau dua artikel. Jadi untuk mengetahui lebih lanjut perlulah kita merujuk kepada buku-buku, risalah-risalah, dan majalah-majalah yang telah menghurai dan mengkaji aspek-aspek terseut.

Kita memerlukan individu Muslim, pendokong akidah yang sahih dan murni dari sebarang percampuran, pendokong ibadah yang sahih lahir dan batin, yang mempunyai akhlak yang teguh yang diambil dari al-Quran dan Sunnah Rasul s.a.w yang mempunyai pendidikan dan pemikiran yang sesuai dengan pimpinan amal Islami, yang mempunyai tubuh yang kuat dan mampu memikul berbagai tugas, amal dan jihad. Kita mahukan Muslim yang bermujahadah dengan dirinya dan memerangi nafsunya, yang berguna kepada orang lain, yang menjaga waktunya, yang mampu mengatur segala urusannya dan mampu berusaha dan berdikari.

Inilah sebahagian dari tanda-tanda contoh yang kita kehendaki dan inilah aspek memperbaiki diri yang akan saya sentuh dengan serba ringkas.

16.5 Akidah Islam

Kita mahukan akidah Islam yang sahih menurut akidah salafussoleh, akidah para sahabat Rasulullah s.a.w dan para pengikut mereka yang jauh dari bida'ah dan khurafat karut marut. Akidah yang telah membentuk generasi Muslim yang pertama. Akidah inilah yang menguasai perasaan dan pemikiran dan menguasai setiap urusan hidup mereka, memancarkan kemampuan amal yang sungguh-sungguh di dalam diri mereka. Akidah tauhid yang sejati ini memenuhi hati makhlukNya dengan Nur iman dan dengannya dia berjalan di atas sirat al-mustaqim.

"*Dan apakah orang yang sudah mati kemudian dia Kami hidupkan dan Kami berikan kepadanya cahaya yang terang, yang dengan cahaya itu dia dapat berjalan di tengah-tengah masyarakat manusia, serupa dengan orang yang keadaannya berada di dalam gelap gelita yang sekali-kali tidak dapat keluar daripadanya* ".Al-An'aam: 122

Kita mahu pendokong akidah yang sejahtera sedar bahawa dia adalah sesuatu yang agung di dalam hidup ini, menginsafi bahawa dia mempunyai satu risalah yang penting, bahawa dia hidup dengannya dan hidup kerananya. Dirinya bukanlah barang yang remeh dan terbiar seperti seekor kambing atau persis satu alat, tetapi dia merasai dirinya kuat dan mulia kerana dia bersandar

kepada Allah yang Maha Kuat Perkasa. Apabila kita memperkatakan akidah tauhid di sini, bukanlah ilmu tauhid yang membawa pendokongnya hanya berkisar di daerah ilmu kalam dan perdebatan melulu. Semoga Allah memberi berkat kepada pujangga Iqbal tatkala berkata: "Tauhid itu dahulu satu kekuatan di antara manusia. Tetapi sekarang telah menjadi tauhid ilmu kalam". Kita menghendaki pendokong akidah yang sejahtera, yang beriman kepada Allah, malaikat, rasul-rasul Allah, hari Akhirat dan beriman kepada qada dan qadar, baik buruknya dari Allah.

Iman yang teguh dan tidak goncang apabila berhadapan dengan apa jua tekanan dan pengaburan mata yang membawa keraguan.

Kita menghendaki akidah salimah yang memberikan kepada pendokongnya hati yang mukmin yang mencintai Allah s.w.t. sama ada di waktu rahsia dan terang, di waktu marah dan redha dan dalam apa jua keadaan kerana semata-mata berharap kepada rahmat kurnia Allah dan keredhaanNya serta kerana takutkan murka Allah dan azabNya.

Kita inginkan insan akidah yang menimbang segala urusan hidup di sekitarnya dengan timbangan rabbani. Lantaran itu pandangannya kepada dunia dengan segala apa yang ada padanya adalah merupakan pandangan Islam yang sahih. Islam yang benar dan tidak timbul daripadanya sepatah perkataan, suatu perbuatan, suatu gerakan atau diam kecuali dari akidah Islam dan sesuai dengan syariat Islam, ajaran Islam dan adab-adab Islam.

Kita mahukan manusia akidah yang mengutamakan Allah daripada perkara lain daripadaNya lalu dia menyerahkan segala hartanya, waktunya, pemikirannya, usahanya, jiwanya dan segala yang dimilikinya kepada dakwah Islam. Dia sentiasa bersabar dan berkorban pada jalan Allah kerana mengharap keredhaan Allah.

Kita mahu manusia akidah yang berbangga dengan saudaranya, yang bersungguh-sungguh membawa kebaikan kepada saudaranya dan menolong saudaranya dan mencintai saudaranya, yang memberikan pada saudaranya apa yang paling disukainya bahkan mengutamakan saudaranya lebih dari dirinya, serta memelihara kehormatan saudaranya. Tidak membiarkan atau mengecewakan saudaranya dan tidak mendedahkannya kepada bahaya.

Kita mahukan akidah Islam yang menjadikan pendokongnya merasa bertanggungjawab terhadap Islam, terhadap saudara-saudaranya sendiri. Hatinya tidak akan merasa senang dan tenteram sehinggalah dia melaksanakan tanggungjawabnya dengan seluruh kemampuannya terhadap dakwahnya, dakwah Islam.

16.6 Sumber Akidah Yang Sejahtera

Tidak ada sumber yang paling patut dirujuk, untuk kita minum akidah yang sejahtera kecuali al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a w. Apakah yang baru datang kepada Semenanjung Tanah Arab yang lantas menghapuskan jahiliah dan meninggalkan untuk kita sebaik-baik ummah yang dikeluarkan untuk kebaikan manusia? Yang datang itu ialah turunnya wahyu, turunnya al-Quran pada Muhammad s.a.w. lalu baginda mengajarkannya kepada orang ramai. Lalu Rasulullah s.a.w. membentuk diri mereka menjadikan mereka laki-laki akidah yang sebenarnya. Di tangan merekalah tertegaknya daulah Islam, negara Islam yang tulen dan membawa rahmat ke seluruh alam. Uslub al-Quran dalam menjelaskan akidah adalah sebaik-baik cara dan yang paling sempurna yang mengikat akidah dengan hati lalu dia memancarkan mata air iman:

"*Aku tinggalkan kepadamu dua perkara selagi kamu berpegang dengan keduanya, kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu kitab Allah dan sunnah Ku, cara hidupku* "

"*Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah, dan kitab yang menerangkan. Dengan kitab itu Allah menunjukki orang-orang yang mengikuti keredhaanNya ke jalan keselamatan dan dengan kitab itu pula Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap gelita kepada cahaya yang terang benderang dengan seizinNya dan menunjukki mereka ke jalan yang lurus*". Al-Maidah : 15 -16

Uslub al-Quran dan gaya bahasa al-Quran dalam memuaskan dan memenuhkan hati dengan akidah tauhid, hari kebangkitan dan pembalasan, adalah uslub yang indah dan menakjubkan, mudah dan memudahkan.

"*Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan al-Quran untuk pelajaran, maka adakah orang mengambil pelajaran*". Al-Qamar: 17

Sebagaimana juga sunnah Rasulullah s.a.w. yang menerangkan dan menjelaskan kitab Allah, mempunyai segala perkara yang memberi pertolongan pada tiap-tiap orang yang suka menegakkan akidah Islam dalam dirinya dan benarlah Rasulullah s.a.w:

"Aku tinggalkan kepadamu dua perkara selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya, kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu kita Allah dan sunnahku, cara hidupku."

BAB 17

Perbaiki Diri Mu dan Seluruh Orang Lain (1)

Saya telah jelaskan bahawa perkara paling penting yang perlu kita tumpukan di dalam marhalah ini di atas jalan dakwah, ialah memperbaiki diri dan menyeru orang lain kepada jalan dakwah kita. Kita telah jelaskan bahawa memperbaiki diri adalah perkara yang besar dan penting yang perlu diberikan perhatian dan diambil kira dengan bersungguh-sungguh sebab inilah kewajipan pertama dan asasi bagi setiap Muslim di dalam hidup ini, sehinggalah diri kita berada di dalam keredhaan Allah. Berjaya mencapai jannatun naim dan terlepas dari azab Allah di Akhirat.

Memperbaiki diri juga merupakan tindakan dan usaha yang perlu dan mesti dalam merealisasikan pelbagai kepentingan dan kewajipan yang lain. Dan kita katakan bahawa dasar yang sempurna yang menjadi asas pembaikan diri dan pembentukan peribadi manusia akidah ialah akidah yang sejahtera yang menjadikan pendokong hidup dengannya dan kerananya dan mengambil daripadanya segala urusan dan menyerahkan kepadanya segala apa yang dimilikinya, waktunya, usahanya, fikirannya, hartanya dan jiwanya. Akidah yang telah didokong oleh salafussoleh lalu. Akidah itu menjadikan mereka sebagai contoh-contoh yang unik, teladan yang tiada tandingannya yang mengemukakan bentuk dan rupa yang ajaib dan mengkagumkan di segala medan jihad dan pengorbanan, tebusan, pemberian, amanah, sidik, kesetiaan, cinta, kesan-kesan perhambaan yang sejahtera kepada Allah dan dalam segala jurusan dan medan kebaikan.
Imam as-Syahid bersungguh-sungguh menjauhkan kita di jurusan akidah ini dari segala perkara yang menghapuskan intipatinya dan yang mungkin merubah dan memudahkannya terpesong kepada perkara logik akal semata-mata yang jauh dari hati dan perasaan. Ini akan membawa pendokongnya ke dalam kancah perdebatan dan pertengkaran yang tidak berfaedah kepada pendokongnya di waktu susah, di waktu ujian dan di waktu penapisan.

17.1 Ibadah Yang Sahih

Setelah memahami asas yang teguh dan kuat dari akidah salimah (akidah yang sejahtera) dalam memperbaiki jiwa barulah datang peranan ibadah yang sahih. Peranan ibadah ini mempunyai kesyumulannya dan merangkumi segala urusan hidup. Kita tidak membatasinya hanya kepada solat, puasa, zakat dan haji sahaja. Kerana risalah kita dalam hidup ini, tugas kita di dalam hidup ini ialah beribadah kepada Allah yang bererti hidup kita ini seluruhnya adalah ibadah kepada Allah:

"*Aku tidak menjadikan jin dan manusia kecuali supaya mereka beribadat kepadaKu*". Az-Zariyaat: 56

Setiap kita mestilah berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan pengertian ini dengan membetulkan niat dalam setiap amalan. Dia menjadikan makanannya, minumannya, ilmu dan amalannya, senaman dan perkahwinannya sebagai alat untuk menolongnya mentaati Allah dan memperbaiki ibadatnya. Dengan itu rumah menjadi mihrab, tempat beribadat kepada Allah, sekolah dan kolej, kilang, gedung perniagaan, kebun, ladang, sawah dan tempat-tempat permainan malah dunia seluruhnya menjadi mihrab tempat kita beribadah kepada Allah. Segala usaha dan perkataan yang terbit daripadanya merupakan ibadah kepada Allah. Untuk itu segala ibadah yang mahu diterima oleh Allah mestilah memenuhi syarat yang sesuai dengan syariat Islam dan jauh dari segala yang haram dan dimurkai Allah. Oleh kerana itu setiap Muslim mesti mengetahui hukum-hukum ibadah dan syarat sahnya. Wajib mengetahui sunnah dan cara hidup Rasulullah s.a.w. dalam setiap perkara yang kita sebutkan tadi.

Dia mesti mengetahui dan mengamalkan seberapa mungkin akan doa-doa ma'thurat dari Rasulullah s.a.w. dalam setiap urusan dan beriltizam pula dengannya. Dengan demikian, seluruh hidup Muslim merupakan satu kehidupan rabbani, hidup menurut cara hidup yang diajarkan oleh Allah dan jadilah Muslim itu abdan Rabbanian, hamba yang bersifat ketuhanan, hamba yang menyembah Allah Taala, Tuhan seluruh alam.

Perkara yang mesti dalam ibadah ialah niat ikhlas kepada Allah semata-mata, jauh dari riya' dan menghadirkan hati menunaikan ibadah kepada Allah supaya amal dan ibadat itu diterima oleh Allah. Sebagai contoh, solat yang diterima oleh Allah ialah solat yang mencegah dari kejahatan dan

kemungkaran. Bukan hanya sah dari sudut-sudut hukun fiqh sahaja, tetapi solat yang mampu menghubungkan pendokongnya dengan Allah dengan penuh khusyuk, tunduk dan takut kepada Allah dan merupakan mikraj bagi roh dah jiwa orang mukmin.

17.2 AkhlakYangTeguh

Salah satu dari asas memperbaiki diri dan jiwa ialah menunjukkan contoh, sifat dan akhlak Islamiyah yang mulia seperti yang dianjurkan kepadanya oleh al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Ini kerana akhlak dan moral itu memainkan peranan penting dalam kehidupan individu. la berkait rapat dengan segala kegiatan hidupnya, berkaitan dengan sikapnya terhadap kerabatnya, jiran-jirannya dan semua orang yang bergaul, bermuamalah serta berurusan dengan mereka. Perkara yang mesti ada pada seorang pendakwah yang menyeru manusia ke jalan Allah ialah dia mesti bersifat dengan sifat Muslim yang sejati supaya dia menjadi contoh teladan untuk apa yang diseru kepadanya dan dapat merealisasikan Islam dengan perkataan dan amalannya, bukan hanya dengan teori sahaja.

Contoh praktikal itu lebih besar pengaruh dan kesannya di dalam jiwa manusia dari perkataan sahaja. Teladan kita ialah Rasulullah s.a.w. Adalah akhlak Rasulullah s.a.w itu ialah al-Quran. Banyak hadis-hadis Rasulullah yang mendorong kita berakhlak dengan akhlak yang mulia di antaranya:

"*Hanyasanya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*".

Dan sabda baginda lagi:

"*Barang yang paling berat di dalam timbangan pada hari kiamat ialah taqwa kepada Allah dan akhlak yang baik*".

Menghiasi diri dengan akhlak yang mulia bererti kita mesti meninggalkan akhlak yang hina. Dari sabda: Rasulullah s.a.w : "yang paling berat dalam timbangan pada hari akhirat ialah taqwa kepada Allah". Bererti tidak berubah-ubah dan tidak bermuka-muka dengan perubahan suasana dan pertukaran keadaan. Jadi alangkah wajarnya kita melatih diri kita dengan kesungguhan dan perhatian dan menghiasi diri dengan adab-adab dan akhlak Islam. Sebagai satu misal: Sifat hilm satu sifat yang mampu menguasai dan menahan diri dari kemarahan. Dalam perkara ini Rasulullah s.a.w. bersabda:

"*Bukanlah orang yang kuat itu mengalahkan orang lain dalam satu pertarungan tetapi yang kuat itu ialah orang yang dapat menguasai dirinya ketika marah*".

Alangkah kuatnya manusia akidah jika dia mempunyai sifat-sifat orang yang beriman yang tersebut di dalam kitab Allah atau dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w. dan sentiasa merujukkan halnya dan mengukur sejauh mana iltizamnya dan kecuaiannya di dalam memiliki sifat-sifat itu lantas terus berusaha dan menyempurnakan dirinya dengan sifat yang mulia itu.

17.3 Thaqafatul Fikr

Satu lagi aspek memperbaiki diri yang lazim kepada laki-laki akidah yang tampil untuk amal Islami dan dakwah Islam, yang menyeru manusia pada jalan Allah dia mesti mempunyai budaya berfikir.

Thaqafatul fikr (pendidikan fikiran) merangkumi tiga aspek asasi: Aspek pertama ialah: pengenalan yang salim (sejahtera) dan sempuma tentang Islam yang membolehkan dia melaksanakan Islam dengan perlaksanaan yang betul dan sejahtera ke atas dirinya lantas melayakkannya menyampaikan Islam itu dengan baik kepada orang lain. Dia melaksana dan menyampaikannya dengan menyeluruh, kemurnian dan kejatiannya.

Aspek kedua: Dia mesti mengetahui suasana dan keadaan dunia Islam dahulu dan sekarang, mengenali musuh-musuh Islam dan mengetahui semua cara dan tindak tanduk mereka. Dia mesti mengetahui peristiwa-peristiwa yang sedang terjadi dan yang mempengaruhi Muslimin dari dekat atau dari jauh. Dia mesti mengetahui siapakah golongan yang bekerja di bidang dakwah Islam, mengetahui kecenderungan dan cara-cara kerja mereka, bagaimana bentuk tolong menolong yang perlu dibuat bersama mereka dan Iain-lain lagi perkara yang lazim bagi orang-orang yang tampil di hadapan di bidang amal Islami.

Aspek ketiga: Memperbaiki pengkhususan dalam pelbagai lapangan yang berkaitan dengan urusan kehidupan seperti kedoktoran, kejuruteraan, pertanian, perniagaan, perindustrian dan Iain-lain lagi. Maka tidak boleh tidak seorang insan akidah mesti berusaha memperbaiki dan menguasai bidang profesional supaya dia mendapat tempat di dalam masyarakat dan dapat mengisi tempat-tempat kosong tatkala kita membangun dan menegakkan daulah Islam. Patut kita menyebutkan di sini bahawa sebahagian besar dari ilmu pengetahuan moden ini telah diasaskan oleh ulama dan

cendikiawan Islam di zaman dahulu. Kerana agama kita mendorong kita mencari ilmu dan belajar dengannya dan dapat menghubungkan ilmu dengan Al Khalid Allah s.w.t.

"*Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan*". Al-Alaq: 1

Semestinyalah orang-orang yang bekerja di bidang dakwah di kalangan pelajar dan mahasiswa supaya mereka menjadi golongan yang terkemuka di dalam subjek pengkhususan mereka kerana sekiranya mereka terkebelakang di dalam pelajaran, mungkin akan menjauhkan orang lain dari amal dan usaha Islamnya.

17.4 Kekuatan Jasmani

Satu lagi dari sudut memperbaiki diri yang dituntut dari agen dakwah ialah dia mesti menjaga kesihatan jasmaninya supaya dia mampu memikul berbagai beban dan tugas dakwah dan jihad. Supaya kelemahan jasmani tidak menjadi halangan baginya di dalam rangka merealisasikan cita-cita yang besar yang kita harapkan. Rasulullah s.a.w. mendorong kita menjaga dan memperhatikan jasmani kita lalu bersabda:

"*Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada orang-orang mukmin yang lemah dan ada kebaikan kepada tiap-tiap individu*".

Kita dapati banyak hadis dan sunnah Rasulullah s.a.w yang menolong kita untuk memelihara kesihatan dan keselamatan jasmani kita.

Kita juga mendapati Imam as-Syahid memberi perhatian yang cukup di dalam perkara ini kerana menyahut arahan Rasulullah s.a.w itu. Ada disebut di dalam kewajipan saudara yang beramal untuk Islam di dalam Risalah at-Ta'alim, menuntut setiap saudara bersegera berjumpa dengan doktor memeriksa kesihatan keseluruhan dan mengubat sebarang penyakit yang ada padanya, memelihara kesihatannya dan menjauhkan perkara yang melemahkan kesihatan sebagaimana beliau mengingatkan supaya kita menjauhi dari minum kopi yang berlebihan dan seumpamanya. Beliau melarang terus dari menghisap rokok. Beliau juga mengingatkan kita supaya menjaga kebersihan dalam segala perkara, bersih dalam rumah, pakaian, makanan, badan dan tempat kerja. Kita disuruh agar menjauhi minuman keras, minuman yang memabukkan dan mengkhayalkan. Dan segala perkara di dalam aspek tersebut mesti dijauhi.

17.5 Sudut-sudut Lain Yang Lazim

Kita menghendaki Muslim yang berjihad untuk dirinya, yang berguna kepada manusia, yang menjaga waktunya, yang berdisiplin di dalam segala urusannya dan mampu bekerja untuk keperluan hidupnya. Ini semua adalah sudut-sudut asas dan mesti ada pada syakhsiah Muslim sebagai agen dakwah supaya dia mampu memainkan peranan yang dimahukan darinya menurut bentuk dan rupa yang sahih.

Tidak dapat difikirkan adanya seorang pendokong dakwah yang tampil ke depan untuk kerja-kerja Islam tanpa mempunyai nilai-nilai dan sifat-sifat ini ataupun sebahagiannya. Orang yang mengikut hawa nafsu tidak berjihad melawan nafsunya, tidak mampu mengawal tindak tanduknya, tidak layak menjadi pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah, menyuruh manusia berbuat sesuatu walaupun dia tidak mampu berbuat demikian. Pendokong dakwah terpaksa melalui berbagai-bagai suasana dan situasi yang berubah dan peristiwa-peristiwa yang datang silih berganti. Jadi, dalam mengatasi dan melintasinya memerlukan mujahadah yng banyak, melawan nafsu, dan sanggup menanggung bebanan dan ujian. Dan pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allahmesti mampu membawa faedah dan kebaikan kepada manusia dengan senang hati dan murah hati walaupun kebaikan dan jasanya itu dibalas dengan penyiksaan dan bahaya kerana demikianlah sikap Rasulullah s.a.w. membawa kebaikan kepada manusia dan sabar menanggung segala ujian dan gangguan dari manusia. Jadi pendokong dakwah mesti merebut kesempatan membuat kebaikan kepada manusia dan bersegera kepadanya sesuai dengan pelbagai cara:

"*Mereka itu bersegera untuk mendapat kebaikan-kebaikan dan merekalah orang-orang yang segera memperolehinya* ". Al Mukminun: 61

Manusia dakwah mesti memelihara waktunya untuk digunakan kepada tiap-tiap kerja yang berfaedah yang bersungguh-sungguh untuk dakwahnya. Tidak ada waktunya yang tersia-sia kerana waktu itu adalah kehidupan dan kewajipan lebih banyak dari waktu-waktu. Waktu yang telah berlalu tidak mungkin kembali lagi dan kita akan disoal tentang waktu pada hari kiamat. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"*Tidak ada hari yang terbit fajarnya kecuali dia memanggil, "Hai anak Adam aku makhluk baru dan di atas amalmu aku menjadi saksi maka ambillah bekalan dariku kerana sesungguhnya aku tidak akan kembali*

lagi sampai hari kiamat".

Kita menghendaki dari saudara Muslim supaya dia berdisiplin dalam setiap urusan di pejabat, dalam bidang tugasnya, dalam pertimbangannya dan di dalam seluruh urusan hidup kerana itulah yang mendorongnya lebih memperbaiki karya dan hasil usahanya di samping menjimatkan waktu, usaha dan hartanya dan mendapat natijah dengan cara yang baik dari segala tenaga yang telah dugunakannya.

Dan menjadi satu tabiatnya, dia mempunyai satu pekerjaan yang tertentu untuk mencari rezeki yang halal supaya ia tidak menjadi beban kepada manusia, supaya berada di dalam ketenangan dan kemantapan kehidupan yang menolongnya untuk berjaya membawa hasil di bidang dakwah. Supaya dia dapat mendirikan sebuah rumahtangga dan melahirkan zuriat yang solehah, keturunan yang baik untuk masyarakat Islam.

17.6 Bagaimanakah Caranya Merealisasikan Pembaikan Ini?

Tidak cukup kalau kita hanya mengetahui jurusan-jurusan Islahunnafs (memperbaiki diri) yang dituntut untuk merealisasikannya, bahkan kita juga perlu tahu bagaimana cara untuk melaksanakannya. Sebagaimana yang telah kita maklumi, kita dapati di sana ada sudut pendidikan thaqafi di samping adanya tarbawi takwin (pendidikan pembentukan) di mana kedua-dua aspek tersebut memerlukan usaha perseorangan dan usaha jama'iah yang berencana, mempunyai pelbagai cara dan menggunakan berbagai-bagai alat.

Faktor penolong yang tersebut di atas dengan bentuk yang lebih berkesan ialah adanya seseorang melaksanakan tugas-tugasnya dan pekerja yang telah disebutkan di dalam penghujung Risalah At Ta'alim yang telah ditulis oleh Imam as-Syahid dan telah disentuh juga di sekitar tujuan-tujuan usrah persaudaraan. Juga membiasakan diri mengamalkan wirid, muhasabah mengoreksi diri setiap hari. Dengan itu seseorang itu dapat menghadapi dan menilai setinggi mana keimanannya, dan setakat manakah sesuainya dengan tugas-tugasnya itu dan sampai mana menyalahi ajaran Islam. Melibatkan diri dengan kerja-kerja Islam di bidang dakwah, adalah satu cara yang paling mujarab yang menolong kita memperbaiki diri kerana sesungguhnya dengan membaca kitab-kitab sahaja tidak mampu membina insan.

Sesungguhnya menyeru manusia kepada Allah dan menentang kebatilan serta pendokongnya merupakan satu pendidikan kepada para duat serta memberi mereka pengalaman, kepandaian, keteguhan, ketetapan dan ketahanan di atas kebenaran.

BAB 18

Perbaiki Dirimu dan Serulah Orang Lain (2)

Perbaikilah dirimu dan serulah orang lain dari dirimu, itulah pertama untuk satu-satunya jalan demi membangunkan muslimin merealisasikan kesatuan mereka, meninggikan urusan mereka supaya mereka dapat menduduki tempat mereka yang wajar sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah, sebagai golongan manusia yang memberi tunjuk ajar kepada manusia serta menunjukkan mereka kepada siratul mustaqim.

"*Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyeru kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah*". AliImran:110

"*Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (pebuatan) kamu*". Al-Baqarah: 143

Tujuan memperbaiki diri adalah untuk melahirkan laki-laki sebagai contoh yang sahih. Tujuan menyeru orang lain adalah untuk memperbanyakkan golongan mukmin yang benar. Kemudian mereka akan mengikat janji untuk bersaudara dan berkasih-sayang lalu menjadi satu dasar kukuh yang mempunyai iman yang teguh. Di atasnyalah didirikan bangunan Islam yang menjulang tinggi yang merealisasikan kebenaran dan menghapuskan kebatilan hinggalah muslimin menjadi pemimpin dunia dan beroleh bahagia di akhirat dan akhirnya janji Allah menjadi realiti di hadapan manusia.

"*Dialah yang mengutuskan RasulNya dengan membawa petunjuk dan agama yang hak agar dimenangkannya terhadap semua agama. Cukuplah Allah sebagai saksi*". AlFath:28

Kita telah menyentuh bahagian pertama tentang memperbaiki diri dengan huraian serba ringkas serta beberapa penekanan di mana perlu. Sebelum saya menyentuh bahagian kedua iaitu menyeru orang lain kepada Allah, sukalah saya mengingatkan bahawa orang yang kita seru untuk melalui jalan Allah, melalui jalan dakwah Islam, bahawa apa yang kita serukan kepadanya adalah semata-mata untuk memperbaiki dirinya dan menyeru manusia kepada Allah. Ini merupakan perkara yang terpenting dalam urusan hidup mereka bahkan inilah perkara yang menentukan hidup mereka. Oleh kerana itu siapa yang layak dalam perkara itu wajiblah ia memberi perhatian yang utama dan pertama kepada perkara itu.

Sesungguhnya kita menyeru dia dan dia menyeru manusia kepada satu perniagaan yang tidak merugikan. Perniagaan yang melepaskan kita dari azab Allah. Dan ada padanya nikmat yang kekal, iaitu di dalam syurga dan tempat-tempat kediaman yang baik. Di samping itu ada padanya pertolongan dan pemberian kuasa dari Allah:

"*Hai orang-orang yang beriman, sukakah kamu Aku tunjukkan satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan rasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahuinya, nescaya Allah akan mengampunkan dosa-dosamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai 'Adn'. Itulah keberuntungan yang besar. Dan ada lagi kurnia yang lain yang kamu sukai iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang dekat waktunya. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman,* " As-Saff:9-13

Ini adalah satu urusan yang penting dan besar. Sesungguhnya kita menyeru saudara supaya saudara menyerahkan diri dan segala apa yang ada pada saudara di jalan Allah dan saudara menyeru manusia yang lain supaya dia juga menyerahkan dirinya dan segala apa yang ada padanya di jalan Allah. Kita tidak menyeru manusia supaya membeli saham di dalam satu rancangan perniagaan atau pertanian atau perusahaan untuk melaburkan harta saudara yang berlebihan dari keperluan saudara. Tetapi kita menyeru saudara kepada satu perniagaan dengan Allah. Dialah yang membeli dari kita, diri kita dan harta kita dengan harga yang mahal. Ketahuilah bahawa harganya adalah syurga yang seluas langit dan bumi. Maka adakah lagi di sana satu perkara yang dapat menandingi perkara yang paling besar dan menentukan kesudahan kita?

Sekiranya para pengusaha dan ahli perniagaan dunia mengorbankan usaha mereka untuk melariskan barang perniagaan mereka, memajukan rancangan mereka, menyebarkan iklan barang-

barang mereka, mempamerkan dengan baik dan menarik hati manusia padanya dan menonjolkan keuntungan yang diperolehi daripadanya. Alangkah baiknya kita mengorbankan segala usaha kita untuk dakwah Allah, dakwah Islam yang memang lebih layak menerima layanan dari kita. Kita tunjukkan dakwah itu kepada manusia dengan cara yang sebaik-baiknya. Kita kemukakan kepada mereka, menggembirakan hati mereka supaya mereka dapat menerima dengan senang dan puas hati. Kita mesti bersabar melakukannya. Alangkah besarnya keuntungan yang akan pulang kepada pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah dan orang yang diseru apabila dia menyahut seruan pendokong dakwah Islam.

Urusan dakwah kepada Allah tidak dapat dirangkumi dengan satu atau dua tajuk rencana, tetapi kita perlu merujuk kembali kepada buku-buku, risalah-risalah dan artikel-artikel yang ditulis di sekitar dakwah dan pendokong dakwah. Juga tidak boleh tidak mesti melibatkan diri secara langsung dengannya dalam urusan dakwah yang membentuk da'i Ilallah yang membersihkan dan memberikannya pengalaman dan latihan. Memadailah di sini dengan menyebutkan beberapa pandangan dan ketenangan yang dapat di jadikan petunjuk. Semoga Allah memberkatinya.

Hendaklah diketahui bahawa para pendokong dakwah pada hari ini bukanlah para pendokong dakwah semalam kerana mereka pada hari ini adalah golongan yang terpelajar yang telah dipersiapkan, yang telah dilatih. Mereka terdiri dari golongan profesional (terutamanya di negara barat) di mana mereka mengkhususkan satu pasukan yeng terlatih bagi tiap-tiap fikrah untuk menjelaskan perkara yang samar dan mendedahkan perkara yang baik, dan mereka baginya berbagai-bagai alat dan cara penyebaran dan jalan-jalan di'ayah dan propaganda serta mencari jalan yang paling hampir dan mudah dipercayai dan diterima pada jiwa manusia.

18.1 Kemuliaan dan Kepercayaan (Thiqah)

Kemuliaan dan kebanggaan apa lagi yang saudara mahu setelah saudara menjadi pendokong dakwah, penyeru kepada Allah, kerana sesungguhnya saudara menyeru kepada setinggi-tinggi cita-cita dan semulia-mulia tujuan. Sesungguhnya berdakwah kepada Allah itulah tugas Rasulullah s.a.w. kepada mereka semua. Tiap-tiap perkataan yang saudara serukan manusia kepada Allah, itulah sebaik-baik perkataan dan Allah telah menetapkan demikian dalam firmanNya:

"*Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan yang salih dan berkata. "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri?"*. Fushilat: 33

"Dari kalangan orang-orang yang menyerah diri kepada Allah", adakah lagi di sana satu perkataan yang lebih mulia dari itu?

Sesungguhnya kita menyeru manusia kepada kebenaran dan kebenaran inilah yang lebih patut diikuti dan apakah ada lagi selain kebenaran itu kecuali kesesatan. Kita membawa mutiara dan cahaya supaya kita memandu manusia yang sesat di tengan-tengah kegelapan. Kerana sesungguhnya kita berada di atas agama yang benar yang diterima oleh Allah dan yang lain daripadanya adalah batil. Al-Quran inilah kitab Allah yang tidak mungkin didatangi oleh kebatilan sama ada dari hadapan atau dari belakang. Inilah kitab yang diturunkan dari Allah yang Maha Bijaksana lagi yang terpuji. Dunia pada hari ini sangat-sangat memerlukan agama ini untuk menyelamatkan kecelakaan yang menimpanya. Marilah kita berdakwah, yakinlah, percayalah dan berpuas hatilah kepada kesempurnaan dan ketinggian apa yang kita serukan kepadanya.

18.2 Beberapa Perkara Yang Berhubungan Dengan Pendokong Dakwah

Ad-da'i ilallah, pendokong dakwah mestilah tahu bahawa melaksanakan tugas dakwah kepada Allah adalah perkara yang wajib dan bukanlah perkara sukarela sahaja. Dia mesti berdakwah setiap masa, setiap tempat dan dalam apa jua suasana dan situasi walaupun di dalam penjara atau di bawah tekanan dan kesusahan. Sekalipun dia terdedah kepada gangguan dan ujian, lantaran berdakwah kepada Allah, janganlah perkara tersebut menghalangnya dari meneruskan dakwahnya demi membawa kebaikan kepada manusia dengan kesabaran dan hanya mengharap pertolongan dan ganjaran dari Allah kerana Allah berfirman:

"*Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal soleh dan berkata: "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri?". Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang di antara kamu dan dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia. Sifat-sifat yang baik itu tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang mempunyai keberuntungan yang besar"*.

Fushilat: 33-35

Imam as-Syahid telah memberi wasiat dalam pengertian ini dengan berkata:

"Jadilah kamu di kalangan manusia seperti pokok buah-buahan. Mereka melemparnya

dengan batu tetapi dia melemparkan mereka dengan buah". Dan berkata lagi: "Wahai saudaraku sesungguhnya saudara hanyalah beramal untuk dua tujuan: Supaya saudara berjaya dan menunaikan tugas yang wajib. Sekiranya tujuan pertama gagal, iaitu tidak ada orang yang menyahut seruan saudara, janganlah pula saudara terlepas dari yang kedua, ertinya saudara mestilah menunaikan kewajipan".

Para pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah, mestilah menyeru manusia kepada Allah dari markas kekuatan dan kemuliaan, bukan dari markas kelemahan dan kehinaan. Dari kedudukan orang yang percaya, yakin dan puas hati, bukan dari kedudukan orang yang ragu dan bimbang dan bukan dari kedudukan orang yang mempertahankan dan membela musuh-musuh Islam, agama yang benar itu.

Para du'at kepada Allah mesti menjadi contoh teladan yang baik kepada apa yang diserukan dan benar-benar berjalan dengan apa yang diseru kepada manusia. Setiap yang diserukan itulah yang dibuatnya, apa yang dikata itulah yang dikota, supaya amalannya sesuai dengan kata-katanya. Supaya dia tidak terdedah kepada kemurkaan Allah.

"*Hai orang-orang yang beriman, mengapakah kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat? Amat besar kebencian di sisi allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tiada kamu kerjakan*". As-Saff:2-3

Pendokong dakwah yang menyeru manusia mestilah ikhlas kerana Allah di dalam dakwahnya. Tidak ada yang diharapkan daripadanya kecuali keredhaan Allah. Tidak mengharapkan pujian dan sanjungan dari manusia dan tidak harus menunggu untuk dikagumi ucapannya oleh manusia. Dia mesti berkata benar dan bersifat benar di dalam segala perkara supaya dia sentiasa dipercayai oleh manusia.

Ad-da'i kepada Allah mesti sabar, redha menanggung segala rintangan yang mengganggunya di tengah jalan, redha menanggung dan menerima segala penyiksaan, kritikan, persendaan dan berpalingnya manusia daripadanya. Dia mesti bersifat ramah pengasih, penyayang, lemah-lembut. Sebab yang demikian itu akan menyebabkan manusia sayang kepadanya dan menolongnya, tertarik hati kepadanya dan menggabungkan diri kepadanya dan benarlah Allah yang Maha" Agung:

"*Maka disebabkan Rahmat dari Allahlah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu* ". Alilmran: 159

Sahibud-dakwah mestilah bersifat *Hilm* tatkala mengendalikan dirinya di waktu marah. Jangan mudah marah dan melatah, mestilah berlapang dada dan berjiwa besar kepada setiap yang bertanya, yang mengkritik atau yang memberi nasihat sekalipun bagaimana cara nasihat yang paling baik dan sempuma dan mesti bersedia menerima nasihat dalam apa jua bentuk.

Sahibud-dakwah, pendokong dakwah kepada Allah, mestilh menghafaz al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. selagi dia mampu berbuat demikian. Sebab yang demikian itu menolongnya mengambil dalil dari al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. dalam setiap urusan dan pengertian yang datang kepadanya.

Dia mesti mengetahui sirah yang harum tinggalan Rasulullah s.a.w. untuk memperolehi pengajaran, tunjuk ajar, pendirian dan teladan daripadanya sebab ia dapat mempengaruhi dan memberi kesan di dalam jiwa. Dari sirah Rasulullah s.a.w. itu, sahibud dakwah yang menyeru manusia kepada Allah memperoleh uslub, cara dakwah dan cara harakah dalam berdakwah. Dia patut menyediakan satu buku catatan semasa membaca kitab dan rencana untuk mencatat isi-isi penting dan perkara menarik daripada pembacaannya sebagai bekalan kepadanya dari satu masa ke satu masa. Ini kerana, terlalu bergantung kepada daya ingatan selalunya mengkhianati tuannya. Jadi perlulah disediakan buku catatan atau buku peringatan.

Sahibud-dakwah perlu mengetahui berbagai-bagai urusan agamanya, kerana dia sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai soalan dan tafsiran daripada para pendengarnya. Dia juga perlu mempunyai pemikiran Islam supaya dia memandang segala perkara dan peristiwa dengan pandangan Islam dan menghukum segala sesuatu menurut kaca mata Islam.

Sahibud-dakwah, mesti mengetahui bahawa di samping mempunyai kefahaman yang teliti dan halus terhadap Islam, dia juga perlu kepada keimanan yang mendalam serta hubungan dan kepercayaan terhadap Allah. Inilah dia sebaik-baik bekalan di atas jalan dakwah.

18.3 Di Sekitar Uslub Dakwah

Uslub atau cara berdakwah adalah sebahagian dari dakwah. Ketinggian matlamat dan cita-cita yang kita seru manusia kepadanya tidaklah mencukupi kalau dilaksanakan dengan cara yang salah dan tidak munasabah. Ada kemungkinan uslub dan cara yang digunakan itu memburukkan suasana atau menyebabkan manusia lari dan menjauhkan diri dari dakwah kita akibat tidaksesuai

dengan masa dan tempat. Untuk itu Allah telah memberi arahan kepada kita dengan firmanNya:

"*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang paling baik*". An-Nahl: 125

"bil-hikmah ": dengan kebijaksanaan, dengan hujah-hujah yang kuat dan bukti yang konkrit.

Menyuruh orang berbuat baik dan melarang mereka dari berbuat munkar dan jahat mestilah dengan cara yang baik, sikap yang baik, kata-kata yang lemah lembut. Bukan dengan kasar dan keras, tengking-menengking atau berpekik-pekik dengan suara yang keras dan bukan dengan kutukan dan menempelak.

Sahibud-dakwah mesti berani mengatakan perkara yang benar walaupun pahit, tetapi dengan cara yang menarik dan senang diterima oleh manusia. Di samping itu, dia tidak boleh bermuka-muka, tidak boleh mengampu-ampu, tidak boleh bersifat munafik walaupun dengan tujuan menarik hati manusia atau menggembirakan mereka dan menarik minat mereka kepadanya. Dia haras bertegas dan terus terang supaya manusia dapat mengenali kebenaran yang dibawanya. Kerana sesungguhnya cara yang berdolak-dalik dan bermuka-muka dan bersifat munafik, tidak sesuai dengan keagungan, kebenaran dan dakwah Allah yang diserukannya. Dan Allah telah memberi amaran kepada Rasulullah s.a.w di dalam firmanNya:

"*Maka mereka menginginkan supaya kamu bersikap lunak lalu mereka bersikap lunak pula kepadamu* ".

Al-Qalam: 9

Mereka suka jika kamu bertolak ansur supaya mereka bertolak ansur pula dengan kamu.

Sahibud-dakwah perlu memahami jiwa manusia dan mengetahui anak kunci hati supaya dia mampu membuka pintu-pintu hati dan menyampaikan kepada manusia apa yang dikehendaki. Jangan bertindak secara mendadak dengan membawa kepada mereka apa yang dibenci oleh jiwa mereka supaya mereka tidak terperanjat. Sahibud-dakwah mesti mengetahui terlebih dahulu dari mana dan bagaimana cara untuk memulakan setelah dikaji, ditapis dan disediakan segala apa yang diperlukan untuk urusan dakwah.

Sahibud-dakwah mestilah menentukan topik yang hendak dibicarakan supaya para pendengarnya mendapat faedah yang nyata dan jelas daripadanya. la mesti memperbaiki tertib dan susunan pembentangan terhadap pengertian dan tajuk yang dibicarakan dengan susunan yang dapat menyokong dakwahnya supaya mereka berpuas hati dan menerimanya.

Sahibud-dakwah mestilah mampu memadukan akal, perasaan dan hati manusia di dalam uslubnya. Janganlah berbicara dengan akal semata-mata tetapi ketandusan perasaan dan tidak pula semata-mata dengan perasaan dan hati sahaja tanpa kepuasan akal dan lojik. Isi perbicaraannya mestilah dapat diterima akal, menarik perasaan dan menawan hati sehingga akal, perasaan dan hati manusia berpuas hati dengannya.

Satu dari cara-cara yang berguna yang sentiasa mempunyai pengaruh yang paling berkesan dan baik adalah pembicaraan yang mampu memuaskan akidah manusia. la dimulai dengan memantapkan di hati manusia tentang kewujudan Allah, seterusnya menjelaskan hakikat risalah kita dan tugas kita dalam hidup ini. la disudahi dengan mengukuhkan, menegaskan bahawa Islam ltu adalah manhaj, cara hidup, satu pegangan hidup yang sejahtera dan lengkap dan berusaha untuk memulakan kehidupan Islam dan menegakkan negara Islam (ad-daulah Islamiah) ini adalah satu tugas yang wajib kepada tiap-tiap muslim.

Sahibud-dakwah, yang menyeru manusia kepada Allah mestilah sentiasa menyalakan harapan dan cita-cita yang mulia di kalangan para pendengarnya. Dia mestilah menyakinkan mereka bahawa masa depan adalah untuk kemenangan Islam dan abad ini adalah abad Islam, abad kemenangan Islam! Dia perlulah menghapuskan segala pengaruh dan kesan putus asa dari jiwa mereka supaya mereka tidak mudah berganjak dari prinsip Islam dan tidak bersikap beku dan jumud di tengah jalan dan tidak mahu meneruskan perjalanan mereka di atas jalan dakwah.

Sekiranya sahibud-dakwah merasai dan melihat manusia berpaling daripadanya maka hendaklah dia mengoreksi kembali cara atau uslub dakwahnya kerana boleh jadi caranya tidak tepat atau waktunya tidak sesuai, atau suasananya tidak sesuai menyebabkan berlaku perkara yang demikian.

Sahibud-dakwah mestilah berusaha bersungguh-sungguh supaya menggandingkan ilmu dengan amal supaya mereka mengamalkan ilmu yang telah diketahui, bukan hanya merupakan kepuasan ilmiah semata-mata.

Dia mesti mengawasi waktunya ketika berbicara supaya mereka tidak jemu mendengarkan ucapan yang mungkin terlalu panjang atau kurang menarik perhatian para hadirin.

Ini semua hanyalah bayangan mengenai cara menyeru manusia kepada Allah. la hanyalah sebagai contoh, bukan untuk membatasi hikmah kebijaksanaan dan cara-cara sahibud-dakwah



kerana di sana banyak lagi cara yang lain yang dapat diteroka oleh sahibud-dakwah. Wabillahhi-taufik.

BAB 19

Tegakkanlah Rumah Tangga Muslim

Memperbaiki diri sendiri dan menyeru orang lain kepada Allah merupakan dua kewajipan asas di atas jalan dakwah dan wajib ke atas setiap muslim, lelaki dan wanita. Di samping dua kewajipan itu timbul lagi satu kewajipan yang tidak kurang pentingnya iaitu menegakkan rumahtangga muslim. Individu muslim itu adalah seorang manusia akidah yang wajib disediakan untuk menjadi muslim yang sejati, yang menjadi contoh Islam yang sahih dan teladan pemimpin yang patut diikuti. Kita sangat memerlukan rumahtangga muslim yang menjadi contoh sebagai tiang yang kuat di dalam pembangunan masyarakat Islam. Keluarga muslim mempunyai peranan yang penting di dalam kekuatan dan perpaduan masyarakat atau perpecahan dan kemusnahannya. Rumahtangga merupakan pangkuan atau sarang bagi tunas-tunas baharu yang dididik dan dibentuk di peringkat pembentukan dan persediaan. Rumahtanggalah yang bertanggungjawab mencetak dan membentuk keteguhan peribadi anak-anak yang akan mencorakkan hidup mereka, benarlah Rasulullah s.a.w bersabda:

"*Tiap anak itu dilahirkan di atas fitrahnya kejadian yang suci dan ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau menjadikannya Kristian ataupun menjadikannya Majusi*".

Hadis Rasulullah s.a.w. mengenai pembangunan rumahtangga tidak dapat dibicarakan hanya dengan satu atau dua artikel sahaja, tetapi kita perlu merujuk kepada buku-buku dan karangan-karangan yang telah mengupas perkara yang penting itu. Cukuplah saya terangkan sepintas lalu serba sedikit mengenainya supaya kita mendapat faedah daripadanya.

19.1 Pemilihan

Saudara muslim dan saudari muslimah yang mahu memperbaiki diri dan menyeru orang lain kepada Allah wajib ke atas keduanya memilih pasangan masing-masing. Putera Islam mencari puteri Islam untuk menjadi isterinya yang solehah. Puteri Islam mencari putera Islam untuk menjadikan suaminya yang soleh untuk berkongsi kehidupan suami isteri.

Dari awal-awal lagi hendaklah mereka membangunkan keluarga muslim yang diasaskan di atas dasar takwa. Saudara muslim yang sejati wajib mencari puteri Islam yang sejati dan memilih yang beragama, yang memahami tugas dan risalahnya di dalam kehidupan ini. Menjadikan pasangan hidupnya sebaik-baik penolong di atas jalan dakwah. Sentiasa mengingatkannya apabila dia lupa, sentiasa memberi perangsang dan tidak menghalangnya. Memelihara dirinya di waktu ketiadaannya walau berapa lama pun dan mendidik serta membentuk anak-anaknya menurut Islam yang sebenar.

Demikian juga puteri Islam yang sejati, tidak wajar dan tidak patut menerima sebarang jejaka untuk menjadi pasangan hidupnya kecuali seorang muslim yang sejati yang menjadi pendokong dakwah Islam. Iaitu seorang penganut akidah yang sahih yang bertakwa kepada Allah. Si isterinya pula dapat menolongnya untuk taat setia kepada Allah dan mencapai keredhaan Allah. Dengan cara yang demikian kita telah berjaya membangunkan sebuah keluarga Islam yang akan menjadi pusat dakwah dan jihad Islam. Rasulullah s.a.w. telah mengarahkan kita kepadanya dengan sabda baginda:

"*Wanita itu dinikahi kerana empat perkara: kerana hartanya, kerana keturunannya dan pangkatnya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu mengambil wanita yang beragama supaya kamu berbahagia*".

Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w., tidak mengiktiraf wali yang menikahkan puterinya dengan seorang lelaki yang tidak disukai oleh puterinya. Ini memberi peluang kepada puteri Islam untuk memilih suami yang soleh.

19.2 Beriltizam dengan Batas-batas Islam

Kita mahu supaya undang-undang dan adab-adab Islam mampu mengawal dan menguasai setiap tahap dan peringkat pembangunan rumahtangga muslim. Sama ada dari peringkat pinangan, akad nikah, mempersiapkan rumahtangga sepasang suami isteri dan masa pengantin baru atau

berbulan madu mestilah jauh dari adat lapuk jahiliah yang rosak. Sama ada jahiliah lama atau baru, yang bertentangan dengan syariat Allah Taala ataupun yang menjadi penghalang di jalan perkahwinan yang kadang-kadang menghalang langsung untuk terlaksananya perkahwinan. Mengapakah tidak dilaksanakan akad nikah itu di masjid? Di dalam udara yang bersih dan luas yang jauh dari sikap menunjuk-nunjuk dan adat-adat buruk? Berbelanja berlebih-lebihan dan boros yang bertentangan dengan syariat Islam? Cadangan itu adalah wajar. Akad nikah di dalam masjid tidak digemari oleh manusia sebagaimana dulu mereka tidak menggemari fesyen pakaian Islam. Tetapi kalau kita bersungguh-sungguh mendesak dan bertegas untuk melangsungkan akad nikah di dalam masjid, lama kelamaan ia akan menjadi perkara yang di sukai oleh manusia dan akan menjadi perkara yang biasa. Sebagaimana fesyen pakaian Islam menjadi lumrah dan disukai oleh manusia. Sesungguhnya itulah pertentangan di antara kemuliaan dan kehinaan. Kalau kita berpegang teguh dengan kemuliaan dan adab-adab Islam, kita akan berjaya menegakkan dan menanamkan keperibadian Islam yang kita cita-citakan ke atas manusia.

19.3 Kebahagiaan Rumahtangga Yang di Cita-citakan

Apabila telah selesai pemilihan yang berasaskan agama, sempurnalah langkah-langkah yang menuju ke alam perkahwinan sesuai dengan ajaran Islam.

Mulalah kita membangunkan rumahtangga muslim di atas asas yang teguh yang akan merealisasikan kemantapan, ketenangan dan kebahagiaan yang sejati yang selama ini dicari-cari oleh beberapa banyak keluarga pada zaman ini. Kebahagiaan itu bukan dari luar diri. Tidak pula dapat dicari dengan harta, tempat kediaman, pakaian dan perhiasan rumah. Tetapi kebahagiaan itu diperolehi dari dalam diri sendiri, dari ketakwaan kepada Allah. Kerana Allahlah yang mengurniakan kebahagiaan yang memberi mawaddah dan rahmah cinta dan kasih sayang di antara suami isteri. Benarlah Allah yang Maha Agung yang telah berfirman:

"*Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cendurung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikannya di antaramu kasih dan sayang*". Ar-Rum: 21

Kita tidak memandang kebahagiaan itu pada harta yang banyak, tetapi orang yang bertakwa itulah orang yang berbahagia.

19.4 Perkahwinan Itu Ibadat

Risalah dan tugas kita di dalam hidup ini ialah beribadat kepada Allah Taala. Oleh itu, kita mestilah berusaha menjadikan segala urusan hidup kita sebagai ibadat kepada Allah s.w.t. Kita jadikan seluruh kehidupan hidup sebagai alat untuk menghampirkan diri kepada Allah. Kita gunakan hidup kita dengan segala kemudahan yang ada untuk menolong kita beribadat kepada Allah. Kerjaya, perkahwinan, pendidikan anak-anak dan Iain-lain perkara yang merangkumi segala kegiatan hidup kita semuanya itu merupakan ibadat kerana Allah untuk menghampirkan diri kepada Allah asalkan ia dilakukan kerana mengharapkan keredhaan Allah dan menjauhi kemurkaanNya.

Oleh itu putera puteri Islam mestilah menganggap urusan perkahwinan mereka sebagai ibadah mereka kepada Allah apabila diurus menurut hukum Allah. Kedua-dua pihak mengharap keredhaan dan ganjaran Allah. Oleh kerana itu kedua belah pihak mestilah mengetahui ajaran-ajaran dan adab-adab Islam, hak-hak dan tanggungjawab suami isteri, rumahtangga dan keluarga, bersungguh-sungguh melaksanakan tugas masing-masing dan beriltizam dengan adab-adab itu. Tolong menolong ke arah kebaikan, menuju takwa dan ke arah mentaati Allah di dalam pergaulan mereka. Saling menghargai, saling menghormati dan berkasih sayang di antara keduanya semuanya itu mesti diatur menurut syariat Islam. Benarlah Rasulullah s.a.w. tatkala baginda bersabda yang bermaksud:

"*Semoga Allah memberi rahmat kurnia kepada lelaki yang bangun di tengah malam lalu dia sembahyang dan membangunkan isterinya, maka sekiranya enggan juga bangun untuk bersembahyang, dia merenjiskan air ke mukanya. Semoga Allah memberi rahmat kurnia kepada wanita yang bangun di tengah malam itu lalu bersembahyang dan membangunkan suaminya. Maka jika dia enggan, dia merenjiskan air ke mukanya*" (Riwayat Abu Daud dengan sanad yang sahih)

19.5 Perkahwinan Itu Saling Percaya Mempercayai

Apabila telah wujud suasana saling percaya mempercayai cinta-mencintai di antara suami isteri, lahirlah kebahagiaan dan kepuasan jiwa di dalam rumahtangga mereka. Rumahtangga mereka menjadi rumahtangga muslim yang bahagia dalam kebahagiaan yang sejati selagi ianya diatur

menurut peraturan syariat Islam. Hapuslah segala prasangka, hilanglah segala keraguan. Tiada lagi kata mengata, tuduh-menuduh dan kepura-puraan. Kebahagiaan yang sedemikian rupa tidak akan wujud kecuali di bawah naungan takwa kepada Allah dan mencintai Allah di waktu terang dan rahsia, di waktu tersembunyi dan waktu dilihat. Lantara itu, tenteramlah jiwa suami dan berpuas hati kepada isterinya dan yakinlah ia bahawa isterinya hanyalah untuk dirinya sendiri sahaja, yang memelihara diri walau berapa lama pun dia terpisah dari isterinya. Demikian juga sikap isterinya terhadap suaminya dibaluti dengan sepenuh kepercayaan itu. Di dalam suasana bahagia yang demikian, syaitan dari bangsa jin dan manusia tidak mempunyai jalan untuk mengganggu dan mengoda keduanya.

19.6 Perkahwinan Sebagai Syarikat Yang Dipimpin oleh Suami

Apabila kehidupan rumahtangga suami isteri dibangunkan di atas dasar kerjasama, di atas syura, tolong-menolong, cinta-mencintai, di bawah pimpinan suami sebagai pihak yang bertanggungjawab, yang mempunyai kata dan kuasa pemutus, inilah yang mendorong melahirkankejmantapan, keteguhan, kerukunan dan kebahagiaan rumahtangga dan keluarga yang selama ini diimpikan dan diidamkan oleh manusia di seluruh dunia. Jika masih terdapat kepincangan di dalam pertimbangan ini, maka tidak akan wujud satu kemantapan dan kebahagiaan. Benarlah Allah Taala di dalam firmanNya:

"*Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang maaruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya*". *Al-Baqarah: 228*

"*Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah lebih melebihkan sebahagiaan mereka (lelaki) atas sebahagiaan yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka*". An-Nisa': 34

Lantaran itu sempurnalah penntadbiran urusan rumahtangga dan pertimbangannya di dalam suasana penuh kerjasama, tanggungjawab dan syura di dalam batas-batas ajaran Islam. Tidak lagi wujud keborosan dan kebakhilan kerana semuanya berada di dalam rasa Qana'ah (berpuas hati dengan apa yang ada), redha dan yakin bahawa dunia ini bukanlah negara Jannatunna'im. Lihatlah rumahtangga Rasulullah s.a.w. kadang-kadang berlalu sebulan demi sebulan, pernah dapurnya tidak berasap kerana tiada bahan makanan yang dapat dimasak. Walaupun demikian susahnya, rumahtangga Rasulullah s.a.w. tetap menjadi rumahtangga yang paling bahagia yang tidak ada tolok bandingnya hingga hari ini.

19.7 Perkahwinan Adalah Tanggungjawab dan Amanah

Suami isteri mestilah menyedari dan merasai bahawa mereka memikul amanah dan tanggungjawab. Setiap orang dari kamu adalah pemimpin yang bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Oleh itu, hendaklah kamu bertakwa kepada Allah di dalam perkara yang dipertanggungjawabkan dan diamanahkan kepada kamu. Benarlah Allah yang berfirman:

"*Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu*". AtTahrim:6

Rasulullah s.a.w. bersabda:

"*Orang yang paling baik di kalangan kamu adalah yang paling baik kepada ahlinya dan akulah yang paling baik di kalangan kamu terhadap ahlinya*".

Kita sentiasa memerlukan pertimbangan yang waras demi pemeliharaan itu, sebagai contoh, kita biasa memberi perhatian yang berlebihan apabila salah seorang dari anggota keluarga kita jatuh sakit. Tetapi perhatian yang sewajarnya tidak diberikan terhadap salah seorang anggota keluarga yang mencuaikan hak Allah atau menyalahi ajaran Islam, padahal itulah yang paling utama diperhatikan dan diubati.

19.8 Rumahtangga Muslim Merupakan Risalah

Sebagaimana kita menghendaki bentuk yang benar dan hidup bagai Islam dan seorang muslim yang benar akidahnya, yang benar ibadatnya, yang benar akhlaknya, yang benar sikap dan yang benar segala tindak tanduk dan perkataannya, demikian juga kita menghendaki rumahtangga muslim itu supaya menjadi pusat perlaksanaan segenap ajaran Islam di dalam hidup berkeluarga dengan perlaksanaan yang selamat sejahtera dan teliti. Kita ingin melihat suami muslim yang memikul tanggungjawab terhadap rumahtangganya menurut ketentuan Islam. Kita mahu melihat bapa muslim yang memelihara anak-anaknya dengan adab-adab Islam, memberi kefahaman Islam yang sejati kepada mereka dan mengawasi mereka pada setiap peringkat hidup mereka. Kita mahu melihat isteri muslimah yang menjadikan rumahtangga sebagai taman sari yang memuaskan dan

menggembirakan suaminya.

Di dalamnya terdapat hiburan dan keberkatan jauh dari kepayahan dan penat lelah perjuangan dan menolong suaminya mentaati Allah Taala. Alangkah indah dan hebatnya kata-kata yang diucapkan oleh seorang isteri kepada suaminya tatkala dia keluar dari rumahnya di waktu pagi: "Bertakwalah kepada Allah di dalam urusan kami dan janganlah kekanda memberi kami makanan kecuali yang halal dan baik-baik sahaja".

Kita ingin melihat di dalam rumahtangga muslim ini, ibu muslim yang memelihara anak-anak dan membentuk mereka menurut acuan Islam kerana dialah yang sentiasa berdamping dengan mereka. Inilah risalah, amanah dan tugas para wanita dan isteri yang paling penting yang selama ini cuba dihapuskan oleh musuh-musuh manusia. Mereka cuba menyelewengkan fakta-fakta ini dari para isteri dengan berbagai-bagai pembohongan dan penipuan dengan tujuan untuk merobohkan bangunan masyarakat.

Kita ingin melihat di dalam rumahtangga muslim itu, putera puteri Islam yang sejati yang memperhambakan diri mereka kepada Tuhan. Mereka mentaati Allah, berbuat baik dan berjasa kepada ibu bapa. Mereka bergaul dengan sahabat-sahabat mereka menurut adab-adab Islam dan tidak lahir dari mulut sepatah perkataan dan sebarang perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Kita mengingini rumahtangga muslim yang memelihara hubungan silaturrahim, yang sentiasa mengambil berat urusan kerabat dan menyempurnakan hak-hak mereka. Kita mahu melihat rumahtangga dan keluarga muslim menjadi satu bentuk yang ulung di mana Islam telah terpahat kukuh di dalam diri mereka. Mereka bergaul baik dengan khadam mereka, di mana khadam mereka makan apa yang mereka makan dan berpakaian seperti apa yang mereka pakai dan tidak membebankan sesuatu bebanan di luar kemampuannya. Apabila mereka membebankan sesuatu di luar kemampuannya, mereka menolongnya.

Kita ingin melihat dari rumahtangga muslim itu satu bentu yang unik sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam tentang berbuat baik di dalam bermuamalah dengan jiran. Mereka menyempurnakan hak jiran sebagaimana peranan Rasulullah s.a.w.

Kita menghendaki rumahtangga muslim yang melahirkan contoh teladan yang baik dalam setiap aspek kehjdupan. Dengan fesyen pakaian yang Islamik, makanan dan minuman yang halal, akhlak yang mulia, sikap yang Islamik, gaya yang Islamik dalam setiap adat dan tradisi, di waktu suka dan duka. Mereka menjauhi segala unsur-unsur jahiliah dan budaya jahiliah yang diimport dari luar. Kita tidak mahu melihat dari golongan sahib-ad-dakwah yang menyeru manusia kepada Allah, yang berjalan di atas jalan dakwah, melakukan sebarang kecuaian atau kelalaian di dalam melahirkan serta membina anggota-anggota keluarganya dengan ajaran Islam di dalam sebarang lapangan kehidupan keluarganya. Sesungguhnya orang yang lemah dalam memimpin rumahtangganya tidak akan mampu memimpin orang lain apatah lagi rumahtangga orang lain.

19.9 Rumahtangga Muslim Sebagai Markas Memancarnya Cahaya

Rumahtangga muslim yang sejati menurut tabiat dan lojiknya mesti menjadi pusat dakwah Islam. Setiap anggota keluarga yang akil baligh wajib menjadi sahibud-dakwah, pendokong dakwah, menyeru rumahtangga dan keluarga sekitarnya kepada Allah dengan penuh kesabaran, dengan hikmah dan nasihat yang baik. Isteri yang solehah mampu menarik hati jiran-jiran dengan dakwah kepada Allah. Kehadiran mereka merubah majlis-majlis yang dikuasai oleh umpat-mengumpat dan sia-sia menjadi majlis-majlis ilmu dan pelajaran dan ke arah memahami urusan agama.

Bidang dakwah Islam sangat memerlukan saudari muslimat yang menyeru manusia kepada Allah, supaya memainkan peranannya di kalangan puteri bangsanya. Sesungguhnya wanita hari ini kecuali yang telah mendapat taufik Allah telah dijadikan boneka oleh musuh-musuh Islam untuk meruntuhkan dirinya dan memusnahkan orang lain. Tetapi kita hendaklah menjadikannya sebagai wanita solehah yang turut bersama kita untuk memperbaiki yang rosak dan membangunkan yang maaruf dan merobohkan yang mungkar serta menghapuskan yang batil, menyokong kemuliaan dan memerangi kehinaan.

Kita menghendaki rumahtangga muslim sebagai rumah api yang memberi panduan dan petunjuk kepada orang-orang yang bingung dan sesat di sekitarnya. la menghapuskan dan memusnahkan segala kegelapan di sekelilingnya serta menyinari jalannya untuk dilalui oleh mereka. Dengan bertambahnya rumah-rumah muslim seperti ini akan bersambung-sambunglah daerah-daerah nur dan cahaya dan bercantum di antara satu sama lain sehingga mampu menyinari masyarakat. Maka dengan demikian keperibadian Islam mampu menyinari masyarakat dan memimpinnya di bawah naungan Islam. Lantaran itu kemuliaan mudah dikembang-biakkan dan

kejahatan mudah dihapuskan. Barulah mudah dibentuk dasar dan asas keimanan yang bersih dan mantap sebagai asas bangunan Islam dan pemerintahan Islam seterusnya kerajaan Islam yang global.

Untuk itu, saudara saudari putera puteri Islam harus dan patut bersungguh-sungguh dan bersegera membangunkan rumahtangga muslim yang ideal yang menjadi model Islam yang sejati untuk menjadi contoh teladan kepada generasi baharu. Ini adalah satu langkah yang penting dan asasi di jalan dakwah Islam. Mohonlah pertolongan dari Allah supaya Allah mudahkan dan jangan menyusahkan.

Wabillah hi taufik-wal-hidayah.

BAB 20

Tidak Terpesong dari Jalan Dakwah

Kita telah mengetahui marhalah dan peringkat yang sedang dilalui oleh dakwah Islam dan jenis usaha dan amal yang sungguh-sungguh yang dikehendaki oleh tahap dan peringkat ini. Iaitu menyediakan generasi Islam yang beriman, yang menegakkan syakhsiah Islam untuk mengubah realiti yang batil dan menegakkan kembali syariat Islam, syariat Allah. Tuntutan yang asas pada hari ini ialah menyediakan dasar (tapak) mukmin yang kukuh yang di atasnya dibina bangunan Islam yang agung dan mencakar langit dan mampu melindunginya dari kemusnahan gempa bumi, gangguan dan tekanan. Generasi Islam yang merupakan dasar yang kukuh itu dapat dilahirkan di alam nyata dengan memperbaiki diri lalu membangunkan rumahtangga Islam. Kemudiannya mereka menyeru manusia supaya meramaikan lagi golongan individu dan rumahtangga muslim dengan cinta-mencintai berasaskan kepada konsep persaudaraan kerana Allah. Mereka ini kemudiannya bercantum dan diikat menjadi satu generasi Islam yang baru muncul yang menjadi teras dan dasar yang kukuh dan beriman yang sangat diperlukan untuk membina bangunan Islam ini.


Tetapi di sana ada beberapa banyak puak penyeleweng dan puak pemesong yang berusaha memesongkan para pendokong dakwah kerana Allah dari usaha yang sungguh-sungguh ini. Ataupun memesongkan mereka dari jalan dakwah Islam supaya usaha dan tenaga hanya ditumpukan kepada urusan sampingan atau perkara cabang sama ada dengan niat baik atau sebaliknya. Tanpa disedari, ini boleh menghancurkan segala usaha-usahanya dan tidak menolongnya langsung. Pengarahan yang bersimpang-siur dan tidak bersatu akan menyusahkan kita untuk membuat kerja-kerja Islam atau boleh jadi terhenti langsung.

Angkatan muda Islam yang berkobar-kobar semangatnya boleh jadi mudah tertarik kepada tindakan yang demikian sekiranya mereka tidak berwaspada, tidak teliti dan tidak menjauhkan diri daripadanya. Kita akan cuba memberi penjelasan lebih lanjut di dalam perkara ini.

20.1 Urusan Kulliah dan Juz'iah

Di sana ada urusan kulliah (urusan pokok) dan urusan juz'iah (urusan cabang). Urusan kulliah ialah urusan Islam, mengembalikan semula muslim kepada Islam yang sahih, menegakkan syariat Allah, undang-undang Islam, membentangkan daulah Islam, kekuasaan Allah dan kekuasaan agama Allah di bumi. Di sana ada juga urusan juz'iah atau urusan cabang di dunia Islam yang perlu dirawat dan dibereskan. Perkara yang sengaja ditimbulkan dan ditonjolkan oleh musuh-musuh luar atau musuh-musuh tempatan. Apabila kita memberikan sepenuh perhatian kepada urusan juz'iah semata-mata dengan segala usaha dan tenaga yang ada pada kita sekarang maka kita tidak akan mampu menyelesaikannya. Tindakan sedemikian memesongkan kita dari usaha asasi yang sangat diperlukan oleh peringkat ini sekarang iaitu mempersiapkan dasar yang kukuh dari generasi yang beriman dan yang bersatu padu. Jadi masalah ini menuntut supaya kita memberikan sebahagian usaha waktu kita kepada jurusan juz'iah itu, di samping itu kita mesti berusaha bersungguh-sungguh dan terus membuat persiapan untuk urusan pokok dan asasi. Kerana apabila urusan pokok ini dapat kita realisasikan maka segala urusan juz'iah dapat kita bereskan dengan mudah. Insya Allah.

Seperkara yang penting dan perlu diperhatikan bersama, bahawa para pendokong dakwah, para duat kepada Allah yang sedang berada di dalam peringkat dakwah dan persiapan untuk mendirikan daulah Islam tidak boleh mengambil alih semua tanggungjawab, padahal tanggungjawab yang demikian hanya tanggungjawab khusus kepada negara dan daulah Islam apabila ia tegak nanti. InsyaAllah. Kita perlu sentiasa ingat dan sedar bahawa amal jama'i yang sistematik, terancang, yang telah diperkuat oleh syura dan beriltizam dengan syariat Islam itulah yang wajib, paling selamat, paling sempurna dari amal perseorangan yang tidak terkawal serta dicetuskan oleh semangat yang berkobar-kobar tanpa melihat akibatnya. Oleh itu kita dapat menjamin bahawa di sana tidak ada perkara yang boleh mengelirukan usaha para petugas dan para pekerja di bidang dakwah dengan berbagai-bagai urusan juz'iah tanpa panduan dan perancangan



yang sistematik.

20.2 Perbezaan Pendapat Di Sekitar Masalah Cabang

Sebahagian daripada perkara yang memesongkan urusan dakwah Islam ialah membesar-besarkan_perbezaan pendapat tentang perkara furu' (cabang), lalu banyak tenaga, usaha dan waktu serta semangat tertumpu kepadanya. Di tengah-tengah kesibukan demikian, syaitan pun masuk campur untuk memecah-belahkan hati-hati yang telah bersatu padu dan menghalang semangat bekerjasama dan tolong menolong dalam menguruskan kepentingan dakwah di jalan dakwah dengan segala tuntutannya. Akhirnya bidang dakwah menjadi gelanggang perdebatan dan pertelingkahan yang bertali-tali sama ada di dalam lembaran buku-buku atau perjumpaan-perjumpaan. Perbuatan demikian memesongkan para pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah dari peranan yang penting yang dipertanggungjawab kepada mereka terhadap diri mereka dan terhadap manusia. Apabila datang kepada mereka seorang yang hendak mengetahui selok-belok agamanya, dia akan merasa susah hati melihat pertentangan dan perselisihan pendapat ini lalu dia lari menjauhkan diri dari para pendokong dakwah. Ini adalah merupakan satu kerugian besar yang mesti dielakkan.

Alangkah baiknya jika kita berpegang kepada kaedah yang selamat di dalam menyatukan amal usaha dan tolong menolong dengan bekerjasama dan tolong menolong di dalam perkara yang disepakati. Sebahagian dari kita memberi kemaafan (excuse) terhadap sebahagian yang lain di dalam perkara yang kita selisihkan terutama perselisihan tentang masalah furu' atau perkara cabang. Ada lagi satu kaedah lain yang mengatakan bahawa setiap masalah yang tidak dapat menghasilkan sebarang tindakan dan usaha, maka mengharungi masalah yang demikian adalah satu tindakan yang dilarang oleh syariat Islam.

Alangkah besar bahayanya orang yang baru belajar tetapi telah menganggap dirinya setaraf dengan imam-imam mujtahid lalu dia berijtihad. Apabila dia telah mengetahui satu nas di dalam satu perkara, dia mengeluarkan fatwa dan hukum lalu berpegang kuat dengan fatwanya dan tidak mahu lagi menerima pandangan yang bertentangan dengan fatwanya. Lebih dari itu, dia menyeru manusia supaya mendokong fatwanya dan menghimpunkan golongan yang tidak berilmu tadi dengan fatwanya, walhal mereka sendiri tidak mempunyai ilmu untuk mengukur sejauh mana benar atau tidak apa yang dikatakan kepada mereka dan mereka turut menyeru manusia kepada fatwa tersebut.

Orang yang demikian adalah orang yang telah terpedaya. Dia menyangka bahawa dengan membaca satu atau dua buku, dia telah mengetahui semua perkara dan menganggap dirinya telah layak berijtihad dan dapat merumuskan satu hukum daripada nas yang dibacanya dan merasa mampu berbahas dan berhujah dengan ahli zikr dan ikhitsas hingga berani mengkritik dan menyalahkan mereka. Padahal sesiapa yang menganggap dirinya pandai dia telah menjadi bodoh. Semoga Allah memberi rahmat kepada orang yang mengenal kadar kemampuan dan taraf dirinya. Kita dengan pengalaman (tajribah) yang telah kita lalui tidak merasa kasihan kepada dakwah Islam dan harakah Islam lantaran adanya sikap yang demikian. Kerana Allahlah yang memelihara dakwahnya dan harakah Islam dan menjaganya tetapi kita kasihan kepada mereka yang maghrur (yang terpedaya), kerana mereka salah jalan dan tidak mendapat sebarang kebaikan. Kita mempunyai pengalaman yang telah diajar oleh harakah Islam yang sejati bahawa sesiapa yang ada kebaikan padanya, Allah menggabungkan dia kepada kita dan siapa yang tidak mempunyai sifat demikian, Allah menjauhkan dia dari kita dan Allah menyelamatkan kita daripadanya.

20.3 Keburukan Keadaan Orang Yang Kita Seru

Seperkara yang memalingkan manusia dari seruan Islam, adalah keburukan keadaan dan suasana masyarakat, kerendahan taraf hidup serta asing dari Islam dan ajarannya. Itu adalah sebahagian dari perkara-perkara yang mendorong sebahagian manusia bersikap putus asa dari jalan kebaikan dan berpaling dari memikul tugas dakwah Islam, tugas menyeru manusia kepada Allah. Sebahagian dari mereka berfikir untuk mengasingkan diri dari manusia dan menjauhkan diri dari segala pergolakan hidup. Sebahagiannya pula bersikap berkecuali dan berdiri di atas pagar menonton pertarungan di antara Islam dan jahiliah kerana takut fitnah, bimbang diganggu-gugat oleh manusia serta takut menerima risiko. Sikap sedemikian adalah salah. Melaungkan seruan Islam kepada manusia yang sedang tenggelam dalam lautan jahiliah serupalah dengan mengejutkan orang-orang yang tidur nyenyak yang berhampiran dengan kebakaran, dan api semakin menghampiri mereka padahal mereka tidak sedar bahawa diri mereka di dalam bahaya besar. Tidaklah patut kita membiarkan mereka tanpa berusaha membangunkan mereka walau bagaimana

nyenyak pun tidurnya. Boleh jadi sebahagian dari mereka menolak tangan kita tatkala kita membangunkan mereka kerana seronok tidur. Itu tidak boleh menjadi alasan untuk membiarkan mereka dimakan api, sebaliknya kita mestilah bersabar dan redha menanggung gangguan mereka dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkannya.

Demikian juga halnya dengan seorang doktor yang sedang mengubat orang sakit. Dia bersabar dan meneruskan rawatannya tanpa putus asa bagaimana tenat sekalipun penyakit si pesakit itu. Dia yakin bahawa yang menyembuhkan orang sakit itu Allah Taala sahaja dan Dialah sahaja yang berkuasa menyembuhkan penyakit. Demikianlah juga sikap sahibud-dakwah yang menyeru manusia kepada Allah walaupun bagaimana buruk keadaan manusia yang diseru. Walaupun mereka menolak dan mengganggunya. Dia mesti terus menyeru mereka kepada ajaran Islam yang sejati tanpa merasa putus.asa. Dia yakin bahawa yang memberi hidayah hanyalah Allah. Kita hanyalah berusaha dan berikhtiar dan menunaikan kewajipan.

Adapun sikap berpaling atau tidak endah kepada usaha dakwah Islam atau berdiri di atas pagar membisu seribu bahasa kerana takut fitnah dan gangguan, maka itu adalah sikap negatif yang tidak sihat dan bertentangan dengan ajaran Islam yang hakiki. Adakah patut bagi seorang doktor tidak mahu mengubati orang sakit kerana takut dijangkiti? Sekiranya doktor itu bersikap demikian, nescaya penyakit itu melanda masyarakat dan memusnahkan masyarakat termasuk doktor itu sekali. Demikian juga kalau para duat yang menyeru manusia kepada Allah memberhentikan dakwah dan seruan mereka, akan tersebarlah fitnah dan pesona. Fitnah dan pesona itu kelak akan melanda rumah-rumah para pendokong dakwah sendiri, akan melanda segala yang hijau, yang basah dan kering," malah terus menular kepada fitnah yang lebih dahsyat lagi. Tidak ada jalan yang lebih selamat untuk kita kecuali berdakwah dan menyeru manusia kepada jalan Allah. Inilah satu-satunya jalan selamat untuk kita dan manusia.

Untuk itu, kita memohon perlindungan, pertolongan dan hidayah dari Allah dengan memperbaiki hubungan kita dengan Allah dan menggabungkan diri kita dengan sahibud-dakwah, dengan saudara kita yang mengingatkan apabila kita lupa, menolong kita apabila kita telah ingat. Kita hendaklah menggabungkan diri kita dan manusia di bawah naungan jamaah Islam dan bekerjasama dengan mereka di dalam urusan dakwah Islam. Hanya kambing yang terasing dari kumpulannya yang mudah diterkam oleh serigala yang buas. Setiap orang dari kita hendaklah yakin dan percaya bahawa kebenaran yang kita bela dan perjuangkan, pasti akan menghapuskan batil yang ada pada manusia walau bagaimana bongkak dan congkak pun ia.

20.4 Putus Asa Dari Kemenangan

Ada orang berpendapat dengan pendapat yang dangkal dan terburu-buru apabila dia melihat muslimin berada di dalam kelemahan, kemunduran dan perpecahan. Di pihak yang lain pula ia melihat musuh Islam berada dalam kekuatan dan kemajuan. Mereka kelihatan saling bertentangan antara mereka, tetapi mereka bersatu memerangi Islam. Mereka sekarang ini memerangi dunia Islam dengan segala bentuk peperangan, serangan dan hentaman untuk menghancurkan muslimin dan meruntuhkan bangunan Islam serta menghapuskan Islam dari luar dan dalam. Mereka pecah-pecahkan daerah-daerah dan bahagian-bahagian Islam dari tubuh dunia Islam dan kita tidak melihat sebarang tindakbalas dari umat Islam yang berkesan kecuali perisytiharan demi perisytiharan, bantahan demi bantahan atau kesalan demi kesalan. Kalau demikian keadaannya, bagaimana para pendokong dakwah Islam dapat merealisasikan dan melahirkan cita-cita yang mereka harapkan? Mereka sedang dilambung oleh angan-angan kosong dan berenang di lautan khayalan dan kita berjalan bersama mereka menuju bayang-bayang dan fatamorgana?

Pemikiran dan konsep inilah yang menguasai fikiran mereka yang sedang terpedaya dengan sikap putus asa yang memalingkan mereka dari jalan dakwah. Sesungguhnya itulah konsep dan pemikiran yang salah yang timbul dari jiwa yang lemah yang merasai kekalahan dari dalam yang tidak merasai kemuliaan dan kekuatan yang diyakinkan oleh Islam di dalam jiwa para pemeluknya.

Orang yang mengukur setiap perkara dengan ukuran kebendaan semata-mata tentu memperolehi kesimpulan dan konsep pemikiran yang demikian. Pada hal, hakikatnya tidak demikian kerana urusan ini adalah pertarungan di antara hak dan batil, yang haklah yang mesti diikuti dan hapus;

"*Demikianlah Allah membuat perumpamaan bagi yang benar dan yang batil. Adapun buih itu, akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya; adapun yang memberi menafaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi*" Ar-Ra'ad: 17

Di satu ketika Rasulullah s.a.w. bersama dengan mukmin yang masih sedikit bilangannya

itu, berkumpul di rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam r.a. Mereka dikelilingi oleh pembesar-pembesar Quraisy yang berkuasa di kalangan bangsa Arab, oleh negara raksaksa Romawi dan Parsi, Yahudi dan Kristian dan seluruh pendokong jahiliah dari segenap penjuru dunia. Bagi orang yang mengukur dengan ukuran kebendaan akan berkata: "Bagaimana kumpulan yang kecil dan sedikit serta tertindas itu dapat melawan dan mengalahkan kebatilan dan jahiliah yang umpama raksaksa yang sombong itu? Bagaimanakah pula caranya Rasulullah s.a.w. pada saat-saat genting itu dapat menggembirakan mereka dengan bersabda yang bermaksud:

"*Allah pasti menyempurnakan urusan ini, memberi kemenangan kepada Islam, sehingga berjalanlah penunggang itu dari San 'a ke Hadhramaut, tidak ada yang ditakuti kecuali Allah dan serigala yang akan memakan kambingnya, akan tetapi kamu terburu-buru, hendak mencapai kemenangan dengan segera*".

Allah telah membuktikan kebenaran sabda Rasulullah s.a.w. itu lalu menanglah yang hak dan hapuslah yang batil kerana kemenangan itu dari Allah yang mempunyai tentera di langit dan bumi. Sesungguhnya Islan dan nur Allah itulah yang mengalahkan kegelapan batil dan apakah dapat pendokong kebatilan itu memadamkan nur Allah?

Allah berfirman:

"*Mereka ingin memadamkan cahaya (agama) Allah dengan mulut (ucapan-ucapan) mereka, dan Allah tetap menyempurnakan cahayanya meskipun orang-orang kafir benci. Dialah yang mengutuskan Rasulnya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar agar dia menenangkannya di atas segala agama-agama meskipun orang-orang musrik benci*" As-Saff:8-9

Sebenarnya masa depan adalah untuk Islam dan zaman itu adalah untuk kepentingan Islam, InsyaAllah, kerana agama kita ini adalah agama fitrah, agama yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Manusia akan mencarinya dan menuju kepadanya kerana disitulah kebahagiaan dan keamanan. Terutamanya pada hari ini di mana segala sistem keduniaan dan segala ideologi dan sistem hidup yang bukan Islam telah membuka pekongnya, telah mengisytiharkan kebangkrapannya dan mengakui kegagalannya setiap hari dalam memberi kebahagiaan kepada manusia. Segala kebudayaan yang telah dibangunkan di atasnya sedang menuju ke arah keruntuhan tatkala melihat kembali kebangkitan Islam yang sangat nyata gambaran dan tanda-tandanya di kalangan generasi Islam yang sedang muncul dan berkembang. Itu semua merupakan berita baik yang menggembirakan yang akan memperkuatkan harapan kita kepada kemenangan Islam yang agung dan gemilang itu suatu masa nanti. Insya Allah.

20.5 Meragui Jalan dan Meragu-Ragukan Orang-orang Yang Berjalan Di Atas Jalan Dakwah

Adanya puak-puak yan menaburkan benih-benih keraguan dan debu-debu syak wasangka di sekitar jalan dakwah Islam di sepanjang jalan dakwah untuk mengabui mata petunjuk-petunjuk dakwah Islam di sepanjang jalan dakwah bukanlah satu perkara asing. Tujuan mereka semata-mata hanya mahu memadamkan hidayah Islam dari manusia, supaya manusia yang berminat melalui jalan dakwah Islam berpaling daripadanya. Untuk itu, mereka melemparkan pelbagai tuduhan palsu dan jahat terhadap para pendokong dakwah Islam dan melemparkan tuduhan-tuduhan melulu. Ada yang sanggup berkata: "Para pendokong dakwah Islam itu mabuk kuasa, mabuk dunia, bertopengkan agama, memperalatkan agama dan berbagai-bagai lagi tuduhan busuk dan lidah yang tidak bertulang dari pemeluk jahiliah dari luar atau dari dalam. Di samping itu ada pula suara-suara sumbang yang mengatakan bahawa mereka, para pendokong dakwah Islam hanya bergiat di bidang pendidikan, dan memberi nasihat kepada manusia dan tidak pernah memikirkan pemerintahan. Oleh itu mereka tidak akan dapat melahirkan satu cita-cita dan mencapai satu tujuan. Lebih dari itu ada lagi pihak yang tergamak melemparkan tuduhan yang lebih jahat dan berkata: "Sesungguhnya mereka ini, para pendokong dakwah Islam, pengganggu keamanan, hendak menumpahkan darah". Di pihak lain pula ada yang menuduh lalu berkata: "para pendokong dakwah Islam telah penat, dan menjadi bacul, meninggalkan jihad, telah lesu dan mengampu pihak yang berkuasa". Tidak ketinggalan juga ada yang menuduh dan berkata: "para pendokong dakwah Islam telah menyeleweng dari jalan dakwah Islam. Mereka telah bertukar bulu, menukar pendirian mereka, mereka telah berubah". Ada lagi yang berkata: "Sahib-ud-dakwah Islam itu beku, mempunyai fahaman sempit dan tidak mampu menyesuaikan harakah mereka dengan zaman moden ini". Ada lagi yang berkata: "Para duat Islam itu menutup pintu di hadapannya dan membantah kerja-kerja Islam". Ada pula yang berkata: "Mereka tidak mementingkan urusan akidah Islam. Mereka hanya sibuk dengan urusan fikrah dan harakah sahaja". Ada juga yang menuduh bahawa sahib-ud-dakwah itu tidak beriltizam dengan manhaj ahli sunnah dan salafussoleh dan condong kepada fahaman khilafiah orang muta'akhirin di zaman muta'akhirin, dan pelbagai lagi uslub dan cara yang meragukan manusia. Ini sengaja ditaburkan oleh pihak-pihak yang tertentu dengan tujuan yang

tertentu sama ada dengan niat baik atau tujuan jahat. Tetapi semuanya dibuat untuk memalingkan manusia yang berminat kepada usaha-usaha untuk Islam dari jalan yang benar dan hendak memecah-belahkan usaha-usaha untuk Islam dan memperkotak-katikkannya.

Islam menuntut dari para pemeluknya supaya mereka meneliti, mengkaji, menyelidik dan meneropong segala perkara supaya mereka tidak mudah tertipu, tidak mudah hanyut dan tidak mudah menjatuhkan hukuman. Muslim yang sejati, yang dedikasi, yang telah memasang niat dan berazam benar untuk bekerja dan berusaha untuk Islam, tidak akan terpengaruh oleh mana-mana puak pemesong, penyelewengan yang hendak memalingkannya dari jalan yang benar. Tidak akan dapat dikaburi mata mereka oleh berbagai-bagai tuduhan, perangkap pujuk rayu. Dia mestilah sentiasa berwaspada, dan sentiasa meneropong segala perkara untuk mengenali segala perkara, untuk mengenali hakikat yang tersembunyi di sebalik mazhar yang lahir:

"*Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa satu berita maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada satu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu*".Al-Hujurat: 6

Setiap orang yang mencari penjelasan, yang meneropong dan memeriksa, lambat laun akan mengetahui dengan limpah kurnia Allah tentang kepalsuan segala tuduhan jahat yang batil itu. Mereka akan mengetahui tentang keaslian jalan kita yang benar itu tanpa penukaran dan tanpa penyelewengan. Malah mereka akan mendapat kekuatan, kemantapan, ketahanan, kesungguhan dan keteguhan serta jauh dari kelemahan, kebaculan dan kelesuan. Dia akan mendapat hikmah, tidak hentam keromo dan tidak mudah melatah. Dia akan mendapat perencanaan yang selamat, bukan beku dan lapuk.

Muslim sejati yang menggabungkan dirinya dengan jamaah Islam tidak akan mendapati pintu yang terus tertutup atau terus terbuka. Sebaliknya dia akan mendapati akidah yang sejati, manhaj salafussoleh, ahli sunnah wal jamaah, berpegang dengan kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. Tidak mudah merasa taksub dan degil di atas satu-satu kesalahan, tidak menoIak nasihat dari penasihat yang jujur dan amanah atau kritikan yang membina. Tidak pula menonjol-nonjolkan dirinya dalam lapangan dakwah kita dan tidak mendewa-dewakan (hero worship) sesiapapun. Dia akan mendapati syura dan tolong menolong dan persaudaraan kerana Allah. Dia akan mendapati hati yang pengasih dan tangan yang penyayang, akal yang terbuka dan minat yang benar di dalam tolong menolong ke arah kebaikan dan takwa. Ini adalah untuk menyatukan segala usaha dan kemudiannya kita bersatu menjadi padu di atas jalan dakwah.

Barangsiapa merasai di dalam dirinya satu keraguan, syak wasangka, tekanan atau kebimbangan, hendaklah berhubung dengan kita dari dekat supaya mengenali kita dan harakah Islam kita. Ini perlu supaya dia tidak mensia-siakan dirinya di dalam daerah prasangka, supaya dia tidak terjerumus di dalam lumpur dosa dan longkang noda dan menghampakan dirinya dari kebaikan yang banyak. Wahai para kekasih, hai muslimin yang tercinta! Sebenarnya ini bukanlah dakwah individu atau jamaah orang-orang yang tertentu, tetapi sebenarnya inilah dakwah tiap-tiap muslim, inilah Islam dan dakwah Islam di abad keempat belas dan kelima belas hijrah zaman ini sebagaimana yang dikatakan oleh Iman as-Syahid Hassan al-Banna. Barangsiapa yang bersegera dan bekerjasama dengan kita di dalam dakwah Islam, dia mendapat kebaikan dan itulah yang lebih baik. Siapa yang bimbang dan ragu, kita mohon kepada Allah supaya Dia menghapuskan keraguan dan kebimbangannya. Barangsiapa bermalas-malas dan suka duduk berpeluk tubuh menjadi penonton maka dia telah berbuat salah dan menganiaya dirinya dan benarlah Allah di dalam firmanNya:

"*Dan barangsiapa yang berjihad, maka sesungguhnya jihadnya itu adalah untuk dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam*". *Al-Ankabut:6*

"*Dan jika kamu berpaling nescaya Dia akana mengganti kamu dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan seperti kamu*". Muhammad: 38

Lantaran itu, hai semua muslimin, gabungkanlah dirimu dengan angkatan dakwah Islam dan janganlah membuang waktu dengan sia-sia kerana masa itu adalah kehidupan, kewajiban lebih banyak dari masa.

BAB 21

Marilah Kita Bersaudara, Ingat Mengingati, Wasiat Mewasiati dan Tetap Bertahan Hinggalah Kita Menemui Allah Di Atas Jalan Dakwah

Marilah kita bersama memuji Allah, atas nikmat Islam yang menjadi sebaik-baik nikmat Allah kepada kita. Bersyukurlah dengan memuji Allah Taala yang telah memberi taufik kepada jalan dakwah, memudahkan siapa yang telah menolong memimpin dan membangunkan saudara dan mengingatkan saudara dari kelupaan dan kelalaian yang menyelubungi sebahagian kaum muslimin zaman ini. Lantaran saudara mengenali hakikat wujudnya kita dan hakikat risalah dan tugas kita di dalam hidup ini. Dialah yang telah memberi taufik dan hidayah kepada saudara dengan akidah, ibadah dan akhlak Islam. Dengan demikian saudara dapat merasa betapa mulia, agung dan beratnya tanggungjawab saudara terhadap agama yang benar ini. Saudara pula menyedari bahawa saudara tidak akan merasa cukup dengan hanya pada diri saudara tetapi saudara mesti dan pasti memainkan peranan yang positif untuk membangunkan daulah Islam, negara Islam yang adil dan makmur dan menegakkan masyarakat Islam yang dikuasai dan dihakimi oleh akidah Islam, syariat dan undang-undangnya.

Telah jelas kepada saudara bahawa kewajipan yang begitu besar tidak mungkin sempurna dengan usaha individu, tetapi mestilah dengan menggabungkan segala usaha kita semua, dan merealisasikan tujuan yang agung ini. Apa sahaja kewajiban yang tidak akan sempurna kecuali dengannya, maka itu menjadi wajib juga.

Saudara telah mengkaji, meneropong, belajar, bertanya lalu memilih dengan berhati-hati hingga Allah memberi taufik kepada saudara dan menunjukkan saudara kepada jalan dakwah lalu saudara mengenalinya, mengenali petunjuk-petunjuk di sepanjang jalan dakwah dan mengenali siapa yang melaluinya. Saudara redha berjalan dengan mereka di jalan yang mulia dan benar ini kerana saudara telah mempercayai semua itu. Lantaran itu saudara beriltizam dengannya dan menggabungkan diri dengan mereka dan saudara mempersaksikan kepada Allah di atas yang demikian. Oleh kerana itu bersyukurlah dengan memuji Allah di atas hidayah dan taufiknya kepada saudara.

21.1 Marilah Kita Bersaudara Kerana Allah

Alangkah perlunya kita bersaudara kerana Allah semasa kita berjalan bersama di atas jalan dakwah untuk memperteguh ikatan di antara kita sebagaimana yang telah dibuat oleh Rasulullah s.a.w. tatkala baginda mempersaudarakan di antara Muhajirin dengan Ansar. Mereka telah membuat contoh yang indah dan agung tentang cinta dan ikrar yang mengutamakan saudaranya lebih dari dirinya sendiri.

Peganglah wahai saudaraku tangan saudaramu di atas jalan dakwah dengan pegangan yang penuh cinta, ikrar dan kasih sayang dengan sepenuh kekuatan tanpa melepaskannya di waktu kegawatan atau di waktu susah atau di waktu berkecamuknya fitnah dan ujian atau di waktu terjadinya berbagai peristiwa. Junjungan kita yang tercinta Nabi Muhammad s.a.w telah menggalakkan dan mendorong kita supaya berbuat demikian.

"*Orang mukmin dengan mukmin yang lain adalah laksana bangunan yang sebahagiannya menyokong sebahagian yang lain* ".

Sabda baginda lagi:

"*Perumpamaan orang-orang mukmin di dalam rasa cinta mereka, kasih sayang mereka dan kemesraan mereka seperti badan yang satu apabila sebahagian dari anggotanya mengadu sakit, maka bersama-samalah seluruh anggotanya dengan berjaga dan sakit*".

Sabda baginda lagi:

"*Seorang muslim adalah bersaudara dengan muslim yang lain, dia tidak menzalimi, tidak membiarkannya dan tidak menyerahkannya kepada bahaya. Barangsiapa menolong saudaranya, Allah akan*

menolongnya. Barangsiapa melepaskan saudaranya dari satu kesusahan, Allah melepaskannya dari satu kesulitan malah berbagai-bagai kesulitan pada hari kiamat, barangsiapa menutup rahsia, cacat cela (keaiban) seorang muslim, Allah menutup keaibannya pada hari kiamat".

Oleh kerana itu hai saudaraku, kenalilah saudara-saudaramu, bersatu-padulah, nasihat menasihatilah dan tegur menegurlah dengan cara terbuka. Tanggung menanggunglah dan berkasih sayanglah, dan jadilah kamu bersaudara.

21.2 Saling Ingat-Mengingati Di Antara Kita

Alangkah perlunya kita saling ingat-mengingati tatkala kita berjalan di atas jalan dakwah kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat kepada orang-orang yang beriman.

Marilah kita saling ingat-mengingati bahawa kewajipan yang menghimpunkan kita di atas jalan dakwah, tidak ada pilihan lain lagi bagi kita melainkan itu sahaja. Sesungguhnya Islam mewajibkan ke atas kita untuk melaksanakan segala ajarannya. Sesungguhnya setiap Muslim berdosa selagi mereka tidak bekerja dan berdakwah untuk mendirikan daulah Islam, negara Islam dan pemerintahan Islam.

Marilah kita ingat-mengingati bahawa dakwah kita ini adalah salafiah dan manhaj kita adalah manhaj salafussoleh ridwanullahuanhum, menurut cara sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. dan pengikut mereka sebagaimana yang telah dijelaskan kepada kita oleh Imam as-Syahid Hassan al-Banna r.a. Beliau telah menunjukkan kita kepada jalan dakwah dan menerangkan kepada kita bahawa jalan dakwah adalah satu-satunya jalan yang telah dilalui oleh Rasulullah s.a.w., para sahabat-sahabat dahulu dan dilalui oleh para pendokong dakwah kemudiannya. Di atasnyalah kita berjalan dengan taufik dari Allah selepas mereka berpandukan iman dan amal, persaudaraan dan kasih sayang. Berpadulah kekuatan akidah dengan kekuatan perpaduan dan jadilah jamaah mereka sebagai jamaah contoh, jamaah ideal, pasti akan berkuasa dan menang dakwahnya sekalipun ditentang oleh seluruh penghuni bumi ini.

Ingatlah wahai saudaraku! Peranan yang kita mainkan sekarang ini sangat susah dan berat. Tetapi ianya sangat penting dan asasi iaitu memantapkan dan meneguhkan dasar mukmin yang kukuh yang di atasnya akan dibangunkan bangunan daulah Islam yang mencakar langit. InsyaAllah. Iaitu dengan mempersiapkan generasi mukmin yang kuat dari manusia akidah yang beriman dengannya dan mampu, sanggup dan rela melaksanakannya. Generasi yang mempertahankan dan memantapkan asas itu sebagaimana yang telah kita maklumi bahawa ia merupakan marhalah dan tahap yang paling susah dan penting.

Ingatlah bahawa musuh-musuh kita, musuh-musuh Islam sentiasa mengintip kita dan mengatur berbagai-bagai tipu daya untuk memperdayakan kita. Ingatlah bahawa cita-cita yang diharapkan itu tidak akan sempurna kecuali melalui berbagai-bagai pertarungan yang hebat dan payah di antara pendokong hak dan pendokong kebatilan, di antara pendokong dakwah yang hak dan pendokong dakwah yang batil. Ketahuilah bahawa balasan yang baik itu hanyalah untuk orang-orang yang bertakwa.

"*Demikianlah Allah membuat perumpamaan bagi yang benar dan yang batil. Adapun buih itu, akan hilang sebagai sesuatu yang tidak ada harganya; adapun yang memberi menafaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan* ".Ar-Ra'ad: 17

"*Mereka tidak henti-henti memerangi kamu sampai mereka dapat mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup*". Al-Baqarah:217

Hendaklah kita ingat bahawa mehnah dan bencana itu adalah sunnah Allah dalam dakwah Islam untuk menapis dan membezakan di antara yang benar dan palsu, di antara munafik dan mukmin, di antara muslim dan kafir dan untuk menentukan jenis yang mampu memikul amanah kemenangan. Oleh kerana itu mehnah dan bencana itu adalah sebahagian perkara yang lazim dari jalan dakwah, ia juga mukaddimah (pendahuluan) dan mubasyirah, (berita gembira) untuk kemenangan. Dan benarlah Allah yang Maha Agung:

"*Dan sesungguhnya telah didustakan pula rasul-rasul sebelum kamu, akan tetapi mereka sabar terhadap pendustaan dan penganiayaan (yang dilakukan) terhadap mereka, sampai datang pertolongan Kami kepada mereka. Tak ada seorangpun yang dapat merubah kalimat-kalimat (janji-janji) Allah. Dan sesungguhnya telah datang kepadamu sebahagian dari berita rasul-rasul itu*". Al-An'aam: 34

Hendaklah kita ingat bahawa limpah kurnia Allah dicurahkan ke atas angkatan kita ini (as-sirah-al-Muhammadiah) itu kerana baginda telah melalui jalan dakwah dengan penuh keazaman, kemantapan, ketahanan tanpa pertukaran, tanpa perubahan atau penyelewengan. Tanpa kelemahan, kehinaan dan kelesuan walaupun ereka telah menghadapi berbagai-bagai ujian, bencana dan berbagai-bagai usaha dan tindakan ganas untuk membunuhnya atau untuk memesongkannya dari

jalan yang benar. Benarlah Allah Yang Maha Agung yang telah berfirman:

"*Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur. Dan ada di antara mereka ada pula yang menunggu-nunggu dan mereka sedikitpun tidak merubah janjinya* ". Al-Ahzab: 23

Hendaklah kita yakin dan percaya bahawa Allah pasti memberi pertolongan dan kemenangan kepada dakwah Islam ini. Pasti dia akan merealisasikan janjiNya kepada kita. Dia pasti akan mengurniakan al-khilafa al-Islam pemerintahan Islam kepada hamba-hambaNya yang beriman sebagaimana firmanNya:

"*Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku*".(An-Nur: 55)

Hendaklah kita ingat ketika kita berada di atas jalan dakwah, bahawa kita menyeru manusia kepada perkara yang paling baik dari segala yang diserukan orang kerana kita menyeru manusia kepada Allah:

"*Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal soleh dan berkata:* "*Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri*". Fussilat: 33

Sesungguhnya kita dengan Islam ini telah menjadi guru dunia yang mempunyai kemuliaan pimpinan:

"*Dan demikian pula Kami telah menjadikan kamu umat Islam, umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agarRasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu*"

Al-Baqarah: 143

"*Padahal kekuatan itu hanyalah bagi Allah, bagi RasulNya dan bagi orang-orang mukmin, tetapi orang-orang munafik itu tiada mengetahui*". Al-Munafikun: 8

Hendaklah kita ingat wahai saudaraku, di samping itu semua, bahawa sebenarnya Allah itu Maha Kaya dari kita dan jihad kita. Dan kitalah yang berhajat kepadaNya dan berhajat kepada limpah kurniaNya dan pahalaNya.

"*Dan barangsiapa yang berjihad, maka sesungguhnya jihadnya itu adalah untuk dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam* ".

Al-Ankabut: 6

Hendaklah kita ingat bahawa apabila kita berjuang di medan dakwah, maka kita tidak akan memperoleh yang lainnya iaitu apabila kita tidak memperjuangkan dakwah, maka dakwah itu tetap berjalan dan berlaku. Maknanya jika kita tidak memperjuangkan Islam, Islam itu akan tegak juga, Islam tidak memerlukan kita tetapi kitalah yang memerlukan lslam. Jika kita tidak berjuang, Insya Allah, akan ada orang lain yang lebih baik dari kita.

21.3 Marilah Kita Wasiat-Mewasiati

Hendaklah kita saling berwasiat dengan kebenaran yang telah menyatukan kita di atas jalan dakwah Islam dengan berpegang teguh kepada kebenaran dan menghayatinya. Janganlah kita berpaling darinya. Kita mesti menjaga dan mempertahankannya untuk diwariskan kepada generasi yang akan menggantikan kita tanpa menyelewengkannya dan merubahnya dan tidak memecah-mecahkan kepada beberapa bahagian.

Hendaklah kita saling berwasiat dengan kesabaran, sabar menanggung kesusahan di sepanjang jalan dakwah, tabah mengharungi berbagai-bagai rintangan dan memelihara diri dari segala penyelewengan. Lalu kita berjalan di atas ilmu dan pandangan yang benar dan jitu dengan mata terbuka dan terang, kefahaman yang sempurna terhadap manhaj perjalanan ini. Dengan keazaman yang teguh dan kemahuan yang kuat, amal yang tetap dan berterusan untuk masa depan yang cemerlang untuk dakwah ini dengan menilai bagaimana beratnya amanah ini dengan mengambil iktibar dan pengajaran dari berbagai-bagai peristiwa dan keadaan-keadaan masa lalu dan sedang berlaku sekarang.

Hendaklah kita wasiat mewasiati dengan meluangkan masa dan berkorban di jalan dakwah kerana dakwah Islam itu menuntut dari diri saudara dan apa-apa yang ada pada saudara semuanya dan tidak cukup dengan mengorbankan sebahagian sahaja. Penggabungan diri kita di dalam jalan dakwah ini menuntut supaya kita menggabungkan dengan sepenuhnya hingga ke titik penghabisan hidup kita, bukan penggabungan yang sementara dan sebahagian sahaja. Kita telah mengikat satu perjanjian teguh dengan Allah bahawa kita akan menyerahkan harta dan jiwa kita. Kita akan

menyerahkan segala nikmat kurnia Allah yang diberikan kepada kita untuk Allah, untuk dakwah Islam supaya Dia mengurniakan syurga yang seluas langit dan bumi kepada kita:

"*Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jualbeli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar*". At-Taubah: 111

Sekiranya saudara sanggup dan mampu menyerahkan waktu, usaha, harta dan fikiran saudara untuk dakwah ini, buatlah dan janganlah saudara bimbang lagi, kerana bila saudara berbuat demikian, saudaralah yang berjaya dan beruntung:

"*Dan apa-apa yang kamu usahakan dari kebaikan bagi dirimu, tentu kamu akan mendapat pahalanya pada sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan* ". Al-Baqarah:110

Adapun orang yang bakhil dengan sesuatu dari yang demikian maka dialah yang tertipu dan rugi:

"*Dan siapa yang kikir sesungguhnya dia hanyalah kikir terhadap dirinya sendiri. Dan Allahlah yang Maha Kaya sedangkan kamulah orang-orang yang berkehendak (kepadaNya), dan jika kamu berpaling nescaya Doa akan mengganti (kamu) dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan seperti kamu (ini)*".

Muhammad: 138

Bergembiralah wahai saudaraku dan berbahagialah saudara tatkala mendapati waktu saudara dipenuhi dengan amal untuk dakwah, daya dan tenaga saudara dihabiskan dan dikorbankan di bidang dakwah Islam ini kerana itu adalah dari kurnia Allah ke atas saudara:

"*Katakanlah: Dengan kurnia Allah dan RahmatNya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan RahmatNya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan*". Yunus:58

Masa itu adalah kehidupan dan kewajipan kita lebih banyak dari masa yang ada seperti yang pernah dikatakan Imam as-Syahid.

Hendaklah kita wasiat mewasiati dengan ikhlas kerana Allah kerana tiada keselamatan bagi kita dan tiada hasil bagi amalan kita kecuali dengan ikhlas niat dan tujuan kita kerana Allah semata-mata. Allah s.w.t tidak menerima suatu amalan kecuali yang ikhlas kerana Allah.

"*Katakanlah: "Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam (menjalankan) agama*". Az-Zumar: 11

"*Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam menjalankan agama dengan lurus, dan supaya mereka mendirikan salat, dan menunaikan zakat, dan yang demikian itu adalah agama yang lurus*". Al-Bayinah: 5

Wahai saudaraku sentiasalah memeriksa hati saudara dan bersihkanlah dia dari segala bahaya.

Rendahkanlah diri kepada saudara-saudaramu di atas jalan dakwah, berlemah lembutlah dengan mereka. Tawadhuklah kepada mereka dan janganlah merelakan diri saudara bersikap sombong kepada saudara-saudaramu. Janganlah menonjol-nonjolkan diri sebab yang demikian itu memusnahkan tulang belakang! Kenali dan fahamilah taraf diri sendiri dan taraf saudara-saudaramu.

Saudara, jauhilah dari terpedaya dengan diri sendiri. Ini akan menjauhkan saudara dari barisan dan kawan-kawan juga menjauhkan saudara dari jalannya. Hendaklah saudara sentiasa memulangkan segala kemuliaan itu bagi Allah di dalam segala kebaikan dakwah yang tercapai melalui usaha saudara. Janganlah menganggap bahawa ilmu yang ada pada saudara, kemampuan atau kekuatan peribadi adalah hak saudara semata-mata kerana sesungguhnya tiada kekuatan kecuali dengan Allah yang Maha Tinggi dan Maha Agung.

Hendaklah kita wasiat mewasiati supaya kita sama-sama memikul tanggungjawab dan tugas kita terhadap dakwah, supaya bangun dari tidur yang nyenyak dan menjauhkan diri dari corak hidup bermewah-mewah dan bermalas-malas, tetapi hendaklah sentiasa berfikir dan sibuk dengan urusan dakwah. Dakwah ini adalah segala-galanya dalam hidup kita. Kita sentiasalah berfikir dan berusaha melaksanakan sesuatu yang boleh menjayakan kepentingan dakwah dan kepentingannya dan menolak bahaya daripadanya. Hendaklah kita faham bahawa setiap dari kita berada di tiap-tiap penjuru dakwah yang penting, janganlah dakwah itu dirosakkan dari penjuru kita.

Hendaklah kita wasiat mewasiati, supaya kita memperbanyakkan bekalan di atas jalan dakwah ini dan sebaik-baik bekalan ialah takwa kepada Allah. Itulah yang menguatkan kita untuk memikul segala kesusahan dan kesulitan di atas jalan dakwah ini, yang memelihara kita dari tergelincir di tempat-tempat licin, yang menolong kita menempuh segala rintangan.

"*Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa bila mereka ditimpa was-was dari syaitan, mereka ingat kepada Allah, maka ketika itu juga mereka melihat kesalahan-kesalahannya*". Al-A'raaf: 201

21.4 Hendaklah Kita Tetap Di Atas Jalan Dakwah

Hai saudaraku! Hendaklah kita tetap di atas jalan dakwah supaya tidak tergelincir setelah mantap. Hendaklah kita berjalan terus menerus di atas jalan ini.

Janganlah kita merasa jemu berjalan setiap waktu di setiap tempat segala suasana walaupun keseorangan tersisih jauh di muka bumi atau di dalam penjara. Hendaklah kita merasa-rasa penyertaaan Allah, sebab Dialah sebaik-baik Penjaga dan sebaik-baik Penolong. Janganlah jemu berjalan di atas jalan dakwah walaupun jauh dari tanda-tanda kemenangan, tidak melihat hasil dan buah amal usaha dan jihad saudara. Kerana Allah tidak menghisab hasil-hasil kerja kita, tetapi Allah menghisab di atas usaha dan niat kita.

Hendaklah kita tetap beristiqamah wahai saudaraku sekalipun tidak terdedah kepada bermacam-macam gangguan dan rintangan. Walaupun kebatilan sentiasa mengancam, menakut-nakutkan atau menggertak kita, sebab kita mempunyai contoh teladan yang paling baik dari Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabat baginda. Hendaklah kita menghayati firman Allah:

"*Dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar imannya, dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa*". Al-Baqarah: 177

"*Iaitu orang-orang yang mentaati perintah Allah dan RasulNya sesudah mereka mendapat luka dalam peperangan Uhud, bagi orang-orang yang berbuat kebaikan di antara mereka dan bertakwa ada pahala yang besar. Iaitu orang-orang yang mentaati Allah dan Rasul yang kepada mereka ada orang-orang yang mengatakan:* "*Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka*", *maka kata-kata itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab,*"*Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung*". *Maka mereka kembali dengan nikmat dan kurnia yang besar dari Allah, mereka tidak mendapat bencana apa-apa, mereka mengikut keredhaan Allah. Dan Allah mempunyai kurnia yang besar. Sesungguhnya mereka tidak lain hanyalah syaitan yang menakut-nakutkan kamu dengan kawan-kawannya (orang-orang musyrik Quraisy), kerana itu janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takutlah kepadaKu, jika kamu benar-benar orang yang beriman* ". Alilmran: 172-175

"*Dan berapa ramai nabi yang berperang bersama-sama mereka sejumlah besar dari pengikutnya yang bertakwa. Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana yang menimpa mereka di jalan Allah, dan tidak lesu dan tidak pula menyerah kepada musuh. Allah menyukai orang-orang yang sabar. Tidak ada doa mereka selain ucapan:* "*Ya Tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami dan tindakan-tindakan kami yang berlebih-lebih dalam urusan kami, dan tolonglah kami menghadapi kaum yang kafir*". *Kerana itu Allah memberikan kepada mereka pahala di dunia dan pahala yang baik di akhirat. Dan Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan*".

Ali Imran : 146

Hendaklah kita tetap di atas jalan dakwah wahai saudaraku dan tidak menjauhkan diri daripadanya walau sejengkal pun sehingga kita mati ketika berada di atas jalan itu tanpa menukar, merubah atau memungkiri janji kita terhadap Allah dan menunggu salah satu dari dua kebaikan; iaitu kemenangan dan pimpinan manusia di serahkan kepada kita ataupun mati syahid dan berbahagia

21.5 Doa

Di akhir pengajian kita dari buku "Thariq-ad-Dakwah" ini kita mengaap kepada Allah dengan doa semoga Dia mengampuni kita di atas segala kesalahan kita. Semoga Dia menerima usaha kita yang ditaufikkan Allah kepada kita dan kita semua mengadap kepada Allah. Semoga Dia memberi kemenangan kepada dakwahNya di muka bumi ini dan membuka pintu kepada Allah, semoga Dia menjadikan kita dari tenteraNya yang benar dan mengumiakan as-syahadah (syahid) pada jalan Allah, semoga kita dimasukkan di dalam syurgaNya bersama al-Nabiyin was-siddiqin-wa-syuhada'-was-solihin, wa-hasuna ula'ika rafiqa.
Ya Tuhan kami terimalah permohonan kami.
Waalahhu a'lam.

Allahu Akbar Walillahil Hamd.